



KOD TATA AMALAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

Untuk Sektor Perbankan dan
Institusi Keuangan

Januari 2017



PESURUHJAYA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

No. Ruj.

CcF_BANK

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh Seksyen 23(3) Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709), saya dengan ini mendaftarkan Tataamalan bagi Golongan Pengguna Data Perbankan dan institusi kewangan dan terpakai kepada semua pengguna data di bawah golongan tersebut berkuatkuasa serta-merta.

Bertarikh pada: 19 Januari 2017



(MAZMALEK BIN MOHAMAD)

Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi, Malaysia



Isi Kandungan

BAHAGIAN	PERKARA	MUKASURAT
1	Pengenalan - <i>Prakata</i> - <i>Objektif Kod</i> - <i>Skop Kod</i> - <i>Pentadbiran Kod</i> - <i>Penerimaan Kod oleh Pesuruhjaya</i> - <i>Tarikh Kuat Kuasa</i> - <i>Kuasa Undang-Undang dan Kesan Kod</i>	1
2	Definisi Dan Tafsiran - <i>Definisi-definisi</i> - <i>Tafsiran-taksiran</i>	6
3	Prinsip-Prinsip Am Yang Terpakai Keatas Hubungan Di Antara Pengguna Data Dan Subjek Data - <i>Prinsip Am</i> - <i>Prinsip Notis dan Pilihan</i> - <i>Prinsip Penzahiran</i> - <i>Prinsip Keselamatan</i> - <i>Prinsip Penyimpanan</i> - <i>Prinsip Integriti Data</i> - <i>Prinsip Akses</i>	11
4	Isu-Isu Spesifik Yang Relevan Kepada Sektor Perbankan dan Institusi Kewangan - <i>Data Peribadi</i> - <i>Data Peribadi Sensitif</i> - <i>Data Sedia Ada</i> - <i>Pemasaran Langsung</i> - <i>Agensi Pelaporan Kredit</i> - <i>Pangkalan Data yang Dibenarkan</i> - <i>Menghubungi Subjek Data</i> - <i>Sijil Pendaftaran</i> - <i>Fotografi Semasa Majlis-Majlis Korporat</i> - <i>Pemindahan Data Peribadi ke Luar Negara</i>	35

BAHAGIAN	PERKARA	MUKASURAT
5	Hak Subjek Data - <i>Hak Mengakses Data Peribadi</i> - <i>Hak Membetulkan Data Peribadi</i> - <i>Hak Menghalang Pemprosesan yang Mungkin Menyebabkan Kerosakan atau Distres</i> - <i>Hak Menarik Balik Persetujuan</i> - <i>Hak Menghalang Pemprosesan bagi Tujuan Pemasaran Langsung</i>	52
6	Kakitangan/Pekerja - <i>Pembentukan Polisi dan Prosedur</i> - <i>Latihan dan Kesedaran Pekerja</i> - <i>Sistem Kawalan</i>	69
7	Pematuhan, Pemantauan, Kajian Dan Pindaan Kod - <i>Pematuhan Kod</i> - <i>Pemantauan</i> - <i>Pindaan Kod</i> - <i>Forum Pengguna Data dan Pesuruhjaya</i> - <i>Akibat Ketidakpatuhan kepada Kod</i>	71

Jadual-Jadual

1. Hak-Hak Subjek Data
2. Notis Privasi (bagi Pelanggan)
3. Borang Permintaan Akses Data
4. Borang Permintaan Pembetulan Data

Lampiran

1. Jadual 11 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013

BAHAGIAN 1

PENGENALAN

1.1 PRAKATA

- 1.1.1 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“Akta”) telah diluluskan oleh Parlimen Malaysia bagi tujuan pengawalselian pemprosesan data peribadi di dalam transaksi komersial. Akta tersebut memberikan hak kepada individu-individu (“Subjek Data”) berhubung dengan pengumpulan, penggunaan dan/atau penyimpanan (“pemprosesan”) data peribadi mereka dan meletakkan tanggungjawab kepada orang-orang/entiti-entiti yang memproses data peribadi tersebut (“Pengguna Data”). Istilah-istilah “Subjek Data”, “Pengguna Data” dan “pemprosesan” ditakrifkan dengan lebih terperinci di dalam Bahagian 2 Kod Tata Amalan ini.
- 1.1.2 Akta tersebut digubal sekitar teras prinsip-prinsip perlindungan data peribadi yang menyatakan secara luas, jenis-jenis perilaku yang dibenarkan di bawah Akta.
- 1.1.3 Sebagai mengiktiraf fakta yang sektor/industri yang berlainan mungkin mempunyai amalan-amalan industri tertentu berhubung dengan cara data peribadi dikendalikan dan/atau mungkin telah menggunakan teknologi yang unik yang memerlukan peraturan perlindungan data yang khusus, Akta tersebut membenarkan pembentukan dan penetapan forum Pengguna Data oleh Pesuruhjaya, serta penyediaan Kod Tata Amalan bagi industri/sektor tertentu.
- 1.1.4 Kod Tata Amalan ini adalah khusus bagi orang-orang/pihak-pihak yang memegang lesen di dalam sektor perbankan dan institusi kewangan di Malaysia, iaitu semua institusi perbankan dan kewangan yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002, dan telah dibangunkan oleh Persatuan Bank-Bank di Malaysia (ABM) yang telah dilantik sebagai Forum Pengguna Data bagi sektor perbankan dan institusi kewangan, dengan penglibatan dan bantuan daripada Persatuan Perbankan Pelaburan Malaysia (MIBA), Persatuan Institusi-Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM) dan Persatuan Institusi Kewangan dan Pembangunan Malaysia (ADFIM).
- 1.1.5 Institusi Perbankan dan Kewangan yang memegang lesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Dan Sekuriti Labuan 2010 dan Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2010, sebagaimana yang berkenaan, tidak dianggap sebagai Pengguna Data bagi tujuan Kod Tata Amalan ini dan oleh itu tidak perlu mematuhi. Walau bagaimanapun, mereka boleh memilih untuk mematuhi Kod Tata Amalan ini secara sukarela, namun penalti-penalti di dalam Kod ini tidak terpakai ke atas mereka.

1.2 OBJEKTIF KOD

1.2.1 Kod Tata Amalan ("Kod") bagi sektor perbankan dan institusi kewangan ini bertujuan untuk:-

- (i) menetapkan standard perilaku minima berkaitan dengan data peribadi yang dijangka daripada Pengguna Data;
- (ii) menyatakan tindakan-tindakan yang perlu diambil oleh Pengguna Data bagi memastikan pemprosesan data peribadi tidak melanggar mana-mana hak Subjek Data di bawah Akta tersebut;
- (iii) menyatakan perkara-perkara yang perlu diambil kira oleh Pengguna Data bagi memastikan risiko kepada data peribadi milik Subjek Data dapat diminimakan; dan
- (iv) mewujudkan rangka kerja pentadbiran bagi menyelia dan menguatkuasakan pematuhan Pengguna Data dengan Kod ini.

1.2.2 Di samping objektif-objektif yang dinyatakan di atas, Kod ini juga menetapkan hak-hak individu di bawah Akta. Sila rujuk Jadual 1 untuk gambaran keseluruhan hak-hak individu sebagai "Subjek Data" (seperti yang ditakrifkan di perenggan 1.3.2 dan 1.3.3 di bawah) di bawah Akta.

1.3 SKOP KOD

1.3.1 Setelah pendaftaran Kod ini oleh Pesuruhjaya, Kod ini akan terpakai kepada semua bank dan bank pelaburan berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, semua perbankan islam dan Perbankan Islam Antarabangsa yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan semua institusi kewangan pembangunan yang dilesenkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002.

1.3.2 Kod ini akan terpakai kepada semua hubungan di antara Pengguna Data dan individu yang mana melibatkan pemprosesan maklumat oleh Pengguna Data yang dapat mengenal pasti individu tersebut secara peribadi, sebagai sebahagian daripada atau di dalam satu atau lebih transaksi komersial yang dijangkakan. Ini termasuklah, tetapi tidak terhad kepada, hubungan di antara Pengguna Data dan individu-individu seperti berikut:-

- (i) individu yang merupakan (atau pernah menjadi) pelanggan Pengguna Data;
- (ii) individu yang mewakili pelanggan Pengguna Data (contohnya ibu bapa kepada mereka yang di bawah umur, pemegang amanah dan wakil-wakil yang diberi kuasa);

- (iii) individu yang telah dikenalpasti sebagai bakal pelanggan Pengguna Data;
 - (iv) individu yang telah memohon untuk menjadi pelanggan Pengguna Data, sama ada berjaya atau sebaliknya;
 - (v) individu yang bukan pelanggan kepada Pengguna Data tetapi menggunakan (atau telah menggunakan) fasiliti atau perkhidmatan yang disediakan oleh Pengguna Data; dan
 - (vi) individu yang telah membuat perjanjian sampingan bersama Pengguna Data (contohnya penjamin dan/atau pemberi jaminan pihak ketiga) bagi atau untuk manfaat individu atau entiti lain.
- 1.3.3 Individu-individu yang dinyatakan di perenggan 1.3.2 di atas, akan dikenali secara kolektif sebagai “Subjek Data”.
- 1.3.4 Bagi organisasi/syarikat di mana maklumat berkenaan dengan pegawai, pekerja, penandatanganan yang sah, direktor, pemegang saham individu, penjamin individu, pemberi sekuriti individu, pembekal/vendor dan/atau mana-mana pihak yang berkaitan (“individu tersebut”) dibekalkan oleh organisasi/syarikat tersebut kepada Pengguna Data bagi tujuan apa-apa transaksi komersial di antara organisasi/syarikat dan Pengguna Data tersebut, maklumat tersebut akan dianggap sebagai maklumat yang dibenarkan untuk diberi kepada Pengguna Data.
- 1.3.5 Bagi mengelakkan keraguan, Pengguna Data tidak perlu mendapatkan kebenaran daripada individu tersebut untuk memproses maklumat tersebut bagi tujuan transaksi komersial di antara Pengguna Data dan organisasi/syarikat tersebut dan hak untuk menarik semula kebenaran di bawah 5.4 tidak akan terpakai kepada individu tersebut sama ada semasa atau selepas tempoh pekerjaan mereka di organisasi/syarikat tersebut.
- 1.3.6 Selain daripada yang dinyatakan di atas, Kod ini juga akan terpakai bagi hubungan di antara Pengguna Data dan pihak-pihak berikut:-
- (i) pemproses data yang dilantik oleh Pengguna Data, contohnya, di mana Pengguna Data menyumber keluar fungsi tertentu (spt. kutipan hutang, pencetakan penyata) kepada pembekal/vendor dan memberikan pembekal/vendor tersebut data peribadi kepunyaan Subjek Data bagi Pengguna Data; dan
 - (ii) pekerja-pekerja Pengguna Data, tetapi hanya sekadar yang berkenaan dengan pemprosesan data peribadi Subjek Data oleh pekerja Pengguna Data.
- 1.3.7 Dengan merujuk kepada perenggan 1.3.6(ii), pemegang CMSRL boleh dilantik oleh Pengguna Data sebagai pekerja Pengguna Data, di mana kesemua peruntukan di

dalam Kod ini berkaitan dengan pekerja akan terpakai ke atas pemegang CMSRL tersebut. Sekiranya pemegang CMSRL tersebut bukan merupakan pekerja Pengguna Data, mereka adalah dianggap sebagai pihak ketiga yang berkecuali yang merupakan Pengguna Data dengan sendirinya. Bagi situasi di mana pemegang CMSRL dianggap sebagai Pengguna Data, hubungan mereka dengan pelanggan individu mereka tidak akan termasuk di bawah skop Kod ini.

1.3.8 Kod ini akan terpakai kepada data peribadi yang:

- (i) dikumpul, digunakan, dikekalkan dan/atau dipadamkan, sama ada secara automatik atau sebaliknya, melalui penggunaan peranti elektronik Pengguna Data; dan/atau
- (ii) dikumpul dan dirakamkan sebagai sebahagian daripada sistem pemfailan manual ("sistem pemfailan yang berkenaan") atau dengan tujuan yang ianya akan menjadi sebahagian daripada sistem pemfailan manual tersebut. Antara contoh-contoh ini adalah sistem pemfailan fizikal di mana Subjek Data dikenali mengikut abjad atau melalui lain-lain teknik pengenalan.

1.3.9 Kod ini akan terpakai ke atas semua data peribadi dan data peribadi sensitif yang ada di dalam milikan atau di bawah kawalan Pengguna Data, tanpa mengambil kira tarikh pengumpulan atau "pemprosesan" data peribadi/data peribadi sensitif tersebut.

1.3.10 Bagi mengelakkan keraguan, individu-individu yang telah meninggal dunia tidak akan dianggap oleh Pesuruhjaya sebagai Subjek Data di bawah Akta, Peraturan dan Kod ini.

1.4 **PENTADBIRAN KOD**

1.4.1 Persatuan Bank-bank di Malaysia (ABM) selaku Forum Pengguna Data yang dilantik bagi sektor perbankan dan institusi kewangan, akan mentadbir Kod ini.

1.4.2 Pesuruhjaya boleh, melalui satu permohonan oleh ABM, membatalkan, meminda atau menyemak semula Kod ini, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya, seperti yang dijelaskan dengan lebih terperinci di seksyen 26 Akta tersebut.

1.4.3 Pesuruhjaya dan ABM akan berjumpa sekurang-kurangnya sekali setahun atau dimana dan apabila perlu bagi membincangkan isu-isu berkaitan dengan pematuhan Akta oleh sektor perbankan dan institusi kewangan, tindakan penguatkuasaan di bawah Akta, aduan yang dikemukakan ke atas Pengguna Data, inisiatif yang dicadangkan kepada Pesuruhjaya dan lain-lain perkara yang berkaitan dengan mana-mana pihak.

1.5 PENERIMAAN KOD OLEH PESURUHJAYA

- 1.5.1 Kod ini telah diterima pakai oleh Pesuruhjaya menurut seksyen 23(4) Akta, di mana:-
- (i) Kod ini adalah konsisten dengan peruntukan Akta;
 - (ii) tujuan pemprosesan data peribadi oleh Pengguna Data telah diambil kira;
 - (iii) pandangan Subjek Data atau kumpulan yang mewakili Subjek Data telah diambil kira;
 - (iv) pandangan pengawal selia sektor perbankan (iaitu Bank Negara Malaysia) telah diambil kira; dan
 - (v) Kod ini menawarkan tahap perlindungan yang mencukupi bagi data peribadi Subjek Data yang berkaitan.

1.6 TARIKH KUAT KUASA

- 1.6.1 Menurut seksyen 23(4) Akta, Kod ini akan berkuatkuasa sebaik sahaja ia didaftarkan dengan Pesuruhjaya ke dalam Buku Daftar Kod Tata Amalan.

1.7 KUASA UNDANG-UNDANG DAN KESAN KOD

- 1.7.1 Semua Pengguna Data yang berurusan dengan data peribadi akan terikat untuk mematuhi Kod ini berdasarkan peruntukan seksyen 25 Akta tersebut.
- 1.7.2 Pengguna Data yang gagal mematuhi peruntukan mandatori Kod ini adalah melakukan satu kesalahan dan akan, sekiranya disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi daripada satu ratus ribu ringgit atau penjara bagi tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali seperti yang diperuntukan di bawah seksyen 29 Akta tersebut.
- 1.7.3 Pematuhan Kod ini akan menjadi pembelaan bagi sebarang tindakan, pendakwaan atau prosiding dalam apa jua bentuk, yang dibawa terhadap Pengguna Data, sama ada di dalam mahkamah atau sebaliknya, untuk satu atau lebih dakwaan pelanggaran Akta atau Peraturan.

BAHAGIAN 2

DEFINISI & TAFSIRAN

2.1 DEFINISI-DEFINISI

- 2.1.1 Bagi tujuan Kod ini, perkataan-perkataan dan istilah-istilah yang digunakan di dalam Kod ini akan mempunyai maksud yang sama seperti di dalam Akta, melainkan dinyatakan sebaliknya.

<i>Akta (tersebut)</i>	ertinya Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan termasuk semua pengubahsuaian dan pindaan kepadanya serta Peraturan yang berkenaan dengannya.
<i>Bertulis/tulisan</i>	termasuk penulisan taip, percetakan, litografi, fotografi, penyimpanan atau penghantaran elektronik (contohnya melalui saluran elektronik) atau apa-apa cara untuk merekod atau menetapkan maklumat yang lain di dalam format yang boleh dikekalkan (cth. rakaman suara digital).
<i>DAR</i>	merujuk kepada maksud yang diberikan kepada istilah tersebut tersebut di perenggan 5.1.1.
<i>Data peribadi</i>	ertinya apa-apa maklumat yang berkenaan dengan transaksi komersial, yang – (a) sedang diproses secara keseluruhannya atau sebahagiannya melalui kelengkapan yang dikendalikan secara automatik sebagai tindak balas kepada arahan yang diberikan bagi maksud itu; (b) direkodkan dengan niat bahawa ia sepatutnya diproses secara keseluruhannya atau sebahagiannya melalui kelengkapan itu; atau (c) direkodkan sebagai sebahagian daripada sistem pemfailan yang berkenaan atau dengan niat bahawa ia sepatutnya menjadi sebahagian daripada sistem pemfailan yang berkenaan, yang berhubungan secara langsung atau tidak langsung dengan seorang Subjek Data, yang dikenal pasti atau boleh dikenal pasti daripada maklumat itu atau daripada maklumat itu dan maklumat lain dalam milikan seorang Pengguna Data, termasuk apa-apa data peribadi sensitif dan pernyataan pendapat tentang subjek data itu; tetapi tidak termasuk apa-apa maklumat yang diproses bagi maksud suatu perniagaan pelaporan kredit yang

	dijalankan oleh sesuatu agensi pelaporan kredit di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010.
Data peribadi sensitif	ertinya apa-apa data peribadi yang mengandungi maklumat tentang kesihatan atau keadaan fizikal atau mental seorang Subjek Data, pendapat politiknya, kepercayaan agamanya atau kepercayaan lain yang bersifat seumpamanya, perlakuan atau pengatahan pelakuan apa-apa kesalahan olehnya atau apa-apa data peribadi lain yang ditentukan oleh Menteri melalui perintah yang disiarkan di dalam Warta.
DCR	merujuk kepada maksud yang diberikan kepada istilah tersebut di perenggan 5.2.1.
Kod	ertinya Kod Tata Amalan ini sebagaimana yang mungkin dipinda dari semasa ke semasa;
Kod Tata Amalan	bermakna Kod Tata Amalan perlindungan data peribadi yang berkaitan dengan orang/pihak yang terlibat dengan sektor perbankan dan institusi kewangan di Malaysia, iaitu semua institusi perbankan dan kewangan yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002, yang telah didaftarkan oleh Pesuruhjaya menurut seksyen 23 Akta tersebut.
Memilih keluar (Opt-out)	merujuk kepada keadaan di mana Subjek Data, berdasarkan hubungan yang tersedia ada, menerima komunikasi perkhidmatan dan/atau pemasaran secara automatik daripada Pengguna Data, sehingga Subject Data mengambil tindakan positif untuk memilih untuk tidak melanggan atau untuk tidak menerima komunikasi perkhidmatan dan/atau pemasaran tersebut.
Memilih masuk (Opt-in)	merujuk kepada keadaan di mana Subjek Data tidak menerima komunikasi perkhidmatan dan/atau pemasaran Pengguna Data sehingga Subject Data membuat pilihan positif untuk menerima atau melanggan komunikasi perkhidmatan dan/atau pemasaran tersebut.
Mengumpul	berhubung dengan data peribadi, ertinya perbuatan yang melaluinya data peribadi itu termasuk ke dalam atau berada di bawah kawalan seorang Pengguna Data;
Menzahirkan	berhubung dengan data peribadi, ertinya perbuatan yang melaluinya data peribadi itu disediakan oleh seorang Pengguna

	Data.
Notis Privasi	bermaksud notis bertulis, walau bagaimana sekalipun dinyatakan, yang perlu disediakan oleh Pengguna Data kepada Subjek Data bagi mematuhi seksyen 7 Akta tersebut dan termasuk sebarang kenyataan privasi atau polisi privasi.
Pemegang CMSRL	ertinya pemegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal yang dilesenkan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.
Pemproses data	ertinya mana-mana orang, selain seorang pekerja Pengguna Data, yang memproses data peribadi itu semata-mata bagi pihak Pengguna Data itu, dan tidak memproses data peribadi itu bagi apa-apa maksud persendirian.
Pemprosesan / proses	berkaitan dengan data peribadi, ertinya mengumpul, merekod, memegang atau menyimpan data peribadi itu atau menjalankan apa-apa pengendalian atau set pengendalian terhadap data peribadi itu, termasuk— (a) penyusunan, penyesuaian atau pengubahan data peribadi; (b) mendapatkan kembali, merujuk kepada atau menggunakan data peribadi; (c) penzahiran data peribadi melalui penghantaran, pemindahan, penyebaran atau selainnya menjadikannya tersedia; atau (d) penjajaran, penggabungan, pembetulan, pemadaman atau pemusnahan data peribadi.
Pengguna Data	ertinya seseorang, sama ada berseorangan atau berkumpulan atau bersama dengan orang lain memproses apa-apa data peribadi atau mempunyai kawalan terhadap atau membenarkan pemprosesan apa-apa data peribadi (tetapi tidak termasuk seorang pemproses data) dan bagi tujuan Kod ini, ia merujuk secara khusus kepada orang-orang yang dikenalpasti di perenggan 1.1.4.
Penyataan pendapat	merujuk kepada suatu kenyataan fakta yang tidak dapat ditentukan atau di dalam semua keadaan tidak praktikal untuk ditentukan.
Peraturan	merujuk kepada peraturan-peraturan yang dibuat oleh Menteri selaras dengan seksyen 143(1) Akta tersebut.

<i>Pesuruhjaya</i>	merujuk kepada Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi yang dilantik di bawah Akta tersebut.
<i>Pihak ketiga</i>	ertinya mana-mana orang selain— (a) seorang Subjek Data; (b) seorang yang berkaitan yang berhubungan dengan seorang Subjek Data; (c) seorang Pengguna Data; (d) seorang pemproses data; atau (e) seorang yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pengguna Data untuk memproses data peribadi di bawah kawalan langsung Pengguna Data itu.
<i>Sistem pemfailan yang berkaitan</i>	ertinya apa-apa set maklumat yang berhubungan dengan individu setakat yang, walaupun maklumat itu tidak diproses melalui kelengkapan yang dikendalikan secara automatik sebagai tindak balas kepada arahan yang diberikan bagi maksud itu, set maklumat itu distrukturkan, sama ada dengan merujuk kepada individu atau dengan merujuk kepada kriteria yang berhubungan dengan individu, dengan apa-apa cara supaya maklumat khusus yang berhubungan dengan individu tertentu boleh diakses dengan mudah.
<i>Subjek Data</i>	ertinya seseorang individu yang menjadi subjek data peribadi itu dan bagi tujuan Kod ini termasuk (dan tidak terhad kepada) individu yang dikenalpasti di perenggan 1.3.2.
<i>Transaksi komersial</i>	ertinya apa-apa transaksi bersifat komersial, sama ada secara kontrak atau tidak, yang termasuk apa-apa perkara yang berhubungan dengan pembekalan atau pertukaran barang atau perkhidmatan, agensi, pelaburan, pembiayaan, perbankan dan insurans, tetapi tidak termasuk sesuatu perniagaan pelaporan kredit yang dijalankan oleh sesuatu agensi pelaporan kredit di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010.

2.2 TAFSIRAN-TAFSIRAN

2.2.1 Bagi tujuan pentafsiran Kod ini:

- (i) perkataan yang mempunyai erti tunggal akan termasuk erti majmuk dan sebaliknya kecuali konteks memerlukan yang selain darinya;
- (ii) rujukan kepada "merangkumi" atau "meliputi" hendaklah ditafsirkan tanpa had;

- (iii) rujukan kepada “seseorang” atau “mana-mana orang”, hendaklah dibaca sebagai merangkumi pihak-pihak di dalam bentuk entiti-entiti; dan
- (iv) rujukan kepada apa-apa akta termasuk rujukan kepada setiap perintah, instrumen, peraturan, arahan atau pelan yang mempunyai kuasa undang-undang yang dibuat di bawahnya atau memperoleh kesahihan daripadanya serta mana-mana pindaan atau pengubalan semulanya dari semasa ke semasa ianya berkuatkuasa.

2.2.2 Contoh-contoh yang diberikan di dalam Kod ini tidak bertujuan untuk menjadi menyeluruh tetapi dimasukkan untuk tujuan konteks dan ilustrasi sahaja.

2.2.3 Cadangan-cadangan yang diberikan di dalam Kod ini adalah tidak wajib dan ianya berfungsi sebagai panduan kepada amalan baik yang digalakkan untuk diikuti oleh Pengguna Data.

BAHAGIAN 3

PRINSIP-PRINSIP AM YANG TERPAKAI KE ATAS HUBUNGAN DI ANTARA PENGGUNA DATA DAN SUBJEK DATA

3.1 PRINSIP AM

Persetujuan

- 3.1.1 Pengguna Data dibenarkan untuk “memproses” (contohnya untuk mengumpul, menggunakan, meminda, menyimpan dan/atau menghapuskan) data peribadi, sama ada dengan atau tanpa persetujuan, seperti yang diterangkan di perenggan 3.1.2 dan 3.1.3 di bawah.
- 3.1.2 Pengguna Data dibenarkan untuk memproses data peribadi tanpa mendapatkan persetujuan Subjek Data apabila pemprosesan adalah perlu bagi tujuan-tujuan berikut:

- (i) bagi melaksanakan sesuatu kontrak bersama Subjek Data; atau

Contoh: Apabila Subjek Data memasuki perjanjian bersama Pengguna Data bagi mendapatkan pinjaman/pembiayaan atau kad kredit, membuka akaun simpanan atau semasa, membuka kemudahan simpanan tetap dan/atau untuk menghantar wang menggunakan perkhidmatan pemindahan wang.

- (ii) bagi memenuhi permintaan pra-kontrak daripada Subjek Data; atau

Contoh 1: Apabila Subjek Data meminta supaya Pengguna Data menghantar melalui surat/e-mel, satu atau lebih risalah produk perkhidmatan kewangan kepada Subjek Data.

Contoh 2: Apabila Subjek Data membuat permohonan untuk kemudahan dengan Pengguna Data dan Pengguna Data menjalankan pemeriksaan pra-kontrak yang diperlukan berkaitan dengan kredit, penggubahan wang dan pengurusan risiko.

Contoh 3: Apabila pengedar otomobil, selaku ejen kepada Subjek Data, menghantar data peribadi Subjek Data kepada Pengguna Data bagi mendapatkan kadar dan terma terbaik bagi Pengguna Data.

Contoh 4: Apabila ejen hartanah atau pemaju perumahan, selaku ejen kepada Subjek Data, menghantar data peribadi Subjek Data kepada Pengguna Data dan memohon supaya Pengguna Data menghubungi Subjek Data berkenaan pakej pembiayaan yang ditawarkan.

- (iii) bagi memenuhi apa-apa obligasi undang-undang bukan kontrak yang tertakluk keatas Pengguna Data; atau

Contoh 1: Apabila Pengguna Data perlu memberikan data peribadi Subjek Data kepada Bank Negara Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negara atau pihak penguatkuasa undang-undang lain bagi memenuhi keperluan laporan regulatori di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001.

Contoh 2: Apabila Pengguna Data perlu memberikan data peribadi Subjek Data kepada Bank Negara Malaysia bagi memenuhi obligasinya di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau bagi tujuan memenuhi keperluan peraturan atau panduan Bank Negara Malaysia.

- (iv) bagi melindungi kepentingan vital Subjek Data; atau

Contoh: Apabila Pengguna Data menzahirkan data peribadi Subjek Data kepada pihak ketiga seperti pihak polis atau kepada waris kadim (waris terdekat) Subjek Data dalam situasi yang berkaitan dengan hidup, mati dan keselamatan Subjek Data.

- (v) Untuk pentadbiran keadilan mengikut keperluan yang ditetapkan undang-undang; atau

Contoh 1: Apabila Pengguna Data mempunyai obligasi untuk menzahirkan data peribadi kepada pegawai yang diberi kuasa di bawah mana-mana undang-undang bertulis bagi tujuan penyiasatan atau pendakwaan.

Contoh 2: Apabila Pengguna Data mempunyai obligasi untuk memproses data peribadi Subjek Data berdasarkan perintah mahkamah (cth. perintah garnisi) yang diserahkan keatas Pengguna Data.

Contoh 3: Apabila Pengguna Data dikehendaki menzahirkan data peribadi yang diperlukan untuk tindakan bankrapsi.

- (vi) bagi menjalankan apa-apa fungsi yang diberikan kepada mana-mana orang oleh undang-undang.

Contoh: Apabila Pengguna Data diberi kuasa oleh sesuatu Akta Parlimen untuk menjalankan fungsi statutori.

- 3.1.3 Dalam semua keadaan lain, Pengguna Data dikehendaki oleh Akta tersebut untuk mendapatkan kebenaran daripada Subjek Data sebelum "pemprosesan" data peribadi tersebut.

Bentuk Dan Jenis Persetujuan

- 3.1.4 Di mana persetujuan perlu diperolehi daripada Subjek Data, bentuk dan jenis persetujuan yang perlu diperolehi tidak dinyatakan di dalam Akta. Walau bagaimanapun, Peraturan-Peraturan Perlindungan Data Peribadi ("Peraturan-Peraturan") memperuntukan bahawa persetujuan mestilah di dalam bentuk yang mampu "*direkodkan*" dan "*diselenggarakan*". Oleh itu, tertakluk kepada perkara-perkara di atas, persetujuan boleh secara nyata atau tersirat.

- 3.1.5 Contoh bentuk persetujuan yang boleh diterima di bawah Akta bagi tujuan membuat atau meneruskan suatu kontrak di antara Pengguna Data dan Subjek Data ialah:

- (i) tandatangan atau petanda (spt. tanda *tick*) untuk menandakan persetujuan; atau
- (ii) persetujuan memilih masuk (*opt in*); atau
- (iii) persetujuan dianggap (*deemed consent*); atau
- (iv) persetujuan secara lisan,

tertakluk kepada persetujuan tersebut memenuhi keperluan di dalam Peraturan-Peraturan di mana ianya hendaklah boleh "*direkodkan*" dan "*diselenggarakan*".

- 3.1.6 Tertakluk kepada pematuhan Prinsip Notis dan Pilihan seperti yang dinyatakan di perenggan 3.2 di bawah, "persetujuan dianggap" (*deemed consent*) bermaksud persetujuan yang boleh dianggap sebagai telah diberi oleh Subjek Data kepada Pengguna Data dalam keadaan di mana Subjek Data:

- (i) tidak membantah terhadap pemprosesan data peribadinya oleh Pengguna Data; atau
- (ii) memberikan data peribadinya secara sukarela; atau
- (iii) menggunakan atau meneruskan penggunaan fasiliti atau perkhidmatan Pengguna Data.

- 3.1.7 Di mana berkenaan, persetujuan boleh diperolehi sama ada di atas kertas atau menerusi media elektronik yang digunakan oleh Pengguna Data, tetapi tidak terhad kepada saluran elektronik seperti SMS, e-mel dan lain-lain sistem pemesejan berasaskan internet/sosial/aplikasi.

- 3.1.8 Jika persetujuan lisan direkodkan, ia adalah disarankan supaya persetujuan ini direkodkan secara digital (cth. menerusi penggunaan logger panggilan dan perisian rakaman) atau dengan memberi komunikasi kepada Subjek Data mengesahkan persetujuan lisan tersebut (cth. melalui surat atau emel kepada Subjek Data).

- 3.1.9 Bagi mengelakkan keraguan, sebarang persetujuan yang diberikan kepada Pengguna Data oleh wakil Subjek Data yang diberi kuasa, termasuk tetapi tidak terhad kepada pemegang surat kuasa wakil, pemegang amanah, penjaga atau orang/pihak yang telah diberi kuasa oleh Subjek Data, akan mengikat Subjek Data tersebut.

Contoh: Dalam keadaan di mana Subjek Data adalah di bawah umur, Subjek Data akan terikat dengan tindakan penjaganya.

Memproses Data Peribadi

- 3.1.10 Selain daripada isu persetujuan, Akta juga telah menetapkan parameter bagi memproses data peribadi, di mana data peribadi tidak boleh diproses melainkan jika:

- (i) data peribadi itu diproses bagi tujuan yang sah yang berkaitan secara langsung dengan aktiviti Pengguna Data tersebut;
- (ii) pemrosesan data peribadi itu perlu bagi atau berkaitan secara langsung dengan tujuan tersebut; dan
- (iii) data peribadi tersebut adalah mencukupi tetapi tidak berlebihan berkaitan dengan tujuan tersebut.

- 3.1.11 Kriteria yang ditetapkan di atas perlu dibaca bersama dan dipatuhi oleh Pengguna Data sebagai tambahan kepada keperluan persetujuan di bawah Prinsip Am.

- 3.1.12 Di dalam konteks Kod ini:

- (i) *“berkaitan secara langsung dengan tujuan tersebut”* bermaksud tujuan yang berkait rapat dengan tujuan utama;
- (ii) *“perlu bagi ... tujuan tersebut”* bermaksud tanpanya tujuan tidak dapat dicapai; dan
- (iii) *“mencukupi tetapi tidak berlebihan”* bermaksud sekadar cukup bagi membolehkan Pengguna Data mencapai tujuan tersebut.

- 3.1.13 Oleh itu, bagi mematuhi Akta, Pengguna Data perlu memastikan bahawa data peribadi yang diperlukan dan dipegang adalah:

- (i) relevan berkaitan dengan tujuan pengumpulannya;
- (ii) mencukupi bagi tujuan pengumpulannya; dan
- (iii) tidak melebihi bagi tujuan pengumpulannya.

- 3.1.14 Contoh-contoh berikut menggambarkan perkara di atas:

Contoh 1: Apabila mengisi borang permohonan untuk membuka akaun simpanan peribadi, keperluan wajib untuk Subjek Data memberi nama ahli keluarga Subjek Data yang lain kepada Pengguna Data (selain daripada dalam konteks memberi

orang yang dihubungi semasa kecemasan) adalah tidak relevan bagi tujuannya dan adalah berlebihan berkaitan dengan pembukaan atau operasi akaun simpanan tersebut.

Contoh 2: Apabila mengisi borang permohonan, keperluan wajib bagi Subjek Data untuk menunjukkan sama ada Subjek Data sudah berkahwin atau tidak adalah tidak berlebihan bagi tujuan ianya dikumpulkan, kerana ianya selaras dengan keperluan laporan kepada Bank Negara Malaysia.

Contoh 3: Apabila mengisi borang permohonan untuk pinjaman/pembiayaan bank, keperluan wajib bagi Subjek Data untuk memberikan maklumat berkaitan dengan demografi sosial (spt. status perkahwinan, taraf pendidikan dan/atau kaum) adalah tidak berlebihan bagi tujuan maklumat tersebut dikumpul iaitu untuk penilaian kredit, profil risiko dan laporan kawal selia.

Contoh 4: Pemberian secara sukarela data peribadi yang menunjukkan minat dan hobi Subjek Data adalah tidak berlebihan kerana ianya diberi secara sukarela oleh Subjek Data.

3.1.15 Pengguna Data digalakkan supaya:

- (i) menyatakan dengan jelas dalam borang permohonan, terma dan syarat kontrak dan/atau Notis Privasi mengenai tujuan atau tujuan-tujuan mereka mengumpul dan memegang data peribadi pelanggan; dan/atau
- (ii) menyatakan di dalam borang permohonan sama ada setiap ruangan data peribadi yang disediakan adalah wajib atau sukarela.

3.2 **PRINSIP NOTIS DAN PILIHAN**

3.2.1 Pengguna Data perlu menyediakan notis bertulis yang juga dikenali sebagai Notis Privasi, kepada Subject Data sebelum atau dengan kadar segera selepas pengumpulan data peribadi mereka. Satu templat Notis Privasi dilampirkan di Jadual 2 untuk tujuan rujukan.

3.2.2 Pada dasarnya, Notis Privasi ini adalah satu pernyataan yang disediakan secara umum yang menyatakan dengan jelas amalan privasi Pengguna Data dalam menggunakan, menguruskan, menzahirkan dan memberikan Subjek Data akses kepada data peribadi yang dikumpul oleh Pengguna Data tersebut. Ia merupakan satu kenyataan umum tidak menyeluruh mengenai amalan privasi Pengguna Data yang memberikan keyakinan yang lebih kepada individu-individu terhadap cara Pengguna Data mengendalikan data peribadi mereka.

Kandungan Notis Privasi

- 3.2.3 Prinsip Notis dan Pilihan secara khususnya memerlukan Pengguna Data untuk memberi Subjek Data notis yang menyatakan:
- (i) bahawa data peribadi Subjek Data sedang diproses oleh Pengguna Data dan memberikan Subjek Data deskripsi data peribadi yang sedang diproses oleh Pengguna Data;
 - (ii) tujuan pengumpulan dan pemprosesan data peribadi tersebut;
 - (iii) sumber data peribadi tersebut;
 - (iv) hak Subjek Data untuk mengakses dan membetulkan data peribadi dan maklumat hubungan di mana Pengguna Data boleh menghantar permohonan bagi mengakses dan/atau membetulkan data;
 - (v) kelas pihak ketiga kepada mana penzahiran data peribadi telah atau mungkin akan dilakukan;
 - (vi) pilihan dan cara yang tersedia kepada Subjek Data untuk menghadkan pemprosesan data peribadinya;
 - (vii) sama ada ianya wajib atau sukarela untuk Subjek Data memberi data peribadi mereka; dan
 - (viii) sekiranya ia data peribadi yang wajib, akibat bagi tidak memberi data peribadi yang wajib tersebut.
- 3.2.4 Di mana Pengguna Data adalah anak syarikat di dalam sekumpulan syarikat yang lebih besar, Notis Privasi tersebut boleh sebaliknya dikeluarkan oleh kumpulan syarikat tersebut, terutamanya di dalam keadaan di mana terdapat infrastruktur, sistem dan operasi belakang (back-end) yang dikongsi.
- 3.2.5 Selain di atas, Pengguna Data juga boleh menangani perkara-perkara seperti keselamatan dan penyimpanan data peribadi Subjek Data bagi memberikan Subjek Data gambaran yang lebih lengkap tentang perlindungan data peribadinya secara menyeluruh. Walau bagaimanapun, ini bukanlah keperluan Akta atau Peraturannya dan setiap Pengguna Data perlu menentukan sama ada perkara-perkara tersebut harus dimasukkan ke dalam Notis Privasinya.
- 3.2.6 Notis Privasi tersebut perlu disediakan di dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Penyediaan Notis Privasi di dalam salah satu bahasa sahaja tidak akan memenuhi keperluan Prinsip Notis dan Pilihan.

Pemakluman Notis Privasi

- 3.2.7 Notis Privasi perlu dimaklumkan oleh Pengguna Data kepada Subjek Data sama ada semasa data peribadi tersebut mula dikumpul, apabila Pengguna Data meminta data peribadi Subjek Data pada kali pertamanya atau dengan sesegera yang mungkin selepas itu.

Contoh: Pemberian peluang untuk melihat atau membaca Notis Privasi yang terpakai melalui alamat laman web/pautan, sebelum penyerahan borang web yang mengandungi data peribadi Subjek Data.

- 3.2.8 Di dalam situasi di mana Subjek Data, yang data peribadinya telah dikumpul sebelum penguatkuasaan Akta, Prinsip Notis dan Pilihan memerlukan Pengguna Data untuk memberi Subjek Data satu Notis Privasi sebelum Pengguna Data:

- (i) menggunakan mana-mana bahagian data peribadi tersebut bagi tujuan selain daripada tujuan asal pengumpulannya (sebagai contoh apabila bercadang untuk memasarkan perkhidmatan insurans kepada pemohon pinjaman/pembiayaan); atau
- (ii) menzahirkan mana-mana bahagian data peribadi tersebut kepada mana-mana pihak ketiga (termasuk pihak ketiga yang telah dinyatakan di dalam Notis Privasi Pengguna Data).

- 3.2.9 Tindakan yang disarankan di dalam keadaan di mana data peribadi dikumpulkan sebelum penguatkuasaan Akta adalah untuk memaklumkan Notis Privasi tersebut kepada semua Subjek Data, sama ada yang sedia ada atau baru. Saranan ini adalah bagi mengelakkan beban pentadbiran yang terlibat di dalam mengesan tujuan asal pengumpulan, serta mengesan kemungkinannya penzahirannya kepada pihak ketiga.

Cara Pemakluman Notis Privasi

- 3.2.10 Pengguna Data boleh memaklumkan Notis Privasi mereka kepada Subjek Data melalui salah satu atau lebih daripada cara-cara berikut:

- (i) dengan menghantar salinan bercetak Notis Privasi tersebut kepada alamat Subjek Data terakhir yang diketahui; atau
- (ii) dengan meletakkan Notis Privasi tersebut di laman web Pengguna Data; atau
- (iii) dengan menghantar mesej ringkas (SMS) kepada Subjek Data bersama alamat laman web/pautan kepada Notis Privasi tersebut dan/atau nombor telefon yang boleh dihubungi bagi meminta Notis Privasi dan/atau maklumat lanjut; atau

- (iv) dengan menghantar e-mel kepada Subjek Data bersama alamat laman web/pautan kepada Notis Privasi tersebut dan/atau nombor telefon yang boleh dihubungi untuk maklumat lanjut; atau
- (v) dengan menghantar pesanan elektronik kepada Subjek Data bersama alamat laman web/pautan kepada Notis Privasi tersebut dan/atau nombor telefon yang boleh dihubungi untuk mendapatkan maklumat lanjut melalui saluran elektronik lain yang digunakan Pengguna Data; atau
- (vi) dengan memasukkan notis ringkasan dalam komunikasi kerap dengan Subjek Data (contohnya dalam penyata bil bulanan) bersama dengan alamat laman web /pautan kepada Notis Privasi dan/atau nombor telefon yang boleh dihubungi untuk meminta Notis Privasi dan/atau maklumat lanjut; atau
- (vii) dengan mempamerkan Notis Privasi tersebut dalam versi ringkasan secara jelas di premis-premis perniagaan Pengguna Data (contohnya di papan tanda notis, di meja kaunter yang dilawati Subjek Data dan/atau di kawasan yang menonjol di dewan perbankan), dan menyediakan Notis Privasi yang lengkap apabila permintaan dibuat samada di kaunter atau kepada kakitangan Pengguna Data; atau
- (viii) dengan memaparkan mesej di skrin Mesin Juruwang Automatik (ATM)/Mesin Deposit Wang (CDM) dengan alamat laman web/pautan kepada Notis Privasi, nombor telefon yang boleh dihubungi bagi maklumat lanjut dan/atau menyatakan bahawa Notis Privasi tersebut boleh didapati di cawangan Pengguna Data; atau
- (ix) dengan memasukkan satu kenyataan di dalam borang permohonan/pendaftaran yang merujuk kepada Notis Privasi, yang boleh diakses di alamat laman web /pautan yang diberikan, atau melalui permohonan kepada kakitangan Pengguna Data, atau dengan menghubungi nombor telefon yang dinyatakan di dalam borang permohonan/pendaftaran tersebut; atau
- (x) dengan mencetak salinan Notis Privasi dan menyediakannya kepada Subjek Data di premis Pengguna Data; atau
- (xi) apa-apa kaedah lain untuk memaklumkan Notis Privasi tersebut seperti yang diluluskan oleh Pesuruhjaya atau yang berfungsi untuk membawa Notis Privasi kepada perhatian Pengguna Data.

3.2.11 Dalam memilih cara pemakluman Notis Privasi, Pengguna Data perlu memastikan cara-cara yang paling sesuai bagi menghubungi seramai pelanggan yang mampu, terutamanya selepas mengambil kira yang sebahagian dari pelanggan tersebut mungkin bukan pengguna komputer. Oleh itu, Pengguna Data disarankan untuk

menggunakan kombinasi beberapa cara pemakluman seperti yang dinyatakan di atas bagi memastikan Notis Privasi tersebut disampaikan kepada seramai Subjek Data yang mungkin.

- 3.2.12 Peraturan memerlukan Pengguna Data mengekalkan rekod mengenai pemakluman Notis Privasi tersebut kepada Subjek Datanya. Penyelenggaraan bukti-bukti yang menunjukkan proses bagi pemakluman Notis Privasi Pengguna Data kepada Subjek Datanya adalah mencukupi bagi tujuan memenuhi keperluan Peraturan ini.

Contoh 1: Apabila Notis Privasi dimaklumkan kepada Subjek Data dengan mempamerkan versi ringkasan Notis Privasi di premis perniagaan Pengguna Data dan menyediakan Notis Privasi yang lengkap di kaunter, penghasilan versi ringkasan Notis Privasi dan versi lengkap Notis Privasi adalah mencukupi bagi membuktikan bahawa Notis Privasi tersebut telah dimaklumkan kepada Subjek Data.

Contoh 2: Apabila Notis Privasi dimaklumkan kepada Subjek Data menerusi e-mel, penghasilan emel berkenaan yang merujuk kepada Notis Privasi, Notis Privasi tersebut sendiri dan senarai nama-nama Subjek Data yang mana emel tersebut telah dihantar kepada, adalah mencukupi bagi tujuan membuktikan bahawa Notis Privasi telah dimaklumkan kepada Subjek Data.

Contoh 3: Apabila Notis Privasi dimaklumkan kepada Subjek Data menerusi pesanan ringkas (SMS), penghasilan teks pesanan ringkas tersebut yang merujuk kepada Notis Privasi, Notis Privasi itu sendiri dan proses bagi komunikasi pesanan ringkas tersebut kepada Subjek Data adalah mencukupi bagi tujuan membuktikan bahawa Notis Privasi telah dimaklumkan kepada Subjek Data.

Penerimaan Notis Privasi

- 3.2.13 Bagi mengelakkan keraguan, setiap kali Subjek Data menggunakan perkhidmatan/fasiliti Pengguna Data dan diberikan Notis Privasi Pengguna Data melalui mana-mana saluran yang telah dinyatakan di perenggan 3.2.10 di atas, Notis Privasi tersebut akan dianggap sebagai telah dimaklumkan semula kepada Subjek Data.
- 3.2.14 Bukti Notis Privasi tersebut telah diterima dan/atau dipersetujui tidak diperlukan di bawah Akta tersebut.

3.3 PRINSIP PENZAHIRAN

- 3.3.1 Istilah 'penzahiran' tidak ditakrifkan di dalam Akta dan oleh itu perlu ditakrifkan menggunakan maksud biasa kamus.

- 3.3.2 Seorang Pengguna Data boleh dikatakan sebagai telah “menzahirkan” data peribadi apabila ia mengeluarkan, memaklumkan dan menyebarkan data peribadi tersebut kepada pihak ketiga, sama ada secara sengaja atau sebaliknya. Komunikasi data peribadi tersebut boleh dibuat di dalam bentuk tulisan atau lisan.
- 3.3.3 Prinsip Penzahiran ini berkait rapat dengan Prinsip Notis dan Pilihan di mana tujuan yang dimaklumkan oleh Pengguna Data bagi pengumpulan data peribadi Subjek Data merupakan kepentingan intisari.

Penzahiran yang Dibenarkan

- 3.3.4 Prinsip Penzahiran membenarkan Pengguna Data untuk menzahirkan data peribadi kepada pihak ketiga di mana:
- (i) penzahiran tersebut adalah bagi tujuan yang dimaklumkan semasa pengumpulan data peribadi seperti yang dinyatakan di dalam Notis Privasi Pengguna Data; atau

Contoh: Apabila Subjek Data memberikan maklumatnya bagi tujuan membuat permohonan kad kredit, dan sebagai sebahagian daripada proses meluluskan dan menyediakan kad kredit kepada Subjek Data, data peribadi Subjek Data perlu diberikan kepada satu atau lebih pihak ketiga yang mana Pengguna Data telah menyumberekeluar sebahagian daripada operasinya (tertakluk kepada adanya langkah-langkah keselamatan teknikal dan organisasi untuk memastikan keselamatan data peribadi tersebut).

- (ii) penzahiran tersebut adalah untuk tujuan yang berkait secara langsung dengan tujuan yang dinyatakan di dalam Notis Privasi pada masa pengumpulan data peribadi (iaitu tujuan yang berkait rapat dengan tujuan utama); atau

Contoh: Apabila Subjek Data gagal membuat pembayaran yang dinyatakan di dalam perjanjian pinjaman/pembiayaan, yang menyebabkan Pengguna Data melantik seorang peguamcara/ejen pemungut hutang bagi memungut semula jumlah tertunggak. Sekiranya surat tuntutan yang dihantar peguamcara/ejen pemungut hutang dikembalikan semula kerana Subjek Data telah berpindah, peguamcara/ejen pemungut hutang tersebut mungkin membuat pertanyaan mereka sendiri tentang lokasi kedudukan Data Subjek tanpa mendedahkan butiran-butiran tuntutan terhadap Subjek Data. Penzahiran data peribadi yang terhad semasa membuat pertanyaan adalah dibenarkan kerana ianya berkaitan secara langsung dengan tujuan utama bagi pemberian pinjaman/pembiayaan tersebut. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa maklumat baru yang diterima mengenai lokasi kedudukan Subjek Data boleh digunakan oleh Pengguna Data dan/atau dizahirkan kepada peguamcara/ejen pemungut hutangnya bagi tujuan

pemungutan hutang/pulihan pinjaman.

- (iii) penzahiran tersebut dibuat kepada pihak ketiga yang dinyatakan di dalam Notis Privasi tersebut atau kepada kelas atau kategori pihak ketiga seperti yang dinyatakan di dalam Notis Privasi (tanpa melanggar mana-mana undang-undang, peraturan, piawaian, garis panduan dan/atau tanggungjawab yang terpakai ke atas Pengguna Data.

Contoh: Pihak Ketiga yang boleh dikenalpasti di dalam Notis Privasi adalah (a) organisasi dan ejen Pengguna Data yang membantu dalam memenuhi transaksi yang dipohon Subjek Data, (b) pihak yang diberi kuasa oleh Subjek Data (seperti juruaudit, penasihat kewangan), (c) pedagang dan rakan kongsi strategik Pengguna Data, dan/atau (d) agensi-agensi rujukan kredit.

3.3.5 Pengguna Data perlu mengambil maklum bahawa Peraturan memerlukan Pengguna Data untuk mengekalkan satu senarai penzahiran yang telah dibuat kepada pelbagai kelas-kelas/kategori-kategori pihak ketiga seperti yang dinyatakan di dalam Notis Privasi masing-masing.

3.3.6 Selain daripada penzahiran yang dibenarkan berdasarkan Notis Privasi yang dinyatakan di dalam 3.3.4 di atas, Akta menyatakan bahawa Pengguna Data boleh mendedahkan data peribadi Subjek Data sekiranya wujud keadaan-keadaan berikut:

- (i) penzahiran telah dipersetujui Subjek Data; atau

Contohnya: Di mana Pengguna Data menyedari bahawa persetujuan diperlukan dan telah menulis kepada Subjek Data untuk mendapatkan persetujuan tersebut, yang kemudiannya diberikan oleh Subjek Data.

- (ii) penzahiran perlu bagi tujuan mencegah atau mengesan jenayah atau bagi tujuan siasatan; atau

Contoh 1: Di mana telah berlaku satu pencerobohan keselamatan di dalam organisasi Pengguna Data dan Pengguna Data telah membuat penzahiran maklumat kepada pakar forensik bagi siasatan dalaman.

Contoh 2: Di mana data peribadi telah diberikan kepada pihak polis bagi tujuan siasatan jenayah.

Contoh 3: Di mana maklumat berkaitan individu yang disyaki menjalankan aktiviti fraud, atau bersubahat bagi tujuan tersebut, dizahirkan kepada satu atau lebih Pengguna Data bagi mengelakkan dan/atau mengesan percubaan untuk menjalankan penipuan ke atas Pengguna Data di masa hadapan.

- (iii) penzahiran diperlukan atau dibenarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 atau mana-mana undang-undang lain atau oleh arahan dari mahkamah; atau

Contoh 1: Apabila penzahiran tertentu maklumat (yang mungkin mengandungi data peribadi) adalah dibenarkan atau diberi kuasa boleh Akta Parlimen contohnya Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Akta tersebut menyatakan bahawa maklumat berkaitan dengan urusan atau akaun mana-mana pelanggan institusi kewangan tidak boleh dizahirkan kepada orang lain, selain sekiranya di dalam keadaan yang diperuntukkan di dalam Jadual 11 Akta tersebut, yang dilampirkan dalam Kod ini sebagai Lampiran 1. Sebagai ilustrasi, Jadual 11 membenarkan penzahiran maklumat mengenai urusan/akaun pelanggan (i) kepada seseorang yang telah dilantik sebagai wakil sah dari segi undang-undang dalam keadaan di mana pelanggan adalah tidak berupaya, atau (ii) kepada orang-orang yang dinamakan di dalam perintah Mahkamah yang diserahkan ke atas institusi kewangan bagi penzahiran berkenaan.

Contoh 2: Apabila penzahiran dibuat kepada pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas Pengguna Data atau ahli kumpulannya dan/atau pembekal perkhidmatan yang dilantik oleh Pengguna Data atau ahli kumpulannya dalam memenuhi tanggungjawab, keperluan atau aturan, sama ada wajib atau secara sukarela ke atasnya untuk menuruti, atau berkaitan dengan mana-mana undang-undang peraturan, penghakiman, perintah mahkamah, kod sukarela, rejim sekatan, di dalam atau di luar Malaysia, yang semasa ataupun pada masa akan datang.

- (iv) Pengguna Data bertindak dengan kepercayaan munasabah bahawa ia mempunyai hak di bawah undang-undang untuk mendedahkan data peribadi kepada orang lain tersebut; atau

Contoh: Apabila satu injuksi diserahkan ke atas Pengguna Data berkenaan dengan akaun Subjek Data, dan meminta Pengguna Data untuk menzahirkan data peribadi Subject Data.

- (v) Pengguna Data telah bertindak dengan kepercayaan munasabah bahawa ia akan mendapat kebenaran Subjek Data sekiranya Subjek Data mengetahui akan pendedahan data peribadi tersebut dan situasi disebalik pendedahannya; atau

Contoh: Apabila Subjek Data tidak berupaya dari segi kesihatan dan Pengguna Data menzahirkan data peribadi Subjek Data kepada waris kadim tertakluk kepada perjanjian tanggung rugi yang telah ditandatangani.

- (vi) Menteri telah menentukan bahawa penzahiran tersebut sebagai wajar bagi kepentingan awam.

3.3.7 Bagi tujuan 3.3.6(ii) di atas, Pengguna Data harus mengambil maklum bahawa di dalam keadaan di mana data peribadi dizahirkan bagi mengelakkan atau mengesan jenayah atau bagi tujuan penyiasatan (sama ada dalaman atau luaran), Akta tersebut mengecualikan Pengguna Data dari membekalkan Subjek Data dengan apa-apa maklumat berkaitan dengan penzahiran tersebut walaupun permohonan akses data telah difailkan kepada Pengguna Data.

3.3.8 Demi kelengkapan, Pengguna Data perlu mengambil maklum bahawa pemprosesan data peribadi dalam situasi tertentu telah dikecualikan dari Prinsip Penzahiran. Situasi-situasi tersebut diketengahkan secara ringkasnya di sini:

- (i) apabila data peribadi diproses bagi mencegah atau mengesan jenayah atau bagi tujuan penyiasatan; atau
- (ii) apabila data peribadi diproses untuk penangkapan atau pendakwaan seseorang pesalah; atau
- (iii) apabila data peribadi diproses untuk penilaian atau pengutipan cukai atau duti atau apa-apa pengenaan lain yang serupa dengannya; atau
- (iv) apabila data peribadi diproses untuk penyediaan statistik atau untuk menjalankan kajian (tertakluk kepada data peribadi tidak diproses untuk tujuan lain dan keputusan statistik atau keputusan kajian tersebut telah dianonimkan); atau
- (v) apabila data peribadi diproses bagi tujuan atau berkaitan dengan apa-apa perintah atau penghakiman mahkamah; atau
- (vi) apabila data peribadi diproses bagi tujuan kewartawanan, kesusasteraan atau kesenian.

3.3.9 Selain daripada penzahiran menurut situasi-situasi di atas, atau seperti yang dibenarkan oleh undang-undang, peraturan dan/atau garis panduan yang terpakai, penzahiran lain tidak dibenarkan di bawah Akta tersebut.

Permintaan untuk Data Peribadi

3.3.10 Pengguna Data mungkin akan menerima permintaan dari pihak ketiga untuk penzahiran data peribadi Subjek Data. Apabila permintaan ini diterima, Pengguna Data perlu menentukan sekiranya:

- (i) penzahiran yang dicadangkan itu akan tergolong dalam skop penzahiran yang dibenarkan seperti yang dinyatakan di dalam Notis Privasi yang telah diterangkan di perenggan 3.3.4 and 3.3.6; atau
- (ii) penzahiran yang dicadangkan itu sebaliknya terkecuali di bawah Akta seperti yang dinyatakan di perenggan 3.3.8.

3.3.11 Bagi menyelaraskan obligasi Pengguna Data berhubung dengan penzahiran, adalah dicadangkan agar setiap Pengguna Data menetapkan satu polisi penzahiran (atau memasukkannya di dalam dokumentasi dalaman yang berkenaan) yang memperincikan keadaan-keadaan di mana penzahiran dibenarkan atau sebaliknya, serta proses dan prosedur yang perlu dipatuhi apabila mengendalikan permohonan pihak ketiga untuk penzahiran data peribadi.

3.4 **PRINSIP KESELAMATAN**

3.4.1 Akta tidak menetapkan langkah-langkah khusus yang perlu diambil untuk memastikan data peribadi berada di bawah kawalan Pengguna Data, tetapi sebaliknya memerlukan Pengguna Data mengambil "*langkah praktikal*" bagi melindungi data peribadi daripada "*sebarang kehilangan, penyalahgunaan, pengubahsuaian, akses atau pendedahan, pindaan atau pemusnahan yang tidak dibenarkan atau yang tidak disengajakan*".

3.4.2 Apa maksud yang dibawa oleh "Langkah Praktikal" secara benarnya akan berbeza dari kes ke kes, bergantung kepada sifat data peribadi yang diproses oleh Pengguna Data berkenaan dan tahap sensitiviti yang dikaitkan kepada data peribadi tersebut atau kecederaan yang mungkin akan dialami oleh Subjek Data disebabkan oleh kehilangan, penyalahgunaan, pengubahsuaian, akses atau pendedahan, pindaan atau pemusnahannya yang tidak dibenarkan atau yang tidak disengajakan.

3.4.3 Walau bagaimanapun, Akta telah menetapkan unsur-unsur yang perlu di ambil kira oleh Pengguna Data dalam menentukan langkah-langkah praktikal yang perlu diambil bagi memastikan keselamatan data peribadi Subjek Data. Unsur-unsur yang telah ditetapkan adalah:

- (i) sifat data peribadi dan kecederaan yang akan dialami akibat kehilangan, penyalahgunaan, pengubahsuaian, akses atau pendedahan, pindaan atau pemusnahannya yang tidak dibenarkan atau yang tidak sengaja;
- (ii) tempat dan lokasi di mana data peribadi disimpan;
- (iii) apa-apa langkah-langkah keselamatan yang telah dimasukkan ke dalam peralatan di mana data peribadi tersebut disimpan;

- (iv) langkah-langkah yang diambil bagi memastikan kebolehpercayaan, integriti dan kecekapan kakitangan yang mempunyai akses kepada data peribadi; dan
 - (v) langkah-langkah yang diambil bagi memastikan pemindahan data peribadi berlaku secara selamat.
- 3.4.4 Pengguna Data dari kalangan sektor perbankan dan institusi kewangan perlu mematuhi garis panduan keselamatan oleh Bank Negara Malaysia sebagai salah satu syarat lesen perbankan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Selanjutnya, pekerja Pengguna Data terikat oleh peraturan kerahsiaan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Oleh itu, Pengguna Data telahpun mematuhi kebanyakan, jika bukan kesemuanya, Prinsip Keselamatan seperti yang telah termaktub di dalam Akta.
- 3.4.5 Dalam mematuhi Prinsip Keselamatan, Pengguna Data disarankan untuk menilai, mana dan apabila perlu, sama ada polisi keselamatan mereka yang sedia ada atau apa-apa dokumentasi dalaman yang terpakai, menangani faktor-faktor penting berikut:
- (i) Keselamatan Organisasi
 - (a) Klasifikasi Data
 - (b) Kawalan Akses
 - (c) Polisi Kerahsiaan 'Bawa Peralatan Anda Sendiri' (Bring Your Own Devices)
 - (d) Pengawasan/pemantauan kakitangan
 - (ii) Keselamatan Teknikal
 - (a) Keselamatan Dokumen Fizikal
 - (b) Akses fizikal kepada kemudahan IT
 - (c) Akses fizikal kepada sistem IT dan peralatan komunikasi
 - (d) Sistem pengesahan akses
 - (e) Menghadkan akses kepada teknologi yang boleh digunakan bagi menyebarkan data peribadi
 - (f) Sandaran
 - (g) Perisian anti-virus dan anti-malware
 - (h) Enkripsi dan langkah-langkah lain bagi memastikan keselamatan akses
- 3.4.6 Selanjutnya, Pengguna Data dikehendaki untuk menyediakan plan pemulihan bencana dan plan kesinambungan perniagaan bagi memastikan keselamatan data peribadi Subjek Data dalam situasi bencana atau gangguan perniagaan yang mungkin dialami Pengguna Data. Pengguna Data dikehendaki untuk memeriksa plan pemulihan bencana dan kesinambungan perniagaan dari masa ke semasa dan mengekalkan rekod mengenainya.

Pemproses Data

- 3.4.7 Prinsip Keselamatan juga meliputi pemprosesan data peribadi oleh pemproses data untuk dan bagi pihak Pengguna Data.
- 3.4.8 Lazimnya, pemproses data seperti penyedia perkhidmatan sumber luar atau mana-mana pembekal (termasuk tetapi tidak terhad kepada penyedia perkhidmatan keselamatan, pengangkutan, perakaunan, pos dan ejen pemungut hutang bagi tujuan pemulihan hutang) dilantik untuk memproses data peribadi Subjek Data untuk dan bagi pihak Pengguna Data sahaja dan menurut arahan Pengguna Data. Dalam konteks ini, perkataan "*proses*" hendaklah ditafsirkan mengikut takrif dalam Akta.
- 3.4.9 Prinsip Keselamatan membenarkan pemprosesan data peribadi oleh pemproses data, tetapi Pengguna Data perlu mengambil langkah-langkah minima tertentu bagi memastikan data peribadi Subjek Data tidak terdedah kepada risiko kehilangan, penyalahgunaan, pengubahsuaian, akses atau penzahiran, pindaan atau pemusnahan yang tidak dibenarkan atau yang tidak sengaja. Langkah-langkah ini termasuk:
- (i) pemproses data memberi Pengguna Data "*jaminan yang mencukupi berkenaan dengan langkah-langkah keselamatan teknikal dan organisasi yang mengawal pemprosesan yang akan dijalankan*"; dan
 - (ii) Pengguna Data mengambil "*langkah-langkah munasabah untuk memastikan pematuhan langkah-langkah tersebut*".
- 3.4.10 Langkah-langkah keselamatan teknikal dan organisasi yang Pengguna Data boleh meminta pemproses data sediakan berkaitan dengan data peribadi, adalah seperti yang dikenal pasti secara ringkas di perenggan 3.4.5 di atas. Dari segi amalan, Pengguna Data mungkin perlu membangkitkan dan merunding langkah-langkah keselamatan teknikal dan organisasi yang diperlukannya dari pemproses data bagi tujuan memenuhi Prinsip Keselamatan. Pengguna Data perlu menilai dalam setiap kes keperluan keselamatan teknikal dan organisasi yang terpakai ke atas pemproses data.
- 3.4.11 Pengguna Data disarankan untuk menggunakan usaha yang munasabah bagi memastikan perjanjian mereka dengan pemproses data (sama ada dalam bentuk perjanjian atau surat ikatan atau sebaliknya) meliputi perkara-perkara berikut:
- (i) pemproses data memberi akujanji untuk memastikan bahawa ia dan juga pekerjaanya tidak akan mendedahkan data peribadi kepada mana-mana pihak ketiga tanpa kebenaran Pengguna Data;
 - (ii) pemproses data memberi akujanji untuk menggunakan langkah-langkah keselamatan teknikal dan organisasi yang dipersetujui, serta juga kewajipan

untuk memaklumkan kepada Data Pengguna sekiranya mana-mana langkah tersebut telah dilanggar;

- (iii) pemproses data memberi akujanji untuk menjaga perlakuannya supaya tidak menyebabkan Pengguna Data melanggar Akta;
- (iv) kewajipan pemproses data untuk memulangkan semua data peribadi selepas akhir atau tamatnya tempoh perjanjian; dan
- (v) hak Pengguna Data untuk memastikan langkah-langkah keselamatan teknikal dan organisasi yang digunakan oleh pemproses data (contohnya dengan menjalankan audit di lokasi, melalui soal selidik atau dengan mendapatkan deklarasi) sekiranya perlu.

3.4.12 Pengguna Data perlu mengambil maklum bahawa pemproses data mungkin berpejabat di dalam atau di luar negara, dan perjanjian atau surat mengikat atau apa-apa dokumen lain yang berkenaan harus disesuaikan oleh mereka dengan sewajarnya.

Standard Keselamatan Pesuruhjaya

3.4.13 Pengguna Data dikehendaki mematuhi apa-apa standard keselamatan sebagaimana yang ditetapkan oleh Pesuruhjaya dari masa ke semasa.

3.4.14 Untuk mengelakkan keraguan, di mana terdapat konflik di antara standard keselamatan Pesuruhjaya, Kod ini, atau mana-mana standard keselamatan (atau yang setaraf dengannya) yang ditetapkan oleh pengawal selia sektor perbankan dan kewangan dan/atau mana-mana standard keselamatan (atau yang setaraf dengannya) yang mungkin ditetapkan oleh undang-undang, dokumen yang menetapkan standard yang lebih tinggi akan diutamakan setakat yang diperlukan bagi konflik tersebut

3.5 PRINSIP PENYIMPANAN

3.5.1 Akta meletakkan tanggungjawab ke atas Pengguna Data untuk memegang data peribadi hanya untuk tempoh yang perlu untuk memenuhi tujuannya. Akta tersebut juga memperuntukkan bahawa apabila tujuan tersebut dipenuhi, Pengguna Data dikehendaki untuk memusnahkan/memadam secara kekal data peribadi tersebut.

3.5.2 Keperluan ini terpakai kepada kedua-dua salinan fizikal dan elektronik dokumen yang mengandungi data peribadi.

Untuk dibaca bersama akta-akta lain yang terpakai

3.5.3 Walaupun Akta kelihatan jelas tentang tempoh data peribadi tersebut boleh disimpan, iaitu:

- (i) data peribadi yang diproses bagi tujuan tertentu, tidak boleh disimpan oleh organisasi tersebut bagi tempoh yang lebih lama daripada perlu bagi memenuhi tujuan tersebut; dan
- (ii) apabila data peribadi tidak lagi diperlukan bagi tujuannya, Pengguna Data dikehendaki untuk menghapuskan atau memadam secara kekal data peribadi tersebut,

Akta tersebut tidak akan membatalkan apa-apa peruntukan berkanun berkenaan yang lain yang memerlukan penyimpanan data/rekod/maklumat bagi tempoh minima yang telah ditetapkan. Akta tersebut dan undang-undang lain yang terpakai perlu dibaca bersama.

Tempoh Masa Penyimpanan Yang Digunapakai

- 3.5.4 Sebagai peraturan am, Pengguna Data dibenarkan untuk menyimpan data peribadi Subjek Data dari tarikh permohonan pembukaan akaun/kemudahan dengan Pengguna Data, sehingga tempoh tujuh (tahun) telah luput daripada tarikh ketidاكلulusan, penutupan atau penamatan akaun/kemudahan tersebut.
- 3.5.5 Walau bagaimanapun, Pengguna Data dibenarkan untuk menyimpan data peribadi tersebut lebih daripada tujuh (7) tahun daripada tarikh ketidاكلulusan, penutupan atau penamatan akaun/kemudahan tersebut sekiranya:
 - (i) diperlukan undang-undang;
 - (ii) ianya satu kewajipan di bawah undang-undang bagi Pengguna Data untuk melaporkan, menzahirkan atau mengesahkan butiran-butiran Subjek Data, di dalam mana tempoh penyimpanan yang dibenarkan dalam keadaan tersebut adalah sehingga pelupusan perkara itu;
 - (iii) Pengguna Data boleh mewujudkan alasan yang mencukupi bagi penyimpanan data peribadi tersebut; atau
 - (iv) Pengguna Data dikehendaki oleh pengawal selia (contohnya Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti) untuk terus mengekalkan data peribadi tersebut.
- 3.5.6 Bagi membantu Pengguna Data mengawasi tempoh penyimpanan berbeza yang mungkin terpakai ke atas pelbagai jenis data peribadi yang diproses mereka, iainya disarankan supaya Pengguna Data mengenalpasti kesemua tempoh penyimpanan yang terpakai dan memastikan bahawa tempoh-tempoh tersebut dicerminkan di dalam polisi (atau polisi-polisi) penyimpanan Pengguna Data yang sesuai.

- 3.5.7 Dalam keadaan di mana Pengguna Data perlu menyimpan data peribadi di luar tempoh berkanun yang ditetapkan, Pengguna Data mesti boleh menunjukkan keperluan yang munasabah untuk menyimpan data peribadi di luar tempoh berkanun tersebut dan (jika ada) menyediakan bukti akan keperluan mereka kepadanya. Permulaan prosiding undang-undang yang melibatkan pelanggan atau kewajipan Pengguna Data untuk mematuhi undang-undang, peraturan, penghakiman atau perintah mahkamah, kod sukarela, sekatan rejim atau perjanjian yang melibatkan Pengguna Data (sama ada tempatan atau luar negara), atau satu kewajipan untuk melaporkan, menzahirkan atau mengesahkan butiran Subjek Data, adalah layak sebagai alasan untuk terus mengekalkan data peribadi tersebut sehingga pelupusan/penutupan perkara tersebut dan tamatnya tempoh simpanan yang khusus untuk perkara itu sendiri.
- 3.5.8 Bagi tujuan Kod ini dan tertakluk pada semua masa kepada perenggan 4.3.3 di bawah, Prinsip Penyimpanan tidak terpakai ke atas media sandaran (*backup*) dan/atau arkib elektronik, untuk selama mana Pengguna Data menghadkan aksesnya hanya kepada kakitangan yang dibenarkan sahaja dan untuk tujuan sandaran atau arkib masing-masing.

Pemusnahan / Pemadaman Kekal Data Peribadi

- 3.5.9 Akta tersebut menghendaki "pemusnahan" (terpakai kepada data peribadi berdasarkan fizikal/kertas) dan "pemadaman kekal" (terpakai kepada data peribadi elektronik) data peribadi sebaik sahaja syarat-syarat pelupusan dipenuhi.
- 3.5.10 Berkenaan dengan data peribadi berdasarkan fizikal/kertas, pelupusan data peribadi secara pembuangan ke dalam bakul kertas buangan adalah tidak mencukupi untuk dianggap sebagai "*kemusnahan*" kerana tiada jaminan akan apa yang akan berlaku kepada data peribadi yang dibuang tersebut. Pengguna Data perlu menggunakan cara yang betul untuk "*memusnahkan*" data peribadi, contohnya dengan menggunakan peracik kertas atau membakar data peribadi yang dibuang tersebut. Bagi data peribadi yang disimpan di dalam media elektronik, "*pemadaman kekal*" data peribadi memerlukan media elektronik (contohnya cakera keras atau pemacu USB) disapu bersih setelah data dipadamkan. Pengguna data harus mengambil maklum bahawa pemadaman sahaja tidak mencukupi untuk menghapuskan data peribadi daripada media elektronik tersebut.
- 3.5.11 Bagi mengelakkan keraguan, Pengguna Data perlu mengambil maklum bahawa data peribadi yang diarkibkan secara fizikal masih tertakluk dan akan terus tertakluk kepada peruntukan Akta sehingga ianya dimusnahkan/dipadamkan secara kekal atau di anonimkan. Memandangkan jumlah rekod yang mengandungi data peribadi yang perlu dimusnahkan/dipadamkan secara kekal atau di anonimkan, polisi penyimpanan Pengguna Data yang berkenaan harus meliputi akses terhadap kepada dan pemusnahan data peribadi tersebut.

- 3.5.12 Pemusnahan data peribadi dengan sendirinya termasuk di bawah maksud "*memproses*" di bawah Akta dan oleh sebab itu, pemusnahan data perlu menuruti prinsip-prinsip berkenaan yang lain di dalam Akta. Contohnya, apabila pemusnahan data peribadi Pengguna Data dilakukan oleh pemproses data, Pengguna Data perlu mengambil langkah berpatutan menurut Prinsip Keselamatan bagi memastikan data peribadi dimusnahkan dan tidak disalahguna atau disalah perlakuan oleh pemproses data.
- 3.5.13 Sebagai alternatif kepada pemusnahan atau pemadaman kekal data peribadi, Pengguna Data juga boleh sebaliknya mempertimbangkan proses menganonimkan data peribadi tersebut. Di mana dianonimkan dengan betul, data anonim tersebut tidak akan jatuh dalam lingkungan takrif "data peribadi" kerana ia tidak lagi akan mengandungi sebarang hubungan kepada individu yang berkenaan.

Piawaian Penyimpanan Pesuruhjaya

- 3.5.14 Pengguna Data dikehendaki mematuhi apa-apa standard penyimpanan sebagaimana yang ditetapkan oleh Pesuruhjaya dari masa ke semasa.
- 3.5.15 Untuk mengelakkan keraguan, sekiranya terdapat konflik di antara standard penyimpanan Pesuruhjaya, Kod ini, mana-mana standard penyimpanan (atau yang setaraf dengannya) yang ditetapkan oleh pengawal selia sektor perbankan dan kewangan dan/atau mana-mana standard penyimpanan (atau yang setaraf dengannya) yang mungkin ditetapkan oleh undang-undang, dokumen yang menetapkan standard yang lebih tinggi akan diutamakan setakat yang diperlukan bagi konflik tersebut.

3.6 PRINSIP INTEGRITI DATA

- 3.6.1 Akta tersebut memperuntukkan bahawa Pengguna Data perlu mengambil "*langkah-langkah yang munasabah*" untuk memastikan bahawa data peribadi yang diproses oleh Pengguna Data adalah "*tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini*", bagi tujuannya dan tujuan yang berkaitan secara langsung dengannya.
- 3.6.2 Sebagai ilustrasi, Akta memerlukan Pengguna Data mengambil langkah munasabah bagi memastikan bahawa data peribadi yang diproses berhubung dengan Subjek Data adalah:
- (i) tepat / betul (maksudnya data peribadi dikumpul tanpa sebarang ketidaktepatan, seperti tersilap merekodkan perjanjian Subjek Data untuk menerima bahan-bahan pemasaran langsung untuk produk lain daripada Data Pengguna);
 - (ii) lengkap (maksudnya maklumat berhubung dengan Subjek Data tidak ditinggalkan, yang contohnya boleh menyebabkan Pengguna Data membuat

keputusan yang tidak memanfaatkan berkaitan dengan permohonan Subjek Data untuk kad kredit);

- (iii) tidak mengelirukan (maksudnya data peribadi yang diproses oleh Pengguna Data tidak sepatutnya – disebabkan kesilapan, peninggalan, kealpaan, dan lain-lain – mengakibatkan gambaran yang tidak tepat atau palsu mengenai status Subjek Data); dan
- (iv) dikemaskini ke maklumat terkini (maksudnya data peribadi Subjek Data harus mencerminkan maklumat disahkan yang terkini berhubung dengan Subjek Data, sebagai contoh pertukaran alamat atau penangkapan pembayaran ansuran pinjaman/pembiayaan yang dibuat oleh Subjek Data).

3.6.3 Apa yang dimaksudkan sebagai "*langkah-langkah yang munasabah*" akan berbeza daripada satu kes ke kes yang lain, bergantung pada situasi setiap kes dan juga pada tujuan dan tujuan yang berkaitan secara langsung dengan pemerolehan data peribadi tersebut. Sebagai contoh, di mana data peribadi dikekalkan oleh Pengguna Data untuk tujuan terbitan penyata kad kredit bulanan, ianya adalah munasabah under Pengguna Data memastikan data peribadi yang dikumpul adalah tepat dan dikemaskini. Walau bagaimanapun, di mana data peribadi dikumpul bagi tujuan penggunaan transaksi sekali sahaja dan rekod baginya dikekalkan bagi tujuan laporan kawal selia, ianya adalah tidak munasabah untuk menghendaki Pengguna Data untuk terus memastikan alamat Subjek Data disimpan secara terkini.

3.6.4 Pengguna Data perlu menilai data peribadi Subjek Data yang sedang diprosesnya serta faktor-faktor lain (seperti tujuan pemprosesan dijalankan dan kekerapan komunikasi dengan Subjek Data), bagi menentukan langkah-langkah khusus yang perlu dilaksanakan bagi mematuhi Prinsip Integriti Data.

3.6.5 Kod ini tidak menetapkan cara mematuhi Prinsip Integriti Data dan menyerahkannya kepada budi bicara Pengguna Data. Walau bagaimanapun, langkah-langkah berikut boleh dipertimbangkan oleh Pengguna Data:

- (i) menyediakan borang kemaskini data peribadi di cawangan Pengguna Data dan di/melalui lain-lain cara perhubungan dengan Subjek Data; dan/atau
- (ii) menyediakan pusat panggilan supaya Subjek Data dapat mengemaskini data peribadi.

3.6.6 Meskipun yang ternyata di atas, Pengguna Data berhak untuk menganggap data peribadi yang diberikan oleh Subjek Data sebagai tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini.

3.6.7 Akta tidak akan mengatasi apa-apa perjanjian di antara Pengguna Data dan Subjek Data yang menyatakan bahawa ianya adalah kewajipan Subjek Data untuk memaklumkan kepada Pengguna Data mengenai sebarang perubahan kepada

maklumat Subjek Data (seperti alamat baru atau nombor telefon), dan Pengguna Data tidak akan didapati melanggar Prinsip Integriti Data di mana Pengguna Data tidak diberitahu sedemikian oleh Subjek Data.

- 3.6.8 Begitu juga, di mana Pengguna Data menyediakan kemudahan mengemaskini secara sendiri kepada Subjek Data yang membenarkan Subjek Data mengemaskini data peribadi beliau, Pengguna Data tersebut tidak akan didapati melanggar Prinsip Integriti Data sekiranya Pengguna Data bertindak berdasarkan data peribadi salah yang diberikan oleh Subjek Data.
- 3.6.9 Untuk mengelakkan keraguan, berikut adalah perkara-perkara yang tidak melanggar Prinsip Integriti Data:
- (i) penyelenggaraan data peribadi yang bersifat sejarah (contohnya, alamat tinggal Subjek Data yang sebelumnya sewaktu beliau mula menjadi Subjek Data kepada Pengguna Data), tertakluk kepada ianya adalah tepat; dan
 - (ii) penyelenggaraan data peribadi yang merekodkan peristiwa-peristiwa ralat yang telah berlaku, tertakluk kepada rekod tersebut tidak mengelirukan fakta-fakta (contohnya di mana permohonan untuk pinjaman/pembiayaan Subjek Data telah ditolak secara salah tetapi kini telah diterima semula, Pengguna Data akan dibenarkan untuk mengekalkan rekod tersebut kerana ia mencerminkan kesilapan oleh pihak Pengguna Data dengan tepat).
- 3.6.10 Tanpa prejudis kepada di atas, di mana Subjek Data mempunyai kewajipan untuk memaklumkan Pengguna Data akan perubahan dalam maklumat yang telah diberikannya kepada Pengguna Data (seperti alamat surat-menyurat) tetapi gagal berbuat sedemikian, Pengguna Data tersebut (atau pemproses data yang dilantik) akan berhak mendapatkan maklumat terkini Subjek Data daripada saluran-saluran lain, sama ada fizikal atau elektronik, seperti maklumat yang didapati daripada lawatan tapak di alamat lama Subjek Data atau dari maklumat yang didapati dari pihak ketiga seperti agensi pelaporan kredit.

Standard Integriti Data Pesuruhjaya

- 3.6.11 Pengguna Data dikehendaki mematuhi apa-apa standard integriti data sebagaimana yang ditetapkan oleh Pesuruhjaya dari masa ke semasa.
- 3.6.12 Untuk mengelakkan keraguan, sekiranya terdapat konflik di antara standard integriti data Persuruhjaya, Kod ini, mana-mana standard integriti data (atau yang setaraf dengannya) yang ditetapkan pengawal selia sektor perbankan dan institusi kewangan dan/atau mana-mana standard integriti data (atau yang setaraf dengannya) yang mungkin ditetapkan oleh undang-undang, dokumen yang menetapkan standard yang lebih tinggi akan diutamakan setakat yang diperlukan bagi konflik tersebut.

3.7 **PRINSIP AKSES**

3.7.1 Akta tersebut memperuntukkan Subjek Data dengan hak:

- (i) untuk meminta akses kepada data peribadi beliau yang dipegang oleh Pengguna Data; dan/atau
- (ii) untuk membetulkan data peribadi beliau di mana data peribadi tersebut tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau bukan terkini,

melainkan jika permintaan itu merupakan permintaan yang boleh ditolak Pengguna Data seperti yang dinyatakan di dalam Akta.

3.7.2 Pengguna Data mempunyai tanggungjawab untuk membalas dengan sewajarnya kepada permintaan-permintaan untuk mengakses dan membetulkan data dalam tempoh masa yang ditetapkan seperti yang dinyatakan dalam Bahagian 5, untuk kekal mematuhi Akta.

3.7.3 Pengguna Data mempunyai hak untuk tidak menuruti permintaan akses data apabila Pengguna Data:

- (i) tidak diberikan maklumat yang cukup (seperti yang diperlukan secara munasabah seperti nama, nombor kad pengenalan, alamat dan apa-apa maklumat berkaitan yang lain seperti yang mungkin ditentukan oleh Pesuruhjaya) untuk menentukan identiti peminta berkenaan, menentukan identiti Subjek Data, atau menentukan hubungan peminta dengan Subjek Data; atau
- (ii) tidak dibekalkan dengan maklumat yang mencukupi seperti yang diperlukan secara munasabah untuk mendapatkan data peribadi yang berkaitan dengan permintaan akses data tersebut
- (iii) tidak dapat mematuhi permintaan mengakses data tanpa mendedahkan data peribadi orang lain (melainkan orang lain tersebut telah bersetuju dengan penzahiran data peribadi kepada peminta); atau
- (iv) berpendapat bahawa beban atau perbelanjaan untuk memberikan akses tidak setimpal dengan risiko kepada privasi Subjek Data berhubung dengan data peribadi yang diminta melalui permintaan akses data; atau
- (v) mempunyai risiko melanggar perintah mahkamah sekiranya mereka memberi akses kepada Subjek Data atau peminta yang berkenaan; atau
- (vi) berpendapat bahawa pemberian akses akan menzahirkan maklumat sulit Pengguna Datayang berbentuk komersial; atau

- (vii) berpendapat bahawa akses kepada data peribadi itu dikawal selia oleh undang-undang lain.

3.7.4 Selain daripada yang di atas, Pengguna Data perlu mengambil maklum bahawa pemprosesan data peribadi dalam situasi tertentu telah dikecualikan dari pematuhan dengan Prinsip Akses. Situasi-situasi tersebut secara ringkasnya diketengahkan di sini:

- (i) di mana data peribadi diproses untuk tujuan mengesan atau mencegah jenayah atau untuk tujuan penyiasatan; atau
- (ii) di mana data peribadi diproses untuk penangkapan atau pendakwaan pesalah; atau
- (iii) di mana data peribadi diproses untuk penilaian atau pemungutan mana-mana cukai atau duti atau apa-apa pengenaan lain yang serupanya; atau
- (iv) di mana data peribadi diproses untuk penyediaan statistik atau untuk menjalankan penyelidikan (tertakluk kepada data peribadi tidak diproses untuk sebarang tujuan lain dan statistik terhasil atau hasil penyelidikan akan dianonimkan); atau
- (v) di mana data peribadi diproses untuk tujuan atau berkaitan dengan mana-mana perintah atau penghakiman mahkamah; atau
- (vi) di mana data peribadi diproses untuk tujuan melaksanakan fungsi kawal selia; atau
- (vii) di mana data peribadi diproses untuk tujuan kewartawanan, kesusasteraan, atau kesenian.

3.7.5 Sila rujuk kepada Bahagian 5 di mana hak-hak Subjek Data untuk mengakses dan membuat pembetulan telah diterangkan dengan lebih lanjut. Templat borang permintaan akses data dan borang permintaan pembetulan data terkandung dalam Jadual 3 and Jadual 4 masing-masing, bagi tujuan rujukan.

BAHAGIAN 4

ISU-ISU SPESIFIK YANG RELEVAN KEPADA SEKTOR PERBANKAN DAN INSTITUSI KEWANGAN

4.1 DATA PERIBADI

4.1.1 Sektor perbankan dan institusi kewangan memproses sejumlah besar data dalam operasi harian, di mana sebahagiannya boleh dianggap sebagai data peribadi, manakala yang lain tidak dianggap sebagai data peribadi kerana data tersebut tidak memenuhi satu atau lebih syarat-syarat Akta.

4.1.2 Senarai berikut disediakan untuk memberi indikasi jenis-jenis data yang termasuk dalam definisi “data peribadi” (seperti yang terkandung dalam seksyen 4 Akta) untuk tujuan Akta tersebut, berserta dengan jenis-jenis data yang di luar skop Akta dan oleh itu tidak dianggap sebagai “data peribadi”.

(i) Data peribadi:

- Butir-butir peribadi individu, sama ada diperolehi daripada individu tersebut secara langsung atau diperolehi daripada mana-mana data lain yang boleh diakses oleh Pengguna Data
- Butiran yang diberi individu dalam permohonan untuk mendapatkan pinjaman/pembiayaan, kad kredit, atau produk atau perkhidmatan kewangan lain
- Butiran tentang maklumat baki akaun, sejarah kredit, pendapatan dan corak perbelanjaan individu
- Butiran tentang pemilikan harta dan aset individu
- Maklumat pekerjaan individu
- Butiran individu yang diperolehi daripada penilaian atau taksiran kredit
- Butiran individu dan sesi pelayarannya yang diperolehi melalui penggunaan kuki laman web
- Butiran individu seperti yang disenaraikan dalam pangkalan data manual atau elektronik

(ii) Bukan data peribadi:

- Data yang berkaitan dengan pertubuhan/syarikat (seperti yang dirujuk dalam 4.1.3 di bawah)
- Data yang berkaitan dengan individu yang telah meninggal dunia
- Data yang berkaitan dengan individu yang telah diagregatkan dan/atau dianonimkan dalam cara yang menyebabkan individu tersebut tidak dapat dikenal pasti

- 4.1.3 Setakat yang berkaitan dengan pertubuhan/syarikat, di mana maklumat mengenai pegawai, pekerja, penandatangan yang diberikuasa, pengarah, pemegang saham individu, penjamin individu, pembekal sekuriti individu, pembekal/vendor dan/atau pihak-pihak berkaitan, telah diberi oleh pertubuhan/syarikat tersebut kepada Pengguna Data untuk tujuan mana-mana transaksi komersial antara pertubuhan/syarikat tersebut dengan Pengguna Data, maklumat tersebut akan dianggap sebagai maklumat yang pertubuhan/syarikat tersebut diberikuasa untuk memberi kepada Pengguna Data, tertakluk kepada:
- (i) Pertubuhan/syarikat tersebut memberi waranti kepada Pengguna Data bahawa ia telah memperoleh atau akan memperoleh kebenaran individu tersebut untuk penggunaan data peribadi mereka; dan
 - (ii) Pengguna Data akan memproses data peribadi individu tersebut hanya bagi tujuan transaksi komersial antara Pengguna Data dengan pertubuhan/syarikat tersebut
- 4.1.4 Bagi mengelakkan keraguan, dan tertakluk kepada 4.1.3 di atas, Pengguna Data tidak perlu mendapatkan kebenaran daripada pegawai, pekerja, penandatangan yang diberikuasa, pengarah, pemegang saham individu, penjamin individu, pembekal sekuriti individu, pembekal/vendor dan/atau pihak-pihak berkaitan untuk memproses maklumat untuk tujuan transaksi komersial antara Pengguna Data dan pertubuhan/syarikat tersebut.
- 4.1.5 Walau bagaimanapun, dalam keadaan di mana Pengguna Data menggunakan data pegawai, pekerja, penandatangan yang diberikuasa, pengarah, pemegang saham individu, penjamin individu, pembekal sekuriti individu, pembekal/vendor dan/atau pihak-pihak berkaitan untuk tujuan transaksi komersial yang tidak berkaitan dengan pertubuhan/syarikat tersebut (contohnya, menawarkan pekerja syarikat satu atau lebih kemudahan kad kredit dalam keupayaan peribadi mereka), pegawai, pekerja, penandatangan yang diberikuasa, pengarah, pemegang saham individu, penjamin individu, pembekal sekuriti individu, pembekal/vendor dan/atau pihak-pihak berkaitan tersebut akan dianggap sebagai Subjek Data dan akan mempunyai hak di bawah Akta.
- 4.1.6 Di mana Pengguna Data menyediakan borang permohonan pembekal perkhidmatan pihak ketiga (seperti pembekal insurans/takaful) di dalam premis mereka dan tidak dalam apa-apa cara memproses data peribadi Subjek Data yang diisi di dalam borang permohonan pihak ketiga tersebut (seperti di mana borang permohonan yang diisi dimasukkan ke dalam peti surat yang hanya boleh diakses oleh pembekal perkhidmatan pihak ketiga sahaja), perbuatan menyediakan borang permohonan tersebut tidak akan jatuh di dalam skop Akta.

4.2 DATA PERIBADI SENSITIF

- 4.2.1 Akta tersebut mentakrifkan data peribadi sensitif sebagai *“apa-apa data peribadi yang mengandungi maklumat tentang kesihatan atau keadaan fizikal atau mental seorang Subjek Data, pendapat politiknya, kepercayaan agamanya atau kepercayaan lain yang bersifat seumpamanya, perlakuan atau pengataatan perlakuan apa-apa kesalahan olehnya atau apa-apa data peribadi lain yang ditentukan oleh Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam Warta”*.
- 4.2.2 Satu contoh data peribadi sensitif yang mungkin dikumpul semasa memberi produk insurans kepada Subjek Data termasuk pengumpulan sejarah kesihatan atau perubatan pelanggan. Di mana ini dilakukan, Pengguna Data yang berkaitan akan memiliki data peribadi sensitif yang berkaitan dengan kesihatan pelanggan. Dalam keadaan ini, *“persetujuannya secara nyata”* pelanggan diperlukan di bawah Akta.
- 4.2.3 Seksyen 40 Akta tersebut menyatakan bahawa Pengguna Data tidak boleh memproses data peribadi sensitif Subjek Data, kecuali di mana Subjek Data telah memberikan ***“persetujuan secara nyata”*** atau di mana, contohnya, pemprosesan data adalah penting untuk:
- (i) tujuan prosiding undang-undang; atau
 - (ii) tujuan mendapatkan khidmat nasihat undang-undang; atau
 - (iii) tujuan mewujudkan, mempraktikkan, atau mempertahankan hak undang-undang .
- 4.2.4 Dalam konteks sektor perbankan dan kewangan, pengumpulan maklumat kad pengenalan adalah penting untuk pembukaan akaun bagi pelanggan-pelanggan Pengguna Data dan juga bagi pengurusan berterusan akaun mereka. Kerap kali, ini adalah dalam bentuk:
- (i) membuat salinan kad pengenalan, memulangkan kad pengenalan kepada pelanggan dan menyimpan salinan kad pengenalan; dan/atau
 - (ii) membaca semua maklumat secara elektronik (termasuk agama pelanggan) dalam cip atas kad pengenalan, memulangkan kad pengenalan kepada pelanggan dan mengekalkan maklumat yang diperolehi dari cip dalam format elektrik.

Dalam keadaan ini, *“persetujuan yang nyata”* pelanggan diperlukan di bawah Akta.

Pemprosesan Data Peribadi Sensitif Di mana Subjek Data Memberi Persetujuannya Secara Nyata

- 4.2.5 Akta tersebut tidak memberikan takrif *“persetujuannya secara nyata”*.

- 4.2.6 Walau bagaimanapun, Peraturan-peraturan menyatakan bahawa apa-apa “*persetujuan*” hendaklah berupaya untuk “*direkodkan*” dan “*diselenggarakan*”. Oleh itu, ianya boleh dikatakan bahawa pada tahap minima, keperluan yang terpakai bagi persetujuan untuk memproses data peribadi, turut terpakai kepada data peribadi sensitif.

Bentuk Persetujuan Yang Nyata

- 4.2.7 Persetujuan nyata secara lisan akan wujud dalam keadaan di mana Subjek Data memberi kenyataan secara lisan yang memberi kebenaran bagi pemprosesan data peribadi sensitifnya. Memandangkan peruntukan Peraturan mengenai persetujuan tersebut (iaitu bahawa persetujuan mesti boleh “*direkodkan*” dan “*diselenggarakan*”), adalah disarankan supaya sebarang persetujuan nyata secara lisan yang diberi oleh Subjek Data direkodkan, sebagai contoh melalui rakaman audio, untuk memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan dalam Peraturan.

Contohnya: Di mana Pengguna Data mengumpul data peribadi daripada Subjek Data, Pengguna Data perlu bertanya secara jelas kepada Subjek Data sama ada Subjek Data bersetuju dengan pemprosesan data peribadinya. Subjek Data kemudiannya mesti memberi kenyataan yang jelas bahawa Subjek Data bersetuju dengan pemprosesan data peribadinya.

*Soalan oleh Pengguna Data yang dicadangkan:
Adakah anda bersetuju dengan pemprosesan data peribadi anda?*

*Jawapan Subjek Data yang dicadangkan:
Ya, saya setuju.*

- 4.2.8 Persetujuan yang nyata juga boleh diperolehi melalui perlakuan Subjek Data. Contoh di mana tingkah laku akan dianggap sebagai persetujuan yang nyata termasuk di mana Subjek Data:

(i) meneruskan pemberian data peribadi sensitif dirinya secara sukarela (contohnya pemberian kad pengenalan Subjek Data untuk dibaca pada peringkat permohonan untuk kemudahan/perkhidmatan/produk Pengguna Data); atau

(ii) meneruskan penggunaan perkhidmatan Pengguna Data,

tertakluk kepada pematuhan kepada 3.2.

- 4.2.9 Semua bentuk persetujuan nyata lain yang diberi oleh Subjek Data perlu di dalam bentuk bertulis (seperti yang ditakrif di Bahagian 2) dan menunjukkan persetujuan

Subjek Data untuk pemprosesan data peribadinya, sebagai contoh melalui tandatangan atau tanda *tick* yang menunjukkan persetujuan Subjek Data.

Contoh: Di mana Subjek Data mengisikan borang permohonan semasa memohon untuk produk insurans dengan Bank, pelanggan memberikan persetujuan yang nyata dengan meletakkan tanda tangan pada borang permohonan tersebut atau meletakkan tanda tick dalam bahagian yang berkaitan di borang permohonan, dengan itu membolehkan Pengguna Data memproses data peribadinya (sebagai contoh sejarah perubatan pelanggan).

4.3 DATA SEDIA ADA

4.3.1 Kod ini akan terpakai kepada semua data peribadi dan data peribadi sensitif di dalam milikan atau di bawah kawalan Pengguna Data, tanpa mengambil kira tarikh data peribadi/data peribadi sensitif tersebut dikumpul atau sebaliknya, “diproses”.

4.3.2 Meskipun yang ternyata di atas:

- (i) di mana data peribadi/data peribadi sensitif berkaitan dengan akaun yang tidak aktif, ditutup, terbiar (dorman) atau diarkjib, Pengguna Data hendaklah menggunakan usaha komersil yang munasabah dalam mematuhi Akta dan Kod ini; dan
- (ii) di mana data tersebut disimpan dalam bentuk arkib elektronik dan/atau di dalam media sandaran, data tersebut tidak akan tertakluk kepada Akta tersebut selagi Pengguna Data menghadkan akses data tersebut hanya kepada kakitangan yang berkenaan sahaja dan bagi tujuan sandaran atau arkib masing-masing.

4.3.3 Dalam keadaan di mana data peribadi berkaitan dengan akaun aktif atau data yang telah dimuatnaik semula dari sandaran atau arkib elektronik Pengguna Data, Pengguna Data dikehendaki untuk mematuhi sepenuhnya Akta dan Kod ini.

4.4 PEMASARAN LANGSUNG

4.4.1 Sebagai peraturan am dan tertakluk kepada pemasaran langsung diperuntukan di dalam setiap Notis Privasi Pengguna Data, Pengguna Data boleh menjalankan pemasaran langsung bagi produk dan perkhidmatan melainkan apabila Subjek Data tidak memberi kebenaran kepada atau telah menarik balik kebenarannya untuk menerima pemasaran langsung tersebut.

4.4.2 Contoh-contoh aktiviti pemasaran langsung termasuk apa-apa bentuk komunikasi kepada Subjek Data mengenai promosi produk dan/atau perkhidmatan, seperti:

- (i) membuat panggilan telefon kepada Subjek Data bagi mempromosikan produk dan/atau perkhidmatan baru Pengguna Data;
- (ii) menghantar pesanan teks, e-mel, pesanan suara atau melalui lain-lain saluran elektronik kepada Subjek Data bagi mempromosikan produk dan/atau perkhidmatan baru; dan
- (iii) menyediakan bahan promosi kepada Subjek Data berdasarkan baki akaun simpanan mereka.

Bagi mengelakkan keraguan, komunikasi dengan Subjek Data berkenaan peringatan pembaharuan perkhidmatan/kemudahan (contohnya peringatan untuk memperbaharui polisi insurans tahunan kenderaan) yang telah dilanggan tidak dianggap sebagai pemasaran langsung.

- 4.4.3 Meskipun yang ternyata di atas, bahan pemasaran yang tidak ditujukan kepada mana-mana individu tertentu tetapi sebaliknya ditujukan kepada **semua** pelanggan Pengguna Data atau kepada seluruh kategori/jenis pelanggan (contohnya **semua** pelanggan Pengguna Data yang mempunyai akaun semasa) Pengguna Data, tidak dianggap sebagai pemasaran langsung bagi tujuan Kod ini.

Contoh 1: Memasukkan helaian pemasaran/promosi ke dalam penyata bank yang dikeluarkan kepada semua pelanggan akaun semasa Pengguna Data (iaitu kepada individu, syarikat, perkongsian), tidak akan dianggap sebagai pemasaran langsung bagi tujuan Akta tersebut.

Contoh 2: Memasukkan promosi blok rentang (banner) di dalam laman web Pengguna Data yang boleh dilihat oleh semua pelanggan perbankan internet Pengguna Data (iaitu individu, syarikat, perkongsian), tidak akan dianggap sebagai pemasaran langsung bagi tujuan Akta tersebut.

Contoh 3: Menunjukkan bahan promosi kepada Subjek Data tertentu yang mempunyai akaun semasa dengan baki melebihi RM1,000 akan dianggap sebagai pemasaran langsung bagi tujuan Akta tersebut.

- 4.4.4 Tambahan lagi, ia adalah penting untuk mengambil maklum bahawa bukan semua pemasaran jatuh di bawah skop Akta tersebut. Di mana bahan periklanan atau pemasaran disampaikan tanpa mengetahui penerima sebenar, contohnya apabila surat dihantar kepada 'penghuni' kediaman di dalam sebuah taman perumahan dan pengirim tidak mengetahui identiti individu tersebut, Akta tersebut jelas tidak akan terpakai.

Hak Subjek Data untuk Menolak Pemasaran Langsung

4.4.5 Pengguna Data perlu menyediakan hak kepada semua Subjek Data untuk menolak penggunaan data peribadi mereka bagi tujuan pemasaran langsung.

4.4.6 Permohonan tersebut boleh dibuat:-

- (i) melalui borang permohonan terawal semasa mendaftar untuk produk/perkhidmatan melalui sebuah kotak tanda (*tick-box*) untuk pilih keluar daripada pemasaran langsung; atau
- (ii) melalui borang berasingan yang disediakan secara tersedia ada kepada Subjek Data oleh Pengguna Data; atau
- (iii) melalui apa-apa cara komunikasi yang lain seperti yang diberitahu oleh Pengguna Data atau yang boleh diterima oleh Pengguna Data,

dan yang perlu disediakan kepada Subjek Data tanpa caj.

4.4.7 Pendekatan sistematik perlu digunapakai Pengguna Data untuk memenuhi permohonan Subjek Data untuk memberhentikan pemasaran langsung secara efektif. Pengguna Data perlu menyelenggara satu sistem, pangkalan data, prosedur atau proses di mana permohonan tersebut akan direkod. Sistem, pangkalan data, prosedur atau proses tersebut akan menjadi sumber rujukan masa hadapan bagi memastikan bahan pemasara tidak dihantar kepada Subjek Data yang tersenarai di dalamnya.

4.4.8 Pengguna Data disarankan untuk membentuk polisi dan prosedur untuk dipatuhi kakitangan pemasarannya apabila mengakses dan mengemaskini sistem, pangkalan data, prosedur dan proses tersebut dan memenuhi permintaan Subjek Data.

Hak untuk Menghalang Pemprosesan Data Peribadi bagi Tujuan Pemasaran Langsung

4.4.9 Seseorang Subjek Data mempunyai hak pada setiap masa, melalui notis bertulis kepada Pengguna Data untuk meminta Pengguna Data berhenti atau tidak memulakan pemprosesan data peribadinya bagi tujuan pemasaran langsung. Pengguna data perlu memnuhi notis bertulis tersebut apabila tamat tempoh yang munasabah bagi situasi tersebut.

4.4.10 Ini akan diterangkan secara lebih lanjut di Bahagian 5 Kod ini.

Persetujuan dan Notis

4.4.11 Pengguna Data adalah ditadbir oleh keperluan mandat Bank Negara Malaysia di bawah *Panduan Ketelusan dan Pendedahan Produk* (Product Transparency & Disclosure Guidelines) ("PTDG") berkaitan dengan pendedahan data peribadi kepada:

- (i) syarikat di dalam kumpulan syarikat Pengguna Data bagi tujuan jualan silang; dan
- (ii) syarikat di luar kumpulan syarikat Pengguna Data bagi tujuan pemasaran dan promosi.

4.4.12 Dalam situasi di mana data peribadi dikumpul untuk penzahiran kepada syarikat lain di dalam kumpulan syarikat Pengguna Data bagi tujuan jualan silang, Pengguna Data perlu mengikuti PTDG yang disediakan oleh Bank Negara Malaysia, yang menyatakan seperti berikut:

FSP yang ingin berkongsi maklumat pelanggan dengan syarikat lain di dalam kumpulan kewangannya hendaklah memaklumkan pelanggan kepada siapa maklumat tersebut akan dizahirkan dan tujuan penzahiran tersebut. Walau bagaimanapun, FSP tidak boleh berkongsi maklumat mana-mana pelanggan yang telah menolak penzahiran bagi tujuan jualan silang. Bagi pelanggan baru, FSP perlu memberi pelanggan tersebut peluang untuk “memilih keluar” daripada penzahiran bagi tujuan penjualan silang. Bagi pelanggan yang sedia ada, FSP perlu memberitahu pelanggan tersebut tentang pilihan yang tersedia kepada pelanggan tersebut untuk “memilih keluar” dan menyediakan cara untuk pelanggan berbuat demikian.

**FSP telah ditakrifkan di dalam PTDG sebagai “financial service providers” ataupun penyedia perkhidmatan kewangan.*

4.4.13 Dalam keadaan di mana data peribadi yang dikumpul adalah untuk didedahkan kepada pedagang dan/atau rakan kongsi strategik Pengguna Data bagi tujuan pemasaran langsung, Pengguna Data perlu mengikut panduan PTDG Bank Negara Malaysia, yang memperuntukkan bahawa:

FSP yang ingin berkongsi maklumat pelanggan (kecuali maklumat yang berkaitan dengan urusan atau akaun pelanggan) dengan pihak ketiga, seperti pakatan strategik bagi tujuan pemasaran dan promosi, mesti mendapat kebenaran nyata daripada pelanggan. Untuk tujuan ini, FSP mesti memberi pelanggan peluang untuk memilih masuk (“opt in”) bagi pendedahan maklumat tersebut kepada pihak yang dinyatakan oleh FSP. Untuk mengelakkan keraguan, dalam keadaan di mana pelanggan yang telah memilih masuk (“opted in”) kemudiannya memaklumkan bantahannya bagi perkongsian maklumat dengan pihak ketiga, pemberitahuan tersebut akan diberi keutamaan ke atas persetujuan awal yang diberinya kepada FSP.

4.4.14 Oleh itu, bagi tujuan Kod ini dan berdasarkan keperluan PTDG Bank Negara Malaysia, ianya adalah mencukupi untuk Pengguna Data memaklumkan Subjek Data melalui Notis Privasi masing-masing, tentang aktiviti pemasaran yang dikendalikan oleh:-

- (i) Pengguna Data sendiri (dengan memperuntukkan bahawa Subjek Data boleh memilih keluar daripada aktiviti pemasaran tersebut);
- (ii) syarikat dalam kumpulan syarikat Pengguna Data bagi tujuan jualan silang (dengan memperuntukkan bahawa Subjek Data boleh memilih keluar daripada aktiviti pemasaran tersebut); dan
- (iii) syarikat bukan dalam kumpulan syarikat Pengguna Data (sebagai contoh, pedagang dan rakan kongsi strategik) bagi tujuan pemasaran dan promosi (dengan memperuntukkan bahawa melainkan jika Subjek Data memilih masuk akan aktiviti pemasaran tersebut, mereka tidak akan menerima bahan pemasaran tersebut).

4.4.15 Pengguna Data yang menyampaikan bahan pengiklanan dan pemasaran yang ditujukan kepada Subjek Data tertentu, melalui penggunaan data peribadi Subjek Data (sebagai contoh nama, alamat, nombor telefon bimbit, alamat emel) yang diberi oleh:-

- (i) Subjek Data semasa mendaftar untuk produk atau perkhidmatan Pengguna Data; atau
- (ii) Subjek Data yang bukan pelanggan Pengguna Data tetapi yang telah menyatakan minat terhadap produk atau perkhidmatan Pengguna Data (sebagai contoh, di mana Subjek Data menghubungi jabatan perkhidmatan pelanggan Pengguna Data untuk membuat pertanyaan berkenaan produk dan perkhidmatannya),

adalah dikehendaki sama ada untuk sudah memaklumkan Subjek Data tentang perkara di atas melalui Notis Privasi masing-masing (seperti yang diterangkan dalam 4.4.16 di bawah), atau dalam keadaan di mana Notis Privasi mereka tidak menyebut tentang mengeluarkan bahan pengiklanan atau pemasaran, untuk mendapat kebenaran Subjek Data sebelum memulakan pemasaran langsung.

4.4.16 Secara khususnya, Pengguna Data yang menjalankan pemasaran langsung dikehendaki memberi notis kepada Subjek Data:-

- (i) bahawa data peribadi mereka akan digunakan bagi tujuan pemasaran langsung;
- (ii) tentang kumpulan pihak ketiga kepada siapa data peribadi akan didedahkan atau mungkin akan didedahkan, (sebagai contoh rakan perniagaan strategik, pedagang pilihan Pengguna Data); dan

- (iii) tentang hak Subjek Data untuk membantah penggunaan (untuk tujuan pemasaran langsung/jualan silang) data peribadi mereka pada bila-bila masa melalui pemberian notis secara bertulis kepada Pengguna Data.

4.4.17 Pengguna Data mesti memberi notis tersebut kepada Subjek Data melalui Notis Privasi masing-masing yang perlu disampaikan kepada Subjek Data mengikut keperluan Prinsip Notis dan Pilihan. Sila rujuk kepada 3.2 untuk maklumat lanjut mengenai kandungan Notis Privasi.

4.4.18 Setiap Pengguna Data dikehendaki mengekalkan senarai dalaman pihak ketiga kepada siapa data peribadi didedahkan, dan mengemaskini senarai dalaman tersebut secara kerap.

Mendapat Data Peribadi Daripada Sumber Lain

4.4.19 Sekiranya Pengguna Data mendapatkan data peribadi individu bagi tujuan pemasaran langsung daripada pihak ketiga atau mana-mana sumber selain daripada Data Subjek sendiri, Pengguna Data dikehendaki mengambil langkah-langkah praktikal untuk memastikan notis yang diperlukan dan/atau kebenaran yang berkenaan, daripada individu tersebut untuk pendedahan data peribadi mereka kepada Pengguna Data bagi tujuan pemasaran langsung telah diperolehi.

4.4.20 Pengguna Data juga mesti mengambil tindakan berikut:

- (i) dalam hal urus janji komersial dengan pihak ketiga, dengan membuat perjanjian secara bertulis bersama pihak ketiga, di mana representasi dan waranti yang mencukupi telah diberi oleh pihak ketiga, iaitu kebenaran yang berkenaan untuk pendedahan data peribadi telah diperolehi daripada Subjek Data sebelum membuat pendedahan kepada Pengguna Data; dan
- (ii) dalam situasi di mana Subjek Data merupakan pelanggan Pengguna Data, dengan mendapatkan waranti (sama ada secara bertulis atau lisan) daripada Subjek Data bahawa mereka telah mendapat kebenaran yang berkenaan daripada individu tersebut untuk Pengguna Data menjalankan pemasaran produk/perkhidmatan mereka kepada individu tersebut.

4.4.21 Menggunakan atau memproses data peribadi yang diperolehi daripada sumber maklumat yang umum (seperti Pejabat Pendaftaran Syarikat di Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Pejabat Pendaftaran Tanah Negara, laman Facebook peribadi atau jaringan sejagat ("World Wide Web") bagi tujuan pemasaran langsung kepada individu adalah dilarang, kerana Subjek Data:

- (i) telah memberi data peribadi tersebut bagi tujuan selain daripada pemasaran langsung; dan

- (ii) tidak diberi notis atau tidak memberikan kebenaran bagi menerima pemasaran langsung.

Pelantikan Ejen Pemasaran

4.4.22 Di mana Pengguna Data melantik pihak ketiga (iaitu pemproses data) untuk membuat pemasaran langsung bagi pihaknya, sebagai contoh pusat mel yang mengirim bahan pemasaran secara langsung, Pengguna Data perlu mengenakan syarat-syarat tertentu terhadap pemproses data seperti yang dinyatakan di perenggan 4.4.23 di bawah.

4.4.23 Pengguna Data perlu dengan usaha yang munasabah memastikan bahawa sebarang pemprosesan data peribadi oleh Pemproses Data mengambil tempat tertakluk kepada kontrak di antara Pengguna Data dan Pemproses Data yang menentukan:

- (i) syarat-syarat di mana data peribadi tersebut boleh diproses;
- (ii) representasi, akujanji, waranti dan/atau tanggung rugi yang perlu diberi oleh Pemproses Data;
- (iii) langkah-langkah keselamatan teknikal dan organisasi yang mentadbir pemprosesan yang akan dijalankan;
- (iv) tindakan untuk memastikan pematuhan dengan langkah-langkah tersebut (sebagai contoh melakukan audit secara bertulis); dan
- (v) pemadaman, penghapusan dan/atau pemulangan data peribadi apabila kontrak selesai atau tamat.

4.5 AGENSI PELAPORAN KREDIT

4.5.1 Maklumat mengenai Subjek Data yang diperolehi daripada agensi pelaporan kredit akan dianggap sebagai data peribadi yang tergolong di dalam skop Akta tersebut.

Akses kepada Data Kredit PenggunaPengguna

4.5.2 Pengguna Data boleh mengakses data kredit seorang Subjek Data yang dipegang oleh agensi pelaporan kredit (credit reporting agency, "CRA") (seperti melalui laporan kredit yang diberi oleh CRA), sebagai contoh dalam proses:-

- (i) mempertimbangkan pemberian sesuatu permohonan (seperti permohonan pinjaman/pembiayaan) untuk produk/perkhidmatan Pengguna Data dengan menjalankan pemeriksaan yang sesuai bagi kepercayaan kredit dan untuk membuat pemeriksaan penipuan (fraud); atau

- (ii) semakan produk/perkhidmatan yang sedia ada yang diberi kepada Subjek Data (sebagai contoh di mana ada permintaan untuk menambah jumlah kredit); atau
- (iii) pembaharuan produk/perkhidmatan yang sedia ada yang diberi kepada Subjek Data,

tertakluk kepada pemberian notis kepada Subjek Data mengenai pengumpulann data kredit pengguna dan tujuan berbuat demikian (seperti menjalankan pemeriksaan untuk kepercayaan kredit) melalui Notis Privasi masing-masing dan/atau mendapatkan persetujuan Subjek Data.

Penzahiran Data Kredit

4.5.3 Pengguna Data dibenarkan untuk menzahirkan data peribadi Subjek Data kepada CRA:-

- (i) apabila permohonan untuk produk dan/atau perkhidmatan dibuat (contohnya permohonan untuk kemudahan kad kredit/pinjaman/pembiayaan);
- (ii) apabila Subjek Data gagal untuk membuat bayaran; dan/atau
- (iii) apabila tamatnya akaun Subjek Data.

4.5.4 Pengguna Data boleh mendapatkan kebenaran daripada Subjek Data untuk pengumpulan dan pemprosesan data kredit pengguna dengan memasukkan klausa memberi kebenaran yang sesuai (sebagai contoh mendapat persetujuan Subjek Data untuk memberikan laporan kredit Subjek Data kepada Pengguna Data) di dalam terma dan syarat Pengguna Data yang mentadbir perkhidmatan/kemudahan Pengguna Data yang berkenaan.

4.5.5 Pengguna Data juga boleh memasukkan kotak tanda (*tick boxes*) di dalam borang permohonan yang berkenaan meminta Subjek Data untuk bersetuju dan memberikuasa kepada Pengguna Data untuk menjalankan pemeriksaan kredit dengan mana-mana CRA dan korporasi yang ditubuhkan bagi tujuan pengumpulan dan pemberian maklumat kredit pengguna.

4.6 PANGKALAN DATA YANG DIBENARKAN

4.6.1 Menurut seksyen 45(2)(a)(i) Akta tersebut, Pengguna Data dibenarkan untuk menyelenggara satu atau lebih pangkalan data (atau yang serupa dengannya, sama ada secara elektronik atau bertulis) yang mengandungi maklumat pemohon individu dan pelanggan yang telah mencuba untuk mendapat perkhidmatan, atau telah mendapat perkhidmatan, dari Pengguna Data berdasarkan maklumat yang tidak

tepat, menipu (fraudulent) dan/atau yang sengaja mengelirukan , untuk mengesan permohonan masa depan daripada individu tersebut dan untuk mengurangkan risiko penipuan (fraud) kepada Pengguna Data.

- 4.6.2 Setiap Pengguna Data dibenarkan untuk menyelenggarakan pangkalan data sendiri yang mengandungi maklumat pemohon individu dan pelanggan yang pernah mencuba untuk mendapat perkhidmatan, atau telah mendapat perkhidmatan daripada Pengguna Data berdasarkan maklumat yang tidak tepat, menipu (fraudulent) dan/atau yang sengaja mengelirukan dan boleh mendedahkan maklumat tersebut kepada mana-mana Pengguna Data lain dan/atau menerima maklumat tersebut daripada Pengguna Data lain bagi tujuan mengesan penipuan (fraud).
- 4.6.3 Pengguna Data dibenarkan untuk menyelenggara pangkalan data sendiri mengenai pelanggan yang gagal membuat bayaran supaya dapat mengesan permohonan masa depan daripada individu tersebut dan untuk memudahkan kutipan hutang daripada Pengguna Data berkenaan. Pengguna Data tidak dibenarkan menggunakan data peribadi untuk apa-apa tujuan komersial lain.
- 4.6.4 Tambahan kepada di atas, Pengguna Data dibenarkan memproses maklumat yang tersedia secara umum (sebagai contoh Jabatan Insolvensi Malaysia) mengenai individu yang bankrap dan akibatnya tidak berkelayakan untuk membuka atau mengekalkan akaun/kemudahan dengan Pengguna Data, dengan syarat Notis Privasi jelas menunjukkan bahawa Pengguna Data dibenarkan memproses maklumat daripada sumber maklumat atau pendaftaran umum tersebut.
- 4.6.5 Pengguna Data juga dibenarkan untuk menyelenggara senarai/pangkalan data individu-individu yang telah disanksi oleh pengawal selia tempatan dan/atau luar negara, pihak berkuasa kerajaan dan badan organisasi antarabangsa bagi mengelakkan daripada pelanggaran mana-mana undang-undang, peraturan atau perjanjian triti yang terpakai ke atas Pengguna Data dengan syarat Pengguna Data tidak akan menggunakan data peribadi tersebut bagi kegunaan lain.
- 4.6.6 Pengguna Data dibenarkan untuk mengekalkan senarai/pangkalan data mengenai individu yang layak sebagai *“pihak yang mempunyai hubungan”* (*connected parties*), *“pihak yang terdedah dalam politik”* (*politically exposed persons*), dan lain-lain, menurut garis-garis panduan Bank Negara Malaysia yang berkenaan. Walau bagaimanapun, Pengguna Data perlu memastikan bahawa sekiranya individu tersebut tidak lagi layak di bawah garis-garis panduan Bank Negara Malaysia berkenaan, data peribadi individu yang terdapat di dalam senarai/pangkalan data tersebut, dipadamkan secara kekal tertakluk sebarang garis panduan Bank Negara Malaysia yang terpakai dengan syarat data peribadi tersebut boleh dikekalkan bagi tempoh yang lebih lama di dalam keadaan yang dinyatakan dalam 3.5.5 dan 3.5.7.
- 4.6.7 Pengguna Data dibenarkan untuk merujuk kepada pangkalan data/senarai tersebut apabila menerima permohonan untuk perkhidmatan/kemudahan perbankan dan

kewangan yang di buat dengan Pengguna Data dan dalam pengurusan dan operasi perniagaan perbankan masing-masing.

4.7 MENGHUBUNGI SUBJEK DATA

- 4.7.1 Dalam pengurusan dan operasi akaun/kemudahan Subjek Data dengan Pengguna Data, keadaan mungkin timbul di mana Pengguna Data perlu menghubungi Subjek Data melalui telefon.
- 4.7.2 Di mana Pengguna Data menghubungi Subjek Data melalui nombor telefon yang diberi oleh Subjek Data, dan panggilan tersebut diterima oleh seseorang yang lain daripada Subjek Data, adalah dibenarkan untuk Pengguna Data memberitahu penerima panggilan tersebut tentang identiti Pengguna Data, untuk bertanya tentang bila Subjek Data ada untuk dihubungi dan untuk menyatakan bahawa Pengguna Data akan memanggil lagi kemudian.
- 4.7.3 Pengguna Data tidak dibenarkan mendedahkan mana-mana butiran lain berkaitan dengan Subjek Data, akaun/kemudahan Subjek Data dengan Pengguna Data, dan/atau status akaun/kemudahan tersebut kepada penerima panggilan telefon.

4.8 SIJIL PENDAFTARAN

- 4.8.1 Pengguna Data dikehendaki oleh Peraturan untuk memaparkan:
 - (i) Sijil Pendaftaran asal yang diisu oleh Pesuruhjaya menurut Akta di ibu pejabat Pengguna Data; dan
 - (ii) salinan Sijil Pendaftaran yang telah disahkan oleh Pesuruhjaya di setiap cawangan Pengguna Data,(selepas ini dirujuk secara kolektif sebagai “Sijil”).
- 4.8.2 Pengguna Data boleh mempamerkan Sijil di dewan perbankan masing-masing, paparan elektronik, pada skrin terminal layan diri dan/atau laman web Pengguna Data. Di mana Sijil dipamerkan di premis berkaitan di atas skrin elektronik atau yang serupa dengannya, Pengguna Data dengan ini dikecualikan daripada mempamerkan sijil yang sebenarnya, tetapi akan diminta untuk mengemukakannya bagi tujuan pemeriksaan Pesuruhjaya.
- 4.8.3 Tidak mempamerkan satu atau lebih Sijil tidak akan menjadi satu kesalahandi bawah Akta tersebut atau Peraturannya sekiranya Sijil telah dimohon tetapi belum lagi diisu oleh Pesuruhjaya tertakluk pada setiap masa kepada pemberian bukti pemfailan atau resit yang berkenaan.

4.9 FOTOGRAFI SEMASA MAJLIS-MAJLIS KORPORAT

- 4.9.1 Gambar dan imej individu yang diambil oleh atau untuk Pengguna Data termasuk di dalam skop Akta tersebut di mana individu boleh dikenalpasti.
- 4.9.2 Dalam keadaan di mana Pengguna Data menganjurkan satu acara di mana gambar individu akan diambil dan gambar tersebut akan diterbitkan dalam bahan publisiti, majalah dalaman dan/atau intranet Pengguna Data, Pengguna Data disarankan untuk menerima pakai langkah-langkah tersebut:-
- (i) sekiranya acara adalah melalui jemputan, kad jemputan menyatakan dengan jelas bahawa gambar para hadirin akan diambil semasa acara dan imej-imej tersebut mungkin akan digunakan bagi tujuan penerbitan oleh Pengguna Data; atau
 - (ii) sekiranya acara tersebut adalah acara terbuka kepada umum, notis yang jelas diletak di pintu masuk atau tempat menyambut tetamu bagi acara tersebut bagi memaklumkan para hadirin bahawa gambar mereka akan diambil di acara tersebut dan imej-imej mungkin akan digunakan untuk penerbitan oleh Pengguna Data.

4.10 PEMINDAHAN DATA PERIBADI KE LUAR NEGARA

- 4.10.1 Akta tersebut melarang pemindahan data peribadi ke luar Malaysia melainkan pemindahan ke negara yang mempunyai undang-undang perlindungan data yang mencukupi, seperti yang ditetapkan oleh Menteri dalam Warta Kerajaan, berdasarkan cadangan Pesuruhjaya kepada Menteri.
- 4.10.2 Meskipun larangan di atas, Akta tersebut dengan secara nyata mengizinkan pemindahan data peribadi ke luar negara di mana:
- (i) Subjek Data telah memberi kebenaran kepada pemindahan; atau
 - (ii) pemindahan tersebut diperlukan untuk pelaksanaan kontrak antara Pengguna Data dengan Subjek Data (sebagai contoh di mana pelanggan memberi Pengguna Data satu arahan untuk memindah wang ke akaun pihak ketiga); atau
 - (iii) pemindahan tersebut diperlukan untuk pelaksanaan atau penyelesaian kontrak antara Pengguna Data dengan pihak ketiga yang telah dimasukkan atas permintaan atau untuk manfaat Subjek Data; atau
 - (iv) pemindahan tersebut adalah untuk tujuan prosiding undang-undang atau mendapat khidmat nasihat undang-undang; atau
 - (v) Pengguna Data ada alasan yang munasabah untuk berbuat demikian; atau

- (vi) Pengguna Data telah mengambil langkah sewajarnya untuk memastikan bahawa data peribadi tidak akan diproses dalam apa-apa cara yang melanggar Akta tersebut; atau
- (vii) pemindahan adalah perlu untuk melindungi kepentingan utama Subjek Data (ini berkaitan perkara-perkara hidup dan mati seperti yang ditakrifkan dalam Akta tersebut); atau
- (viii) pemindahan diperlukan demi kepentingan awam seperti yang ditetapkan oleh Menteri.

4.10.3 Berdasarkan yang di atas, Pengguna Data disarankan supaya:

- (i) menangani isu pemindahan data peribadi ke luar negara sama ada dalam Notis Privasi masing-masing atau melalui rujukan kepadanya dalam kontrak antara Pengguna Data dan Subjek Data; dan
- (ii) memastikan bahawa surat-surat yang mengikat telah dipertukarkan atau klausa kontrak yang sesuai dimasukkan ke dalam kontrak bersama penerima data peribadi dari luar negara, bagi melindungi data peribadi yang dipindahkan seperti yang diperuntukkan di bawah Akta tersebut, dan diterangkan dengan lebih lanjut di perenggan 4.10.4 di bawah.

4.10.4 Pengguna Data disarankan untuk menggunakan usaha yang munasabah untuk mendapatkan representasi dan waranti berikut daripada penerima data peribadi:

- (i) untuk memberi semua maklumat dan kerjasama berkaitan dengan pemprosesan data peribadi yang diperlukan Pengguna Data secara munasabah, untuk memastikan pematuhan Pengguna Data dengan Akta tersebut;
- (ii) untuk menjalankan pemprosesan data peribadi Subjek Data hanya seperti yang diperlukan untuk memenuhi obligasi kontrak kepada Pengguna Data;
- (iii) untuk tidak mendedahkan keseluruhan atau mana-mana bahagian data peribadi Subjek Data kepada mana-mana orang, selain sekadar yang diperlukan untuk memenuhi obligasi kontrak kepada Pengguna Data;
- (iv) untuk melaksanakan dan mengekalkan langkah-langkah keselamatan teknologi dan organisasi, dan memberi butiran mengenainya kepada Pengguna Data sekiranya diminta, bagi melindungi data peribadi Subjek Data dari kehilangan, penyalahgunaan, pengubahsuaian, pendedahan atau akses, pindaan atau kemusnahan tanpa kebenaran atau secara tidak sengaja;

- (v) untuk tidak mengekalkan data peribadi Subjek Data untuk tempoh lebih lama daripada yang diperlukan untuk memenuhi obligasi kontrak kepada Pengguna Data;
- (vi) untuk membenarkan Pengguna Data dan/atau wakil mereka (tertakluk kepada akujanji kerahsiaan yang dipersetujui), untuk menjalankan audit sama ada secara fizikal atau bertulis mengenai kemudahan dan aktiviti pemprosesan data peribadi penerima, untuk memastikan pematuhan dengan Akta tersebut jika diperlukan; dan
- (vii) untuk memulangkan atau memusnahkan semua data peribadi Subjek Data yang diberi kepada Pengguna Data apabila tamat hubungan/perniagaan penerima dihentikan /atas permintaan.

BAHAGIAN 5

HAK SUBJEK DATA

5.1 HAK MENGAKSES DATA PERIBADI

5.1.1 Di bawah Prinsip Akses, Subjek Data mempunyai hak untuk membuat permintaan akses data (“data access request”, “DAR”) dengan Pengguna Data dan untuk menerima jawapan daripada Pengguna Data dalam tempoh masa yang ditetapkan di bawah Akta tersebut.

5.1.2 DAR juga boleh dibuat bagi pihak Subjek Data oleh pihak- pihak yang berikut:

- (i) dalam situasi di mana Subjek Data di bawah umur lapan belas tahun, ibu bapa, penjaga atau seseorang yang mempunyai tanggungjawab penjaga terhadap Subjek Data tersebut; atau
- (ii) dalam situasi di mana seorang subjek data tidak berupaya menguruskan hal-ehwalnya sendiri, seseorang yang dilantik oleh mahkamah untuk menguruskan hal-ehwal tersebut, atau seseorang yang diberi kuasa secara bertulis oleh Subjek Data untuk bertindak bagi pihak Subjek Data itu; atau
- (iii) dalam mana-mana situasi lain, seseorang yang diberi kuasa secara bertulis oleh Subjek Data untuk membuat suatu permintaan akses data, permintaan pembetulan data, atau kedua-dua permintaan tersebut, bagi pihak Subjek Data,

(secara kolektif dirujuk sebagai “orang yang berkaitan” dan bagi tujuan Bahagian 5, Subjek Data atau orang yang berkaitan yang membuat DAR atau DCR (ditakfir dalam 5.2.1 di bawah) akan dirujuk sebagai “Peminta”).

Skop DAR

5.1.3 DAR boleh dibuat berkaitan dengan data peribadi yang berada di dalam pelbagai sistem elektronik dan fizikal Pengguna Data sepertimana yang diberikan oleh Subjek Data kepada Pengguna Data .

5.1.4 Pengguna Data dikehendaki untuk memastikan bahawa satu salinan data peribadi diberi kepada Peminta dalam bentuk yang boleh dibaca.

“Bentuk yang boleh dibaca” tidak ditakrifkan di dalam Akta, dan oleh itu harus ditafsir sebagai maklumat yang diberi kepada Pengguna Data harus mampu difahami oleh Peminta. Sebagai contoh, di mana Pengguna Data memegang data peribadi dalam bentuk singkatan tertentu, kod atau terma lain yang tidak ditakrif,

ianya perlu dijelaskan kepada Peminta dalam bentuk yang boleh difahami oleh orang kebanyakan.

- 5.1.5 Untuk mengelakkan keraguan, data peribadi yang dikekalkan untuk tujuan sandaran dan arkib secara elektronik tidak tertakluk kepada Prinsip Akses.

Membuat DAR

- 5.1.6 Peraturan menyatakan bahawa di mana Peminta tidak memerlukan salinan data peribadi, Peminta perlu memaklumkan Pengguna Data secara bertulis tentang niat Peminta untuk membuat satu DAR. Ini akan memperangapkan bahawa Pengguna Data perlu memberi pilihan kepada Peminta pada masa membuat DAR, untuk sama ada:

- (i) mengesahkan sama ada Pengguna Data mengekalkan sebarang data peribadi mengenai Subjek Data tersebut atau tidak; atau
- (ii) memberi Peminta salinan data peribadi yang diminta oleh Peminta seperti dalam 5.1.3.

- 5.1.7 DAR mesti khusus berkenaan dengan data peribadi yang dikehendaki. Dalam konteks ini, permintaan untuk “semua data peribadi” tidak akan dianggap sebagai DAR yang betul.

- 5.1.8 Di mana Subjek Data mempunyai akaun-akaun yang berasingan dengan Pengguna Data, DAR yang berasingan mungkin diperlukan oleh Pengguna Data bagi setiap akaun.

Format DAR

- 5.1.9 DAR tidak perlu dibuat mengikut mana-mana format tertentu. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa pra-syarat yang perlu dipenuhi oleh Peminta semasa membuat DAR:-

- (i) DAR mesti dibuat secara bertulis (seperti yang di takrif dalam Bahagian 2);
- (ii) bayaran yang ditetapkan oleh Peraturan perlu disertakan bersama dengan DAR, kecuali di mana ia telah dikecualikan oleh Pengguna Data;
- (iii) maklumat dan dokumentasi yang diperlukan oleh Pengguna Data untuk mencari data peribadi yang diminta (sebagai contoh nama, kad pengenalan/nombor passport, alamat, nombor akaun dan data peribadi yang dikehendaki);
- (iv) DAR mesti menyatakan secara khusus akan data peribadi yang dikehendaki; dan

- (v) dokumentasi berkenaan yang telah disahkan perlu dikemukakan untuk menentukan hak Peminta untuk membuat permintaan.

Sekiranya salah satu pra-syarat ini tidak dipenuhi, Pengguna Data boleh memulangkan DAR kepada Peminta dan meminta maklumat/bayaran/salinan yang telah ditinggalkan untuk dihantar semula oleh Peminta.

- 5.1.10 Pengguna Data mungkin akan menghendaki penggunaan borang yang seragam untuk DAR dibuat oleh Peminta. Borang yang seragam akan membantu Pengguna Data antara lain, menentukan jenis permintaan akses yang dibuat oleh Peminta, data peribadi khusus yang dikehendaki dan cara bagaimana jawapannya harus diberi kepada Peminta. Secara tambahan, ia akan membantu Peminta dengan menjelaskan apakah maklumat dan dokumentasi yang perlu dikemukakan bersama dengan DAR.
- 5.1.11 Pengguna Data tidak boleh mewajibkan penggunaan borang yang seragam dalam membuat DAR. Sebarang permintaan dibuat secara bertulis yang diserahkan kepada Pengguna Data, sama ada dalam bentuk surat, emel atau memo layak dianggap sebagai DAR yang sah, selagi kriteria minima yang dinyatakan dalam 5.1.9 dipenuhi.
- 5.1.12 Dalam keadaan di mana Pengguna Data menerima permintaan secara lisan untuk mengakses data peribadi, Pengguna Data tidak dikehendaki membalas permintaan tersebut. Walau bagaimanapun, Pengguna Data harus membimbing Peminta tentang cara sewajarnya untuk membuat DAR yang sah dan memberi apa-apa bantuan yang diperlukan Peminta untuk membuat DAR.

Penerimaan dan Pemprosesan DAR

- 5.1.13 Selaras dengan Peraturan, Pengguna Data perlu memberi pengakuan secara bertulis mengenai penerimaan DAR, apabila bayaran pemprosesan diserahkan, jika ada (untuk DAR mengenai data peribadi Subjek Data, bayaran maksima yang ditetapkan ialah RM10 dengan salinan dan RM2 tanpa salinan data peribadi, bagi DAR berkenaan dengan data peribadi sensitif Subjek Data, bayaran maksima yang ditetapkan ialah RM30 dengan salinan dan RM5 tanpa salinan data peribadi sensitif tersebut).
- 5.1.14 Pengguna Data perlu menggunakan proses pengesahan identiti untuk mengesahkan bahawa DAR tersebut adalah dari Peminta. Pengguna Data boleh menolak permintaan sekiranya Pengguna Data tidak dapat mengesahkan identiti pihak yang membuat permintaan. Pengguna Data perlu menyatakan sebab penolakan tersebut kepada Peminta.
- 5.1.15 Di mana Pengguna Data tidak jelas tentang data peribadi tertentu yang diminta oleh Peminta, Pengguna Data boleh meminta (bergantung kepada polisi Pengguna Data masing-masing) maklumat tambahan, sebagai contoh nombor akaun, tarikh transaksi tertentu, atau deskripsi interaksi dengan Pengguna Data.

- 5.1.16 Sebaik sahaja Pengguna Data mempunyai semua maklumat yang diperlukan untuk memproses DAR, data peribadi yang dihendaki perlu dicari dan diberikan kepada Peminta tersebut, kecuali dalam keadaan di mana DAR tersebut boleh ditolak sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta dan diterangkan dengan lebih lanjut di bawah.
- 5.1.17 Pengguna Data perlu di bawah Akta untuk mematuhi DAR dalam tempoh masa dua puluh satu (21) hari dari tarikh penerimaan (iaitu tarikh penerimaan diakui) bagi DAR tersebut. Di mana tempoh masa permulaan dua puluh satu (21) hari tersebut tidak mencukupi, Pengguna Data perlu memaklumkan kepada Peminta secara bertulis tentang kelewatan sebelum tamat tempoh dua puluh satu (21) hari tersebut berserta dengan sebab kelewatan tersebut dan harus memenuhi DAR setakat mana yang boleh. Pengguna Data adalah di bawah kewajipan undang-undang untuk mematuhi sepenuhnya dengan sesuatu DAR dalam tempoh lanjutan empat belas (14) hari.
- 5.1.18 Berkenaan dengan komunikasi data peribadi berbentuk video dan audio kepada Peminta yang telah membuat DAR, Pengguna Data boleh menggunakan cara komunikasi seperti mana yang ada dan boleh digunakan di bawah:
- (i) rakaman audio boleh disampaikan dalam bentuk transkript bertulis atau diberi dalam bentuk audio (sebagai contoh .wmv atau mpeg); dan/atau
 - (ii) rakaman video (termasuk imej CCTV) boleh disampaikan dalam bentuk set imej tertangkap secara kronologi yang kemudiannya dicetak, atau secara rakaman video yang telah disunting di mana semua identiti pihak lain telah dikeluarkan atau disembunyikan.

Keengganan Untuk Mematuhi DAR

- 5.1.19 Akta tersebut mengenali bahawa Pengguna Data boleh memilih untuk tidak memenuhi DAR secara sah dalam keadaan tertentu seperti yang dinyatakan dalam seksyen 32 Akta tersebut.
- 5.1.20 Di mana Pengguna Data tidak mematuhi DAR berdasarkan alasan yang diberikan di dalam seksyen 32 Akta, Pengguna Data perlu memberi notis bertulis kepada Peminta tentang keengganan untuk memenuhi serta alasan-alasan sokongan dalam tempoh masa dua puluh satu (21) hari dari tarikh penerimaan DAR. Dalam keadaan di mana keengganan untuk memenuhi DAR tersebut adalah disebabkan kawalan Pengguna Data yang lain ke atas pemprosesan data peribadi tersebut yang melarang Pengguna Data dari memenuhi permintaan tersebut, Pengguna Data perlu memaklumkan Peminta tentang nama dan alamat Pengguna Data lain tersebut.
- 5.1.21 Merujuk kepada seksyen 32 Akta tersebut, Pengguna Data mempunyai hak untuk tidak memenuhi DAR apabila:

- (i) Pengguna Data tidak diberi maklumat mencukupi seperti yang diperlukan secara munasabah (sebagai contoh nama, nombor kad pengenalan, alamat, dan maklumat berkaitan yang lain seperti yang ditentukan oleh Pesuruhjaya) bagi mengenalpasti identiti Peminta, atau untuk menentukan identiti Subjek Data berkenaan mana Peminta mengaku dirinya orang yang berkaitan kepada dan bahawa Peminta sememangnya orang yang berkaitan dengan Subjek Data; atau
- (ii) Pengguna Data tidak diberi maklumat yang mencukupi seperti yang diperlukan secara munasabah untuk mencari data peribadi yang berkaitan dengan DAR (sebagai contoh di mana Subjek Data sesebuah bank telah meminta akses kepada imej CCTVnya tetapi tidak dapat mengenalpasti cawangan yang dilawati dan tarikh lawatan atau dalam permintaan Subjek Data untuk rakaman audio bagi panggilan Subjek Data kepada pusat panggilan Pengguna Data, Subjek Data tidak memberi indikasi tarikh dan anggaran masa panggilan Data Subjek); atau
- (iii) Pengguna Data tidak dapat memenuhi DAR tanpa menzahirkan data peribadi individu lain (melainkan jika individu lain tersebut telah memberikan persetujuan kepada penzahiran maklumat data peribadi tersebut kepada Peminta). Pengguna Data dalam keadaan ini perlu mengimbangkan hak Subjek Data untuk mengakses data peribadi dan hak peribadi individu lain tersebut berhubung dengan data peribadi mereka. Dalam berbuat demikian, Pengguna Data boleh mempertimbangkan langkah-langkah berikut:-
 - menganonimkan data peribadi individu yang lain (iaitu mengeluarkan atau tidak menzahirkan nama atau butiran pengenalan lain individu pihak ketiga tersebut);
 - meminta persetujuan pihak ketiga sekiranya praktikal (sebagai contoh di mana pihak ketiga tersebut mudah dikesan); atau
 - menentukan sama ada munasabah dalam segala hal keadaan untuk memenuhi DAR tanpa kebenaran pihak ketiga tersebut; atau
- (iv) Pengguna Data berpendapat bahawa:-
 - Beban atau perbelanjaan untuk memberi akses tidak setimpal dengan risiko kepada privasi Subjek Data itu berhubung dengan data peribadi yang diminta melalui DAR (sebagai contoh masa, kakitangan dan kos yang perlu dibelanja Pengguna Data untuk memenuhi DAR dan mendapatkan data yang diminta jauh melebihi kepentingan data tersebut kepada pihak yang membuat DAR); atau

- sifat permintaan yang berulang-ulang dan remeh akan membebankan operasi Pengguna Data secara tidak munasabah; atau
- (v) pemberian akses merupakan pelanggaran sesuatu perintah mahkamah; atau
- (vi) pemberian akses akan mendedahkan maklumat komersial sulit Pengguna Data, dengan maksud pemberian data peribadi kepada Peminta boleh membahayakan kedudukan daya saing Pengguna Data; atau

Contoh “maklumat komersial sulit” termasuk metodologi, sistem, polisi dalaman, proses dan prosedur pengurusan perniagaan Pengguna Data, termasuk formula bagi menentukan kepercayaan kredit seseorang Subjek Data, kawalan dalaman, pengurusan risiko, pengesanan / pencegahan / penyiasatan fraud, keselamatan maklumat (“information security”) pencegahan pengubahan wang haram/pembiayaan keganasan dan polisi, proses dan prosedur pematuhan undang-undang lain atau pendedahan fakta bahawa perundingan sulit masih berterusan, yang mungkin bernilai kepada pesaing Pengguna Data atau yang mungkin menjejaskan kawalan Pengguna Data ke atas penipuan (fraud) atau aktiviti jenayah lain.

- (vii) akses dikawal selia oleh undang-undang yang selain daripada Akta tersebut, sebagai contoh Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001.

5.1.22 Di mana terdapat pengecualian yang terpakai kepada DAR, Pengguna Data boleh memilih untuk tidak memenuhi sama ada semua atau sebahagian permintaan data peribadi tersebut, bergantung kepada keadaan.

Pentadbiran

5.1.23 Pengguna Data dikehendaki oleh Akta untuk mengekalkan rekod semua DAR yang telah diterima berserta dengan keputusan yang di ambil di dalam memenuhi atau menolak setiap DAR, supaya dapat membalas pertanyaan lanjut daripada Peminta atau untuk menunjukkan alasan justifikasi kepada Pesuruhjaya bagi sebab-sebab keengganan memenuhi DAR Peminta, dalam keadaan di mana pertanyaan atau siasatan dimulakan oleh Pesuruhjaya.

5.1.24 Pengguna Data disarankan untuk mengekalkan fail untuk setiap DAR yang mengandungi maklumat berikut:-

- (i) satu salinan DAR;
- (ii) rekod pengesahan identiti Peminta;

- (iii) salinan semua surat-menyurat yang berhubungan dengan DAR;
- (iv) rekod mengenai sebarang keputusan yang dibuat berhubung dengan DAR;
- (v) salinan data peribadi yang dihantar kepada Peminta tersebut.

5.1.25 Dalam mengendalikan DAR untuk akaun gabungan, mandat untuk akaun gabungan akan terpakai. Sebagai contoh sekiranya mandat akaun gabungan memerlukan tandatangan setiap pemegang akaun, DAR mesti dibuat oleh setiap pemegang akaun gabungan atau orang berkaitan yang dilantik bersama.

5.2 HAK MEMBETULKAN DATA PERIBADI

5.2.1 Menurut Prinsip Akses, di mana data peribadi Subjek Data diproses oleh Pengguna Data dan:

- (i) satu salinan data peribadi telah diberi kepada Peminta selaras dengan DAR, dan Peminta berpendapat bahawa data peribadi tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau tidak terkini; atau
- (ii) Subjek Data sedar bahawa data peribadinya tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau tidak terkini,

Peminta tersebut berhak untuk membuat permintaan pembetulan data ("data correction request, "DCR") meminta satu atau lebih pembetulan dibuat kepada data peribadi Subjek Data.

Skop DCR

5.2.2 DCR boleh dibuat berdasarkan data peribadi yang berada di dalam pelbagai sistem-sistem elektronik dan fizikal Pengguna Data seperti yang disediakan oleh Pengguna Data kepada Subjek Data.

5.2.3 Tertakluk kepada 5.1.21 di atas, mana-mana pernyataan pendapat yang dipegang oleh Pengguna Data juga boleh dipersoalkan melalui DCR.

Format DCR

5.2.4 DCR tidak perlu dibuat dalam format tertentu. Walau bagaimanapun, terdapat prasyarat yang perlu dipenuhi Peminta semasa membuat DCR:-

- (i) DCR perlu dibuat secara bertulis (seperti yang ditakrifkan dalam Bahagian 2);
- (ii) maklumat dan dokumentasi yang perlu dan yang mungkin diperlukan oleh Pengguna Data bagi mengesan dan membetulkan data peribadi (sebagai

contoh nama, nombor kad pengenalan/pasport, alamat, nombor akaun) seperti yang diminta Peminta;

- (iii) DCR mesti menyatakan secara khusus akan data peribadi yang diperbetulkan; dan
- (iv) dokumentasi berkenaan perlu dikemukakan bagi mengesahkan hak Peminta untuk membuat permintaan.

Sekiranya mana-mana pra-syarat ini tidak dipenuhi, Pengguna Data harus memulangkan DCR kepada Peminta dan meminta Peminta untuk menghantar semula maklumat/salinan yang ditinggalkan.

- 5.2.5 Pengguna Data boleh menetapkan penggunaan borang yang seragam untuk membuat DCR tetapi tidak boleh mewajibkan penggunaan borang yang seragam untuk membuat DCR.
- 5.2.6 Dalam keadaan di mana Pengguna Data menerima permintaan secara lisan untuk membetulkan data peribadi, Pengguna Data tidak perlu memenuhi permintaan tersebut. Walau bagaimanapun, Pengguna Data harus membimbing Peminta tentang cara sewajarnya untuk membuat DCR yang sah dan memberi apa-apa bantuan yang diperlukan Peminta untuk membuat DCR.
- 5.2.7 Tiada sebarang bayaran dikenakan untuk membuat DCR.

Penerimaan dan Pemprosesan DCR

- 5.2.8 Pengguna Data perlu memberi pengakuan secara bertulis mengenai penerimaan DCR apabila ianya telah diterima oleh Pengguna Data.
- 5.2.9 Pengguna Data akan menjalankan proses pengesahan identiti untuk mengesahkan bahawa DCR tersebut adalah dari Peminta. Pengguna Data boleh menolak permintaan sekiranya Pengguna Data tidak dapat mengesahkan identiti pihak yang membuat permintaan. Pengguna Data perlu menyatakan sebab penolakan tersebut kepada Peminta.
- 5.2.10 Pengguna Data dikehendaki oleh Akta tersebut untuk memenuhi DCR dan membalas secara bertulis kepada pihak yang membuat DCR dalam tempoh masa dua puluh satu (21) hari dari tarikh penerimaan (iaitu tarikh penerimaan diakui) bagi DCR tersebut. Di mana tempoh masa permulaan dua puluh satu (21) hari itu tersebut tidak mencukupi, Pengguna Data perlu menghantar surat bagi memaklumkan Peminta tentang kelewatan dan alasan kelewatan sebelum tamat tempoh dua puluh satu (21) hari tersebut, dan harus memenuhi DCR setakat mana yang boleh. Pengguna Data ada lah di bawah kewajipan undang-undang untuk mematuhi sepenuhnya dengan sesuatu DCR dalam tempoh lanjutan empat belas (14) hari.

Keengganan Untuk Mematuhi DCR

5.2.11 Berdasarkan seksyen 36 Akta tersebut, Pengguna Data berhak untuk tidak mematuhi DCR di mana:

- (i) Pengguna Data tidak diberi maklumat yang mencukupi seperti yang diperlukan secara munasabah (sebagai contoh nama, nombor kad pengenalan, alamat, dan maklumat berkaitan yang lain seperti yang ditentukan oleh Pesuruhjaya) bagi mengenalpasti identiti Peminta, atau menentukan identiti Subjek Data berkenaan mana Peminta mengaku dirinya orang yang berkaitan kepada dan bahawa Peminta sememangnya orang yang berkaitan dengan Subjek Data; atau
- (ii) Pengguna Data tidak diberi maklumat yang mencukupi seperti yang diperlukan secara munasabah bagi memastikan bagaimana data peribadi tersebut tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau bukan terkini; atau
- (iii) Pengguna Data tidak berpuas hati yang data peribadi yang berkenaan sebenarnya tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau bukan terkini; atau

Contoh: Di mana Subjek Data mengata bahawa bil bulanan yang dikeluarkan oleh Pengguna Data salah tetapi siasatan dalam membuktikan sebaliknya.

- (iv) Pengguna Data tidak berpuas hati yang pembetulan yang diminta adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan atau terkini.

Contoh: Di mana Subjek Data ingin menukar alamatnya tetapi Pengguna Data mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa alamat baru yang diberi oleh Subjek Data ialah percubaan untuk mengelakkan servis saman terhadap Subjek Data.

- (v) mana-mana Pengguna Data lain mengawal pemprosesan data peribadi (yang berhubungan dengan DCR) yang melarang Pengguna Data daripada memenuhi DCR tersebut. Walau apa pun yang tersebut di atas, Pengguna Data perlu memenuhi permintaan DCR setakat yang boleh tanpa melanggar larangan yang berkenaan.

5.2.12 Di mana sesuai, Pengguna Data boleh meminta bukti sokongan daripada Peminta sebelum membuat pembetulan yang diminta dalam DCR masing-masing.

5.2.13 Di mana Pengguna Data tidak memenuhi DCR atas mana-mana alasan yang dinyatakan di perenggan 5.2.11 di atas, Pengguna Data perlu memberi Peminta tersebut satu notis bertulis tentang keengganannya untuk mematuhi DCR dan alasan sokongan Pengguna Data. Di mana keengganan disebabkan alasan yang dinyatakan

di perenggan 5.2.11(v) di atas, Pengguna Data mesti memberi nama dan alamat Pengguna Data lain yang berkenaan tersebut.

5.2.14 Di mana DCR berhubungan dengan pernyataan pendapat Pengguna Data yang tidak melibatkan perkara yang ditangani di perenggan 5.1.21 di atas, ia adalah terbuka bagi Pengguna Data untuk tidak bersetuju bahawa pernyataan pendapat tersebut adalah tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau bukan terkini. Walau bagaimanapun, Pengguna Data mempunyai kewajipan untuk:

- (i) mencatatkan bagaimana pernyataan pendapat tersebut dianggap oleh Peminta yang membuat DCR tersebut sebagai tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau bukan terkini;
- (ii) sama ada melampirkan catatan berkaitan data peribadi yang berkenaan (sebagai contoh melampirkan nota kepada fail fizikal yang mengandungi data peribadi Subjek Data) atau menyimpan nota tersebut secara berasingan;
- (iii) memastikan bahawa pernyataan pendapat tersebut tidak boleh digunakan oleh mana-mana pihak tanpa nota tersebut dibawa ke perhatian pihak berkenaan dan sedia untuk pemeriksaan (sebagai contoh dengan memasukkan sistem “pop-up” untuk memaklumkan pihak yang mengakses data peribadi bahawa terdapat pendapat-pendapat berbeza mengenai data peribadi berkenaan); dan
- (iv) melampirkan satu salinan catatan tersebut ke atas surat kepada Peminta yang menyatakan keengganan bertindak ke atas DCR tersebut.

Pentadbiran

5.2.15 Pengguna Data dikehendaki oleh Akta untuk mengekalkan rekod semua DCR yang telah diterima berserta dengan keputusan untuk mematuhi atau keengganan untuk mematuhi sesuatu DCR, supaya dapat membalas pertanyaan lanjut daripada Peminta atau untuk menunjukkan alasan justifikasi kepada Pesuruhjaya bagi sebab-sebab keengganan memenuhi DCR Peminta, dalam keadaan di mana pertanyaan atau siasatan dimulakan oleh Pesuruhjaya.

5.2.16 Pengguna Data disarankan untuk menyimpan satu fail untuk setiap DCR yang mengandungi maklumat berikut:-

- (i) satu salinan DCR;
- (ii) rekod pengesahan identiti Peminta;
- (iii) salinan semua surat-menyurat yang berkaitan dengan DCR;

- (iv) rekod mengenai sebarang keputusan yang dibuat berhubung dengan DCR; dan
- (v) salinan data peribadi yang dibetulkan yang dihantar kepada Peminta tersebut.

5.2.17 Dalam mengendalikan DCR untuk akaun gabungan, mandat untuk akaun gabungan akan terpakai. Sebagai contoh sekiranya mandat akaun gabungan memerlukan tandatangan setiap pemegang akaun, DCR mesti dibuat oleh setiap pemegang akaun gabungan atau orang berkaitan yang dilantik bersama

5.3 HAK MENGAHALANG PEMROSESAN YANG MUNGKIN MENYEBABKAN KEROSAKAN ATAU DISTRES

5.3.1 Subjek Data mempunyai hak untuk meminta seseorang Pengguna Data secara bertulis (dirujuk dalam Akta sebagai “Notis Subjek Data”) untuk memberhentikan atau tidak memulakan pemprosesan data peribadi berkenaan dengan Subjek Data, di mana pemprosesan data peribadi tersebut akan menyebabkan atau mungkin menyebabkan kerosakan atau distres yang substansial kepadanya atau kepada orang lain dan kerosakan atau distres tersebut adalah tidak wajar.

5.3.2 Akta tersebut tidak mentakrifkan perkataan “*tidak wajar*” dan “*kerosakan atau distres yang substantial*”. Walau bagaimanapun, dalam kebanyakan kes:

- (i) “*kerosakan substantial*” termasuk kerugian kewangan atau kecederaan fizikal yang dialami oleh Subjek Data atau orang lain;
- (ii) “*distres substantial*” termasuk sakit emosi atau mental yang dialami oleh Subjek Data atau orang lain; dan
- (iii) “*tidak wajar*” bermaksud bahawa kerosakan atau distres yang dialami Subjek Data atau orang lain adalah tidak dapat dijustifikasikan.

5.3.3 Walau bagaimanapun, Akta mengenali bahawa terdapat batasan tertentu kepada hak ini dengan memperuntukkan secara khusus bahawa Subjek Data tidak berhak untuk menghalang pemprosesan data peribadi di mana:-

- (i) Subjek Data itu telah memberikan persetujuannya;
- (ii) pemprosesan data peribadi tersebut diperlukan :
 - bagi melaksanakan suatu kontrak yang dimasuki oleh Subjek Data; atau

- bagi mengambil langkah, atas permintaan Subjek Data, dengan tujuan untuk membuat suatu kontrak; atau
 - bagi mematuhi apa-apa obligasi undang-undang yang dikenakan ke atas Pengguna Data, selain daripada obligasi yang dikenakan oleh kontrak; atau
 - untuk melindungi "*kepentingan utama (vital)*" Subjek Data tersebut, yang ditakrif di dalam Akta untuk bermaksud "*perkara yang berhubungan dengan kehidupan, kematian atau keselamatan seorang subjek data*"; atau
- (iii) dalam apa-apa perkara lain yang ditetapkan oleh Menteri melalui perintah yang disiarkan di dalam Warta.

5.3.4 Pengguna Data hendaklah, dalam tempoh dua puluh satu (21) hari dari tarikh penerimaan Notis Subjek Data, memberi Subjek Data suatu notis bertulis:-

- (i) yang menyatakan bahawa dia telah mematuhi atau berhasrat untuk mematuhi Notis Subjek Data itu; atau
- (ii) sekiranya Pengguna Data enggan memenuhi Notis Subjek Data, menyatakan alasan untuk keputusan tersebut; atau
- (iii) yang menyatakan alasan mengapa Notis Subjek Data tersebut dianggap sebagai tidak wajar atau tidak wajar setakat yang tertentu, dan setakat mana Pengguna Data telah mematuhi atau berhasrat untuk mematuhinya (jika ada).

5.3.5 Pengguna Data disarankan untuk mengambil kira faktor-faktor berikut dalam membuat keputusan untuk mematuhi Notis Subjek Data:-

- (i) Adakah Notis Subjek Data menyatakan bagaimana pemprosesan tersebut menyebabkan kerosakan atau distress? Subjek Data mesti memberi sebab-sebab yang sah. Kerosakan atau distress yang disebabkan mestilah "*substansial*", sebelum Pengguna Data berkewajipan untuk mematuhinya.
- (ii) Adakah kerosakan atau distress tersebut tidak wajar? Dalam keadaan di mana Pengguna Data merasa bahawa mana-mana kerosakan atau distress yang dialami Subjek Data adalah wajar, ianya tidak berkemungkinan bagi Pengguna Data mematuhi bantahan tersebut. Walau bagaimanapun, Pengguna Data perlu memberi alasan yang sah kepada Subjek Data bagi keengganan tersebut.

5.3.6 Jika Subjek Data itu tidak berpuas hati dengan keengganan Pengguna Data untuk mematuhi Notis Subjek Data tersebut, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian

darinya, Subjek Data tersebut boleh mengemukakan permohonan kepada Pesuruhjaya untuk meminta Pengguna Data mematuhi Notis Subjek Data itu.

- 5.3.7 Di mana Pesuruhjaya berpuas hati bahawa permohonan Subjek Data mempunyai justifikasi, Pesuruhjaya boleh meminta Pengguna Data untuk mematuhi Notis Subjek Data tersebut.

5.4 **HAK MENARIK BALIK PERSETUJUAN**

- 5.4.1 Subjek Data mempunyai hak untuk menarik balik kebenaran beliau bagi pemprosesan data peribadi beliau, pada bila-bila masa, dengan memberikan Pengguna Data satu notis bertulis. Walau bagaimanapun, hak ini terhad kepada keadaan di mana persetujuan telah diberi **oleh Subjek Data**.
- 5.4.2 Dalam keadaan di mana Akta tersebut telah membenarkan pemprosesan data peribadi tanpa persetujuan Subjek Data (rujuk kepada 3.1.2), persetujuan Subjek Data tidak diperlukan dan oleh itu, tiada persetujuan yang boleh ditarik balik oleh Subjek Data.

Contoh: Apabila Subjek Data memasuki kontrak dengan Pengguna Data, Subjek Data tidak boleh menarik balik persetujuan untuk memproses data peribadi yang diperlukan untuk pelaksanaan kontrak kerana seksyen 6(2)(a) Akta tersebut membenarkan pemprosesan data peribadi dalam konteks ini tanpa persetujuan Subjek Data.

- 5.4.3 Berikut adalah contoh-contoh keadaan di mana Subjek Data tidak boleh menarik balik persetujuan untuk pemprosesan data peribadi:

- (i) Apabila data peribadi tersebut diperlukan bagi tujuan pelaksanaan kontrak antara Pengguna Data dan Subjek Data;

Contoh 1: Di mana Subjek Data memasuki perjanjian dengan Pengguna Data untuk mendapatkan pinjaman/pembiayaan atau kad kredit, dan Pengguna Data memproses data peribadi beliau berkaitan dengan pinjaman/pembiayaan atau kad kredit tersebut, Subjek Data tidak berhak untuk menarik balik persetujuannya untuk memproses data peribadi yang diperlukan untuk pelaksanaan kontrak tersebut kerana seksyen 6(2)(a) akan terpakai di dalam situasi ini.

Contoh 2: Di mana Pengguna Data membuat susulan dengan Subjek Data untuk bayaran tertunggak atau menghantar surat tuntutan kepada Subjek Data atau memulakan prosiding undang-undang terhadap Subjek Data untuk mendapatkan bayaran yang tertunggak, Subjek Data tidak berhak

untuk menarik balik persetujuan untuk memproses data peribadi beliau kerana pemulihan wang oleh Pengguna Data merupakan sebahagian daripada pelaksanaan kontrak tersebut, dan oleh itu seksyen 6(2)(a) akan terpakai di dalam situasi ini.

- (ii) Di mana data peribadi telah diberi oleh Subjek Data kepada Pengguna Data bagi membolehkan Pengguna Data memenuhi permintaan pra-kontrak daripada Subjek Data;

Contoh: Di mana Subjek Data membuat permohonan dengan Pengguna Data untuk pembukaan akaun atau bagi menyediakan kemudahan atau perkhidmatan, dan Pengguna Data menjalankan “due diligence” kredit, semakan pencegahan pengubahan wang haram dan pengurusan risiko pra-kontrak, Subjek Data tidak berhak untuk menarik balik persetujuannya untuk memproses data peribadi beliau kerana seksyen 6(2)(b) Akta akan terpakai di dalam situasi ini.

- (iii) Di mana Pengguna Data perlu mematuhi apa-apa obligasi undang-undang bukan kontrak yang terpakai kepada Pengguna Data.

Contoh 1: Di mana Pengguna Data dikehendaki memberi data peribadi Subjek Data kepada Bank Negara Malaysia, Hasil Dalam Negeri atau pihak berkuasa penguatkuasaan undang-undang lain untuk mematuhi keperluan membuat laporan berkanun di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001, Subjek Data tidak berhak untuk menarik balik persetujuannya untuk memproses data peribadi kerana seksyen 6(2)(c) Akta akan terpakai di dalam situasi ini.

Contoh 2: Di mana pemprosesan data peribadi adalah untuk tujuan pematuhan dengan Garis Panduan BNM berkenaan berdasarkan kuasa yang diberikan kepada BNM di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan, Subjek Data tidak berhak untuk menarik balik persetujuannya untuk memproses data peribadi kerana seksyen 6(2)(c) Akta akan terpakai di dalam situasi ini.

- 5.4.4 Berikut adalah contoh di mana Subjek Data **boleh** menarik balik persetujuan untuk pemprosesan data peribadinya oleh Pengguna Data:

Contoh 1: Di mana Subjek Data memberikan persetujuan kepada Pengguna Data untuk memasarkan produk/perkhidmatan lain mereka kepada Subjek Data, Subjek Data mempunyai hak untuk menarik balik persetujuan berhubung dengan pemasaran pada tarikh yang selepasnya kerana pemasaran

produk/perkhidmatan lain Pengguna Data tidak berkenaan dengan pelaksanaan kontrak antara Subjek Data dan Pengguna Data.

Contoh 2: Di mana Subjek Data telah memberikan Pengguna Data butiran mengenai minatnya sebagai sebahagian daripada permohonan pinjamannya kepada Pengguna Data, Subjek Data boleh menarik balik persetujuan untuk Pengguna Data terus mengekalkan data peribadi berkaitan dengan minatnya kerana ianya tidak berkenaan dengan pelaksanaan kontrak antara Subjek Data dan Pengguna Data.

Contoh 3: Di mana Subjek Data telah memberikan Pengguna Data maklumat mengenai identiti dan umur anak-anaknya kepada Pengguna Data, Subjek Data boleh menarik balik persetujuan untuk Pengguna Data terus mengekalkan data peribadi tersebut sekiranya ia tidak berkenaan dengan pelaksanaan kontrak antara Subjek Data dan Pengguna Data.

Contoh 4: Di mana Pengguna Data mengekalkan rekod beberapa nombor telefon dan e-mel dengan mana Subjek Data boleh dihubungi, Subjek Data boleh memilih untuk menarik balik persetujuannya untuk Pengguna Data terus mengekalkan semua nombor telefon dan/atau e-mel tersebut, selain daripada yang diperlukan bagi tujuan komunikasi dan penghantaran notis kepada Subjek Data seperti dalam kontrak antara Subjek Data dan Pengguna Data.

- 5.4.5 Untuk mengelakkan keraguan dan berikutan dengan 4.1.3 dan 4.1.4, hak untuk menarik balik persetujuan kepada pemprosesan data peribadi tidak akan terpakai kepada maklumat pegawai, kakitangan, penandatanganan yang diberi kuasa, pengarah, pemegang saham individu, penjamin individu, pembekal keselamatan individu, pembekal/vendor dan/atau pihak-pihak yang berkaitan dengan organisasi/syarikat, di mana maklumat tersebut telah diberikan kepada Pengguna Data oleh organisasi/syarikat tersebut bagi tujuan satu atau lebih transaksi komersial di antara organisasi/syarikat tersebut dan Pengguna Data.
- 5.4.6 Apabila notis menarik balik persetujuan untuk memproses data peribadi ("data peribadi berkaitan") Subjek Data diterima dan disahkan, Pengguna Data yang terlibat dikehendaki untuk:
- (i) berhenti memproses data peribadi Subjek Data yang berkenaan;
 - (ii) mengeluarkan data peribadi Subjek Data yang berkenaan daripada sistem elektronik dan fizikal Pengguna Data, setakat mana yang boleh secara munasabah;
 - (iii) mengeluarkan data peribadi yang berkenaan dari mana-mana inisiatif atau senarai pemasaran Pengguna Data;

- (iv) mengeluarkan data peribadi yang berkenaan dari kawalan pemproses data setakat mana yang boleh; dan
- (v) mengarkib data peribadi yang berkenaan bagi tempoh berkanun yang terpakai.

5.4.7 Pengguna Data perlu melaksanakan langkah-langkah di atas dalam tempoh masa yang munasabah. Mana-mana pemprosesan data peribadi yang dijalankan dari penerimaan notis menarik balik persetujuan untuk memproses data peribadi Subjek Data sehingga langkah-langkah di atas telah dilaksanakan sepenuhnya, tidak akan menyebabkan pelanggaran hak Subjek Data.

5.5 **HAK MENGHALANG PEMROSESAN BAGI TUJUAN PEMASARAN LANGSUNG**

- 5.5.1 Selaras dengan Akta, Subjek Data mempunyai hak pada bila-bila masa , melalui notis secara bertulis kepada Pengguna Data, yang menghendaki Pengguna Data untuk sama ada berhenti atau tidak memulakan pemprosesan data peribadi beliau untuk tujuan pemasaran langsung.
- 5.5.2 Bagi tujuan Akta tersebut, *“pemasaran langsung”* telah ditakrifkan sebagai *“berkomunikasi dengan apa cara sekali pun mengenai apa-apa bahan pengiklanan atau pemasaran yang ditujukan kepada individu tertentu”*.
- 5.5.3 Amalan-amalan yang dibenarkan dalam sektor perbankan dan kewangan dijelaskan dengan lebih lanjut dalam Bahagian 4 Kod ini.
- 5.5.4 Mana-mana permintaan bertulis daripada Subjek Data untuk memberhentikan atau untuk tidak memulakan pemprosesan data peribadi bagi tujuan pemasaran langsung perlu disampaikan kepada seluruh organisasi untuk memastikan bahawa arahan terbaru Subjek Data digunapakai di dalam organisasi. Arahan terbaru Subjek Data mengenai penerimaan bahan pemasaran akan membatalkan arahan-arahan sebelumnya.

Contoh: Di mana Subjek Data memberi persetujuan kepada seorang ejen Pengguna Data untuk memberikan nama dan nombor telefon beliau kepada Pengguna Data supaya dapat diperkenalkan produk/perkhidmatan mereka, persetujuan ini membatalkan keputusan yang sebelumnya untuk memilih keluar daripada menerima bahan pemasaran langsung dari Pengguna Data.

- 5.5.5 Seorang Pengguna Data perlu mematuhi permintaan bertulis Subjek Data untuk tidak menggunakan data peribadi Subjek Data bagi tujuan pemasaran langsung dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh penerimaan permintaan tersebut daripada Subjek Data. Di mana terdapat keperluan untuk Pengguna Data mengemaskini sistem dan pangkalan data yang berkenaan bagi mencerminkan arahan Data Subjek

ini, Pengguna Data dijangka (dalam keadaan biasa) untuk mematuhi permintaan Subjek Data tersebut di dalam tempoh sehingga tiga (3) bulan.

- 5.5.6 Di mana Subjek Data membuat suatu permintaan bertulis kepada Pengguna Data untuk menyatakan pilihannya untuk menerima sesetengah bahan pemasaran langsung dan bukan yang lain (contoh: bahan-bahan pemasaran langsung yang berkaitan dengan tawaran kad kredit dan bukan pinjaman /pembiayaan harta), Pengguna Data dibenarkan untuk tidak memberi Subjek Data mana-mana bahan-bahan pemasaran langsung (selain daripada komunikasi yang tidak ditujukan secara khusus seperti yang dijelaskan di perenggan 4.4.3), sekiranya sistem mereka tidak berupaya untuk membezakan jenis-jenis produk kewangan **berbeza** yang dipasarkan.

BAHAGIAN 6

KAKITANGAN/PEKERJA

6.1 PEMBENTUKAN POLISI DAN PROSEDUR

- 6.1.1 Pengguna Data disarankan untuk menghasilkan dan melaksanakan polisi dan prosedur yang menetapkan standard perkara-perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan oleh pekerja dalam kerja seharian mereka apabila mengendalikan data peribadi Subjek Data.
- 6.1.2 Dalam menghasilkan dan melaksanakan polisi dan prosedur, Pengguna Data perlu mengambil kira perkara-perkara berikut:-
- (i) polisi dan prosedur perlu diberitahu kepada pekerja;
 - (ii) pekerja-pekerja berkenaan diberikan latihan berkaitan dengan polisi dan prosedur, Akta, Peraturan dan Kod ini;
 - (iii) akses pekerja kepada data peribadi Subjek Data perlu dihadkan menurut polisi dan prosedur kawalan akses data;
 - (iv) peruntukan kerahsiaan dan hukuman ke atas pelanggarannya perlu dimasukkan ke dalam perjanjian atau manual/buku panduan pekerjaan; dan
 - (v) prosedur dalam keadaan di mana berlaku pelanggaran dan tindakan yang wajar yang perlu diambil ke atas pekerja yang bertanggungjawab bagi pelanggaran tersebut.

6.2 LATIHAN DAN KESEDARAN PEKERJA

- 6.2.1 Dengan penghasilan polisi dan prosedur, Pengguna Data dikehendaki menyediakan latihan dan/atau mekanisme kesedaran yang sesuai untuk pekerja bagi memastikan mereka memahami kepentingan polisi dan prosedur berkenaan tersebut dalam peranan mereka.
- 6.2.2 Perkerja-pekerja Pengguna Data yang berkenaan perlu menerima latihan aplikasi bagi polisi dan prosedur yang telah dihasilkan tersebut, dalam kesedaran keselamatan dan penipuan (fraud), serta dalam pematuhan Akta, Peraturan dan Kod ini.
- 6.2.3 Latihan data peribadi ini perlu diadakan untuk pekerja apabila dianggap perlu. Latihan tersebut juga perlu mengambil kira perkembangan terbaru undang-undang dan standard yang berkenaan (serta kemaskini kepadanya) yang telah dikeluarkan oleh Suruhanjaya.

6.3 SISTEM KAWALAN

6.3.1 Pengguna Data perlu mempunyai sistem kawalan bagi mengelakkan kehilangan data peribadi dalam situasi di mana polisi dan prosedur tidak dipatuhi pekerja.

6.3.2 Sebuah sistem kawalan yang berkesan perlu merangkumi:-

- (i) hak-hak pekerja untuk mengakses data peribadi Subjek Data;
- (ii) pelaksanaan langkah-langkah keselamatan teknikal dan organisasi bagi mengelakkan pelanggaran data peribadi oleh pekerja; dan
- (iii) penyelenggaraan pangkalan data bagi perkerja yang telah diberhentikan,

seperti yang dihuraikan di bawah.

Hak Akses

6.3.3 Dalam usaha mengurangkan risiko keselamatan data, akses pekerja kepada data peribadi Data Subjek perlu dikawal oleh Pengguna Data menurut polisi dan prosedur kawalan akses data bagi pekerja yang sedia ada.

Langkah-Langkah Keselamatan Teknikal dan Organisasi

6.3.4 Pengguna Data perlu melaksanakan langkah-langkah keselamatan teknikal dan organisasi bagi mengelakkan pelanggaran data peribadi oleh pekerja apabila berurusan dengan data peribadi Subjek Data.

Pangkalan Data Pekerja yang telah Diberhentikan

6.3.5 Pengguna Data boleh menyelenggara secara kolektif sebuah pangkalan data bekas pekerja yang diberhentikan akibat kesalahan tatatertib atau sebaliknya akibat pelanggaran terma perkerjaan mereka, atau apabila laporan polis terhadap kekal di dalam rekod bagi bekas pekerja tersebut, untuk memastikan risiko kepada Pengguna Data dan data peribadi Subjek Data dapat dikurangkan. Pengguna Data boleh merujuk kepada pangkalan data tersebut sebelum membuat tawaran pekerjaan kepada pemohon yang akan mempunyai akses kepada data peribadi Subjek Data.

BAHAGIAN 7

PEMATUHAN, PEMANTAUAN, KAJIAN DAN PINDAAN KOD

7.1 PEMATUHAN KOD

7.1.1 Pengguna Data dikehendaki menyediakan dan melaksanakan polisi-polisi dan prosedur-prosedur (rangka kerja pematuhan) yang sesuai untuk memastikan pematuhan Akta dan Kod.

7.2 PEMANTAUAN

7.2.1 Pengguna Data disarankan untuk sentiasa membuat pemantauan mengenai pematuhannya kepada Kod, Akta, polisi dan prosedur dengan:-

- (i) melaksanakan rangka kerja pemantauan dalaman; dan
- (ii) menjalankan audit diri.

7.2.2 Ia adalah disyorkan bahawa Pengguna Data melaksana satu mekanisme pelaporan dalam organisasi agar pegawai yang berkenaan boleh melaporkan status pelaksanaan Akta, Kod, pelaksanaan dan penguatkuasaan polisi dan prosedur, serta pemantauan isu-isu, kekurangan atau apa-apa kemajuan yang dicapai.

7.2.3 Ia adalah disyorkan bahawa Pengguna Data menjalankan audit sendiri berkala pada jarak waktu yang dianggap sesuai bagi mengenalpasti isu-isu berkaitan pematuhan Akta, Kod ini serta polisi dan prosedur Pengguna Data.

7.2.4 Setelah mengenalpasti kekurangan dan kelemahan dalam pelaksanaan rangkakerka pematuhan tersebut, Pengguna Data perlu memastikan bahawa tidnakan pemulihan sewajarnya diambil seawal mungkin.

7.3 PINDAAN KOD

7.3.1 Pindaan kepada Kod boleh dibuat dalam keadaan di mana:-

- (i) terdapat pindaan kepada Akta dan Peraturan;
- (ii) Pesuruhjaya membuat pindaan atas persetujuannya sendiri; dan / atau;
- (iii) Forum Pengguna Data membuat cadangan pindaan kepada Pesuruhjaya berdasarkan keputusan kajian semula Kod.

- 7.3.2 Forum Data Pengguna perlu membuat permohonan kepada Pesuruhjaya untuk membuat pindaan kepada Kod. Pesuruhjaya akan berunding dengan orang-orang yang berkaitan dan berkepentingan seperti Pengguna Data sebelum membuat pindaan kepada Kod.
- 7.3.3 Setelah pindaan diluluskan, Pesuruhjaya hendaklah mencatatkan butir-butir pindaan ke dalam Daftar Kod Amalan dan menyediakannya kepada orang umum.
- 7.3.4 Semua pindaan Kod akan berkuatkuasa pada tarikh pendaftarannya di dalam Daftar Kod Amalan.

7.4 FORUM PENGGUNA DATA DAN SURUHANJAYA

- 7.4.1 Forum Pengguna Data dikehendaki berhubung dengan Pengguna Data sekurang-kurangnya 2 kali setahun berkenaan dengan pengemaskinian Kod dan lain-lain perkara yang berkaitan (seperti pindaan kepada Kod dan perkembangan perlindungan data peribadi di dalam sektor perbankan dan kewangan).
- 7.4.2 Forum Pengguna Data perlu berjumpa dengan Pesuruhjaya sekurang-kurangnya sekali setahun bagi membincangkan kecukupan Kod, apa-apa cadangan pindaan kepada Akta, Peraturan atau Kod, bilangan dan jenis aduan yang dibuat kepada Pesuruhjaya berkenaan dengan Pengguna Data serta penyelesaiannya, dan apa-apa perkara lain yang berkenaan dengan Akta dan perlaksanaannya dalam sektor perbankan dan kewangan.

7.5 AKIBAT KETIDAKPATUHAN KEPADA KOD

- 7.5.1 Menurut Akta, kegagalan Pengguna Data untuk mematuhi peruntukan-peruntukan Kod, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak lebih daripada satu ratus ribu ringgit (RM100,000.00) atau penjara bagi tempoh tidak melebihi satu (1) tahun atau kedua-duanya sekali.

JADUAL 1
HAK-HAK SUBJEK DATA

[Jadual ini telah digubal untuk manfaat Subjek Data. Dalam Jadual ini, kami akan merujuk kepada Pengguna Data sebagai "Bank" untuk memudahkan rujukan Subjek Data. Subjek Data akan dirujuk sebagai "anda"]

1. Sebagai subjek data di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("Akta"), anda layak untuk data peribadi anda diproses¹ oleh Bank dengan mematuhi prinsip-prinsip Perlindungan Data Peribadi² dengan ketat. Prinsip-prinsip (yang setiapnya akan diterangkan secara ringkas di bawah) adalah:
 - (i) Prinsip Am;
 - (ii) Prinsip Notis dan Pilihan;
 - (iii) Prinsip Penzahiran;
 - (iv) Prinsip Keselamatan;
 - (v) Prinsip Penyimpanan;
 - (vi) Prinsip Integriti Data; dan
 - (vii) Prinsip Akses.
2. Selain daripada prinsip-prinsip di atas, Akta melarang pemindahan data peribadi anda ke luar Malaysia, kecuali sekiranya pemindahan tersebut adalah berlandaskan keadaan yang dibenarkan di bawah Akta.
3. Anda juga layak di bawah Akta kepada hak-hak tertentu. Sebagai contoh, anda boleh mengetahui data peribadi yang dipegang oleh Bank tentang anda, dan anda layak untuk membetulkannya jika ia tidak tepat. Ringkasan hak-hak tertentu tersebut adalah seperti berikut (yang setiapnya akan diterangkan secara ringkas di bawah):
 - (i) Hak untuk mengakses data peribadi;
 - (ii) Hak untuk membetulkan data peribadi;
 - (iii) Hak untuk menghalang pemprosesan yang mungkin menyebabkan kerosakan atau distres;
 - (iv) Hak untuk menarik balik persetujuan untuk pemprosesan data peribadi; dan
 - (v) Hak untuk menghalang pemprosesan bagi maksud pemasaran langsung.
4. Sila ambil maklum bahawa Jadual ini adalah bertujuan hanya untuk memberikan gambaran ringkas hak-hak anda sebagai "*subjek data*" di bawah Akta.

¹ "diproses" adalah terma yang merangkumi semua istilah yang termasuk pengumpulan, penyimpanan, pengubahsuaian dan pemadaman data peribadi.

² Akta ini mempunyai tujuh prinsip pada terasnya, seperti yang dinyatakan di dalam Jadual ini.

BAHAGIAN I - HAK ANDA SELARAS DENGAN PRINSIP PERLINDUNGAN DATA PERIBADI**(A) PRINSIP AM**

5. Persetujuan anda mesti diperolehi sebelum Bank boleh mengumpul dan memproses data peribadi anda.
6. Walau bagaimanapun, persetujuan anda tidak diperlukan dalam keadaan terkecuali tertentu, seperti yang dinyatakan dalam Akta. Contoh-contoh keadaan terkecuali tersebut termasuk:
 - (i) di mana pemprosesan data peribadi anda diperlukan bagi pelaksanaan sesuatu kontrak yang telah dibuat oleh anda dengan Bank;
 - (ii) di mana ia adalah selaras dengan pemenuhan pertanyaan atau permintaan anda untuk maklumat daripada bank, sebelum memasuki kontrak dengan Bank; atau
 - (iii) di mana ia adalah selaras dengan obligasi undang-undang Bank (sebagai contoh kewajipan untuk menzahirkan data peribadi menurut apa-apa keperluan garis panduan Bank Negara Malaysia, atau menurut satu permintaan oleh pihak polis Malaysia).
7. Persetujuan anda, sama ada nyata atau tersirat, mestilah mampu direkodkan dan diselenggarakan oleh Bank. Terdapat pelbagai cara persetujuan anda boleh diperolehi oleh Bank, contohnya melalui satu atau lebih klausa di dalam terma dan syarat akaun yang anda buka dengan Bank, menandakan kotak tanda atau menandatangani borang permohonan yang menyatakan persetujuan, persetujuan dianggap atau persetujuan lisan anda (tertakluk kepada ianya direkodkan).
8. Persetujuan anda "dianggap" sebagai telah diterima oleh Bank di mana selepas anda telah diberi notis oleh Bank mengenai niatnya untuk pemprosesan data peribadi anda:
 - (i) anda tidak membantah kepada Bank memproses data peribadi anda;
 - (ii) anda meneruskan pemberian data peribadi anda secara sukarela kepada Bank; atau
 - (iii) anda meneruskan penggunaan kemudahan/perkhidmatan Bank.
9. Persetujuan anda boleh diperolehi sama ada di atas kertas atau menertusi medium elektronik (termasuk tetapi tidak terhad kepada SMS, e-mel dan apa-apa sistem pemesejan internet/sosial/aplikasi yang lain).
10. Apa-apa persetujuan yang diberikan kepada Bank oleh wakil-wakil yang diberi kuasa oleh anda (sebagai contoh pemegang mana-mana surat kuasa wakil, pemegang

amanah, penjaga atau orang/pihak yang diberi kuasa dengan sewajarnya oleh anda), akan mengikat anda.

11. Data peribadi anda hanya boleh diproses oleh Bank:

- (i) bagi tujuan yang sah berkaitan secara langsung dengan aktiviti Bank (contohnya untuk memproses permohonan anda atau untuk memberi anda produk atau perkhidmatan Bank);
- (ii) di mana pemprosesan data peribadi anda adalah perlu atau berkaitan secara langsung dengan tujuan tersebut (contohnya jika Bank menzahirkan data peribadi anda kepada pihak lain untuk terus memberikan anda produk atau perkhidmatan); dan
- (iii) di mana data peribadi yang dikumpul oleh Bank adalah mencukupi, dan tidak berlebihan, berhubung dengan tujuan tersebut.

(B) PRINSIP NOTIS DAN PILIHAN

- 12. Anda berhak untuk diberi suatu notis bertulis (juga dikenali sebagai Notis Privasi) sebelum atau secepat mungkin selepas pengumpulan data peribadi anda oleh Bank.
- 13. Notis Privasi ini adalah satu kenyataan umum yang menyatakan dengan jelas amalan privasi Bank dalam menggunakan, mengurus, menzahirkan dan memberikan anda akses kepada data peribadi yang dikumpul oleh Bank.
- 14. Anda berhak untuk dibekalkan dengan Notis Privasi dalam kedua-dua Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.
- 15. Anda berhak untuk diberi satu salinan Notis Privasi pada masa pertama Bank mengumpul data peribadi anda, sama ada dalam format fizikal atau elektronik, apabila Bank meminta data peribadi anda anda untuk kali pertama, atau secepat mungkin selepas itu.
- 16. Di mana data peribadi anda dikumpulkan sebelum penguatkuasaan Akta (iaitu sebelum 15 November 2013), anda berhak diberi satu salinan Notis Privasi sebelum Bank:
 - (i) menggunakan mana-mana bahagian data peribadi anda untuk tujuan yang berbeza daripada yang diisytiharkan pada mulanya kepada kamu; atau
 - (ii) menzahirkan mana-mana bahagian data peribadi anda kepada mana-mana pihak ketiga (termasuk pihak ketiga yang dinyatakan dalam Notis Privasi Bank).

(C) PRINSIP PENZAHIRAN

17. Data peribadi anda tidak boleh dizahirkan oleh Bank kepada mana-mana pihak ketiga, melainkan jika penzahiran tersebut dibenarkan oleh Akta atau oleh mana-mana undang-undang, peraturan dan/atau garis panduan lain yang berkenaan.
18. Di bawah Akta, data peribadi anda hanya boleh dizahirkan oleh Bank tanpa persetujuan anda sekiranya penzahiran itu adalah:
 - (i) bagi mana-mana tujuan yang diisytiharkan kepada anda pada masa pengumpulan data peribadi tersebut (contohnya seperti yang dinyatakan dalam Notis Privasi Bank);
 - (ii) untuk tujuan yang berkait rapat dengan tujuan(atau tujuan-tujuan) utama yang diisytiharkan kepada anda dalam Notis Privasi Bank; atau
 - (iii) yang dibuat kepada pihak ketiga atau sesuatu kelas atau kategori pihak ketiga seperti yang dinyatakan dalam Notis Privasi Bank.
19. Selain daripada di atas, data peribadi anda mungkin akan dizahirkan oleh Bank sekiranya keadaan berikut berlaku:
 - (i) anda telah memberikan persetujuan bagi penzahiran itu
 - (ii) penzahiran itu perlu bagi tujuan mencegah atau mengesan suatu jenayah, atau untuk tujuan penyiasatan;
 - (iii) penzahiran itu dikehendaki atau dibenarkan oleh Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002, atau di bawah mana-mana undang-undang atau oleh perintah mahkamah; atau
 - (iv) Bank bertindak atas kepercayaan yang munasabah bahawa ianya mempunyai hak di sisi undang-undang untuk menzahirkan data peribadi tersebut kepada orang lain tersebut.
20. Merujuk kepada 19(ii) di atas, apabila data peribadi anda dizahirkan untuk pencegahan atau pengesanan jenayah atau untuk tujuan penyiasatan (sama ada dalaman atau luaran), Bank tidak perlu memberi anda apa-apa maklumat berhubungan dengan penzahiran tersebut, walaupun apabila anda telah memfailkan permintaan mengakses data kepada Bank.
21. Data peribadi anda juga boleh dizahirkan oleh Bank kepada pihak ketiga, tanpa kebenaran anda, dalam keadaan berikut (termasuk tetapi tidak terhad kepada):

- (i) di mana data peribadi anda diproses untuk penangkapan atau pendakwaan pesalah;
- (ii) di mana data peribadi anda diproses bagi menyediakan statistik atau menjalankan penyelidikan (dengan syarat bahawa data peribadi tersebut tidak diproses untuk tujuan lain dan statistik yang terhasil atau hasil penyelidikan tersebut telah dianonimkan); atau
- (iii) di mana data peribadi anda diproses di bawah apa-apa perintah atau penghakiman mahkamah.

(D) PRINSIP KESELAMATAN

22. Anda berhak untuk mendapat perlindungan bagi data peribadi anda yang berada dalam milikan Bank dari sebarang kehilangan, penyalahgunaan, p pengubahsuaian, akses atau penzahiran, pindaan atau pemusnahan tanpa kebenaran atau dengan tidak sengaja.
23. Data peribadi anda mesti dilindungi oleh Bank. Bank hendaklah mengambil kira:
- (i) sifat data peribadi itu dan kemudaran yang akan timbul akibat daripada kehilangan, penyalahgunaan, pengubahsuaian, akses atau penzahiran, pindaan atau pemusnahan tanpa kebenaran atau dengan tidak sengaja data peribadi anda;
 - (ii) tempat atau lokasi di mana data peribadi anda disimpan;
 - (iii) sama ada kelengkapan di mana data peribadi anda disimpan mempunyai apa-apa langkah keselamatan;
 - (iv) langkah yang diambil bagi memastikan kebolehpercayaan, integriti dan kewibawaan kakitangan Bank yang mempunyai akses kepada data peribadi anda; dan
 - (v) langkah yang diambil bagi memastikan pemindahan data peribadi anda yang selamat.
24. Dalam usaha untuk terus memastikan keselamatan data peribadi anda, Bank dikehendaki untuk mematuhi garis panduan Bank Negara Malaysia berkenaan dengan keselamatan sebagai syarat lesen perbankannya. Selanjutnya, data peribadi anda akan dirahsiakan dan dijaga sebagai sulit oleh kakitangan Bank, yang terikat di bawah peraturan berkenaan kerahsiaan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan

2013, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, atau Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002.

25. Di mana data peribadi anda diproses oleh pihak lain yang bertindak bagi pihak Bank ("pemproses data"), data peribadi anda akan tertakluk kepada langkah-langkah keselamatan minima tertentu bagi mengurangkan risiko kehilangan, penyalahgunaan, pengubahsuaian, akses atau penzahiran, pindaan atau pemusnahan yang tidak dibenarkan atau tidak sengaja, data peribadi anda. Langkah-langkah ini termasuk:
- (i) pemproses data tersebut memberikan Bank *"jaminan yang mencukupi berkenaan dengan langkah keselamatan teknikal dan organisasi yang mengawal pemprosesan yang akan dijalankan"*; dan
 - (ii) Bank *"mengambil langkah yang munasabah bagi memastikan pematuhan langkah tersebut"*.
26. Data peribadi anda juga akan tertakluk kepada pematuhan Bank dengan piawaian keselamatan³ seperti yang dinyatakan oleh Pesuruhjaya.

(E) PRINSIP PENYIMPANAN

27. Data peribadi anda hanya boleh disimpan oleh Bank selama yang perlu bagi memenuhi tujuan data peribadi anda dikumpulkan dan diproses. Apabila tujuan tersebut telah dipenuhi, data peribadi anda perlu dimusnah/dipadamkan secara kekal oleh Bank.
28. Walau bagaimanapun, ini tertakluk kepada mana-mana peruntukan undang-undang lain yang terpakai yang mungkin memerlukan pengekalan data peribadi anda. Akta tersebut dan apa-apa undang-undang lain yang berkaitan perlu dibaca bersama-sama.
29. Sebagai peraturan umum, data peribadi anda akan disimpan oleh Bank bagi tempoh di mana anda mengekalkan akaun/kemudahan dengan Bank, dan tujuh (7) tahun selepas tarikh penutupan akaun/kemudahan anda dengan Bank. Walau bagaimanapun, data peribadi anda mungkin akan disimpan oleh pihak Bank untuk tempoh yang melebihi tujuh (7) tahun di dalam keadaan tertentu, sebagai contoh di mana pengekalan lanjut data peribadi anda diperlukan oleh undang-undang, di mana ia menjadi tanggungjawab undang-undang Bank untuk melaporkan, menzahirkan atau mengesahkan butiran anda, di mana Bank akan menyimpan data peribadi anda sehingga pelupusan perkara tersebut, di mana Bank boleh mewujudkan alasan yang mencukupi untuk menyimpan data peribadi tersebut, di mana ia adalah mematuhi

³ Piawaian keselamatan yang dinyatakan dalam Standard Perlindungan Data Peribadi 2015, atau sebagaimana yang disemak atau dipinda oleh Pesuruhjaya dari semasa ke semasa.

keperluan dalaman Bank, atau di mana Bank dikehendaki oleh pengawal selia (contohnya Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti) untuk terus mengekalkan data peribadi anda.

30. Data peribadi anda yang disimpan dalam mana-mana media sandaran dan/atau arkib elektronik Bank tidak akan tertakluk kepada Akta (iaitu Bank boleh menyimpan data peribadi tanpa perlu memusnahkan/memadamkannya), dengan syarat Bank menghadkan akses kepadanya hanya pada kakitangan yang dibenarkan sahaja dan hanya untuk tujuan sandaran atau arkib sahaja.
31. Data peribadi anda juga akan tertakluk kepada pematuhan Bank kepada piawaian pengekelan⁴ seperti yang dinyatakan oleh Pesuruhjaya.

(F) PRINSIP INTEGRITI DATA

32. Anda berhak untuk data peribadi anda disimpan secara tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini oleh Bank.
33. Jika syarat-syarat perjanjian antara Bank dan anda mempunyai peruntukan untuknya, adalah menjadi tanggungjawab anda untuk memberikan maklumat yang lengkap dan tepat dan memaklumkan Bank tentang apa-apa perubahan kepada maklumat anda (seperti alamat baru atau nombor telefon). Sekiranya anda memilih untuk tidak memberi maklumat anda yang lengkap dan tepat kepada Bank, Bank tidak akan dianggap sebagai telah melanggar Prinsip Integriti Data.
34. Data peribadi anda juga akan tertakluk kepada pematuhan Bank dengan piawaian integriti data⁵ seperti yang dinyatakan oleh Pesuruhjaya.

(G) PRINSIP AKSES

35. Anda berhak di bawah Akta:
 - (i) untuk meminta akses kepada data peribadi anda yang dipegang oleh Bank; dan/atau
 - (ii) untuk membetulkan data peribadi anda jika data peribadi tersebut tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau tidak terkini,

⁴ Piawaian pengekelan yang dinyatakan dalam Standard Perlindungan Data Peribadi 2015, atau sebagaimana yang disemak atau dipinda oleh Pesuruhjaya dari semasa ke semasa.

⁵ Piawaian integriti data yang dinyatakan dalam Standard Perlindungan Data Peribadi 2015, atau sebagaimana yang disemak atau dipinda oleh Pesuruhjaya dari semasa ke semasa.

kecuali terdapat alasan bagi Bank menolak permintaan anda untuk mengakses/membetulkan data seperti yang dibenarkan di bawah Akta.

36. Anda berhak untuk menerima maklum balas daripada Bank berkenaan dengan permintaan mengakses data dan permintaan membetulkan data anda dalam tempoh masa yang ditetapkan.
37. Hak-hak anda untuk mengakses dan/atau membetulkan data peribadi anda yang dipegang oleh Bank diterangkan dengan lebih terperinci dalam Bahagian II (A) dan (B) di bawah.

(H) PEMINDAHAN DATA PERIBADI KE TEMPAT DI LUAR MALAYSIA

38. Data peribadi anda tidak boleh dipindahkan oleh Bank ke tempat di luar Malaysia kecuali sekiranya pemindahan tersebut adalah ke negara yang mempunyai undang-undang perlindungan data peribadi yang mencukupi, seperti yang ditetapkan oleh Menteri di dalam Warta Kerajaan.
39. Walau bagaimanapun, data peribadi anda boleh dipindah ke luar negara di mana:
 - (i) anda telah memberikan persetujuan terhadap pemindahan tersebut;
 - (ii) pemindahan tersebut diperlukan bagi pelaksanaan suatu kontrak di antara Bank dengan diri anda (sebagai contoh, di mana anda telah memberi Bank suatu perintah untuk memindahkan wang ke dalam akaun pihak ketiga);
 - (iii) pemindahan tersebut diperlukan bagi pelaksanaan atau penyempurnaan suatu kontrak di antara Bank dengan suatu pihak ketiga (di mana kontrak telah dibuat atas permintaan anda atau ianya adalah untuk kepentingan anda);
 - (iv) pemindahan tersebut adalah bagi tujuan mana-mana prosiding undang-undang atau untuk mendapatkan nasihat undang-undang atau untuk mewujudkan, menjalankan atau mempertahankan hak di sisi undang-undang;
 - (v) Bank mempunyai alasan yang munasabah untuk berbuat demikian;
 - (vi) Bank telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk memastikan bahawa data peribadi tersebut tidak akan diproses mengikut apa-apa cara yang akan melanggar Akta; atau
 - (vii) pemindahan tersebut perlu untuk melindungi kepentingan utama (vital) anda.

BAHAGIAN II – HAK SPESIFIK ANDA MENURUT AKTA**(A) HAK UNTUK MENGAKSES DATA PERIBADI**

40. Anda berhak untuk membuat permintaan mengakses data (“data access request, “DAR”) dengan Bank dan untuk menerima jawapan daripada Bank dalam tempoh masa dua puluh satu (21) hari dari tarikh penerimaan (iaitu tarikh penerimaan diakui) DAR oleh Bank.
41. Di mana tempoh dua puluh satu (21) hari tidak mencukupi bagi Bank untuk memenuhi permintaan anda, Bank berhak untuk tempoh lanjutan selama empat belas (14) hari, tertakluk kepada pemberian notis bertulis kepada anda.
42. Anda juga boleh membuat DAR bagi pihak orang lain dalam keadaan berikut:
 - (i) di mana ia melibatkan orang belum dewasa (di bawah umur lapan belas tahun), dan anda merupakan ibu bapa, penjaga atau seseorang yang mempunyai tanggungjawab penjaga terhadap orang belum dewasa tersebut; atau
 - (ii) di mana ia melibatkan orang yang tidak berupaya menguruskan hal-ehwalnya sendiri, dan anda merupakan seorang yang dilantik oleh mahkamah untuk menguruskan hal-ehwal tersebut, atau seorang yang diberi kuasa secara bertulis untuk bertindak bagi pihak orang tersebut itu; atau
 - (iii) dalam mana-mana hal lain, di mana anda merupakan seorang yang diberi kuasa secara bertulis oleh subjek data untuk membuat suatu permintaan mengakses data, permintaan pembetulan data, atau kedua-dua permintaan tersebut, bagi pihak subjek data tersebut.

Penerimaan dan Pemprosesan DAR

43. Anda berhak untuk menerima pengakuan bertulis daripada Bank apabila Bank menerima DAR anda.
44. Sesetengah Bank mungkin mengenakan bayaran untuk meminta DAR. Di mana ini dilakukan, yuran yang dikenakan adalah RM10 dengan salinan dan RM2 tanpa salinan data peribadi tersebut; untuk DAR berkenaan dengan data peribadi yang

sensitif⁶, bayaran maksima yang ditetapkan adalah RM30 dengan salinan dan RM5 tanpa salinan data peribadi yang sensitif tersebut.

Keengganan untuk Mematuhi DAR

45. Bank berhak untuk menolak pematuhan dengan DAR anda dalam keadaan berikut (termasuk tetapi tidak terhad kepada):
- (i) anda tidak memberi Bank maklumat mencukupi sebagaimana yang dikehendaki dengan munasabah (seperti nama, nombor kad pengenalan, alamat, dan maklumat lain yang berkaitan) untuk mengenalpasti identiti anda;
 - (ii) anda tidak memberi Bank maklumat mencukupi sebagaimana yang dikehendaki dengan munasabah untuk mengesan data peribadi yang berkaitan dengan DAR tersebut;
 - (iii) di mana ia melibatkan data peribadi pihak ketiga, melainkan jika individu lain tersebut telah memberikan persetujuan terhadap penzahiran maklumat itu kepada anda;
 - (iv) Bank berpendapat bahawa beban atau perbelanjaan untuk memberi anda akses adalah tidak setimpal dengan risiko kepada privasi berkaitan dengan data peribadi tersebut;
 - (v) memberikan akses akan menjadi pelanggaran suatu perintah mahkamah;
 - (vi) memberikan akses akan menzahirkan maklumat komersial yang sulit; atau
 - (vii) akses kepada data peribadi itu dikawal selia oleh undang-undang yang lain daripada Akta.

(B) HAK UNTUK MEMBETULKAN DATA PERIBADI

46. Jika:
- (i) suatu salinan data peribadi telah diberikan kepada anda mengikut DAR (seperti yang dinyatakan di Bahagian II(A) di atas), dan anda menganggap bahawa data peribadi tersebut tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau tidak terkini; atau

⁶ "data peribadi sensitif" ertinya apa-apa data peribadi yang mengandungi maklumat tentang kesihatan atau keadaan fizikal atau mental seorang subjek data, pendapat politiknya, kepercayaan agamanya atau kepercayaan lain yang bersifat seumpamanya, pelakuan atau pengataan pelakuan apa-apa kesalahan olehnya

- (ii) sebagai subjek data, anda mengetahui bahawa data peribadi anda adalah tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau tidak terkini,

anda boleh membuat suatu permintaan pembetulan data ("data correction request", "DCR") meminta supaya satu atau lebih pembetulan dibuat kepada data peribadi tersebut.

- 47. Anda berhak mendapat jawapan kepada DCR anda dalam tempoh masa dua puluh satu (21) hari dari tarikh penerimaan (iaitu tarikh penerimaan diakui) DCR oleh Bank.
- 48. Di mana tempoh dua puluh satu (21) hari tidak mencukupi bagi Bank untuk memenuhi permintaan anda, Bank berhak untuk tempoh lanjutan selama empat belas (14) hari, tertakluk kepada pemberian notis bertulis kepada anda.

Penerimaan dan Pemprosesan DCR

- 49. Anda berhak untuk menerima pengakuan bertulis daripada Bank apabila Bank menerima DCR anda.
- 50. Tiada yuran yang dikenakan bagi membuat DCR.

Keengganan untuk Mematuhi DCR

- 51. Bank berhak untuk menolak pematuhan dengan DCR anda dalam keadaan berikut:
 - (i) anda tidak memberi Bank maklumat mencukupi sebagaimana yang dikehendaki dengan munasabah untuk mengenalpasti identiti anda;
 - (ii) anda tidak memberi Bank maklumat yang mencukupi seperti mana yang munasabah diperlukan bagi menentukan bagaimana data peribadi tersebut tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau bukan terkini;
 - (iii) Bank tidak berpuas hati bahawa data peribadi tersebut benar-benar tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau bukan terkini;
 - (iv) Bank tidak berpuas hati bahawa pembetulan yang diminta adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan atau bukan terkini; atau
 - (v) pihak yang lain mengawal pemprosesan data peribadi tersebut (yang berkenaan dengan DCR). Walau bagaimanapun, Bank akan mematuhi DCR anda setakat mana yang boleh tanpa melanggar larangan yang berkenaan.

(C) HAK UNTUK MENGHALANG PEMROSESAN YANG MUNGKIN MENYEBABKAN KEROSAKAN ATAU DISTRES

52. Anda berhak untuk membuat permintaan secara bertulis kepada Bank, (permintaan tersebut akan dirujuk sebagai “Notis Subjek Data”) untuk memberhentikan atau tidak memulakan pemprosesan data peribadi anda, di mana pemprosesan menyebabkan atau mungkin menyebabkan kerosakan atau distres yang substansial kepada anda atau kepada orang lain serta kerosakan dan distress yang tidak wajar.
53. Walau bagaimanapun, anda tidak berhak menghalang pemprosesan data peribadi di mana:-
- (i) anda telah memberikan persetujuan kepada pemprosesan tersebut;
 - (ii) pemprosesan data peribadi tersebut perlu:
 - bagi melaksanakan suatu kontrak yang anda telah memasuki;
 - bagi mengambil langkah, atas permintaan anda, dengan tujuan untuk membuat suatu kontrak;
 - bagi mematuhi apa-apa obligasi undang-undang Bank; atau
 - untuk melindungi kepentingan utama (vital) anda;
 - (iii) dalam apa-apa hal lain yang ditetapkan oleh Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam Warta.
54. Anda berhak menerima notis bertulis daripada Bank dalam tempoh dua puluh satu (21) hari dari tarikh penerimaan Notis Subjek Data:-
- (i) yang menyatakan bahawa Bank telah mematuhi atau berhasrat untuk mematuhi Notis Subjek Data tersebut; atau
 - (ii) yang menyatakan sebab-sebab Bank menganggap Notis Subjek Data tersebut sebagai tidak wajar atau tidak wajar setakat yang tertentu, dan setakat mana Bank telah mematuhi atau berhasrat untuk mematuhinya (jika ada).

(D) HAK UNTUK MENARIK BALIK PERSETUJUAN

55. Anda mempunyai hak untuk menarik balik persetujuan anda bagi pemprosesan data peribadi anda pada bila-bila masa, dengan memberi Bank notis bertulis. Walau bagaimanapun, hak ini terhad kepada keadaan di mana persetujuan telah diberi oleh anda dan bukannya keadaan terkecuali (rujuk item 6 di atas).

-
56. Di mana Akta tersebut membenarkan pemprosesan data peribadi anda tanpa persetujuan anda (sebagai contoh untuk mengesan atau mencegah jenayah atau untuk tujuan penyiasatan, bagi tujuan atau berkaitan dengan mana-mana perintah mahkamah atau penghakiman), tiada persetujuan diperlukan dari anda dan oleh itu, tiada persetujuan yang boleh ditarik balik oleh anda.
57. Bagi mengelakkan keraguan, di mana anda bekerja untuk organisasi dan data peribadi anda telah diberikan kepada Bank untuk tujuan satu atau lebih transaksi komersial di antara organisasi dengan Bank, anda tidak mempunyai hak untuk menulis kepada Bank untuk menarik balik kebenaran anda untuk memproses data peribadi anda. Dalam hal ini, hak anda terletak semata-mata di antara anda dan organisasi untuk mana anda bekerja.

(E) HAK UNTUK MENGHALANG PEMROSESAN BAGI TUJUAN PEMASARAN LANGSUNG

58. Anda berhak, pada bila-bila masa melalui notis bertulis kepada Bank, menghendaki Bank pada penghujung apa-apa tempoh yang munasabah untuk memberhentikan atau tidak memulakan pemprosesan data peribadi anda untuk tujuan pemasaran langsung.
59. Bagi tujuan Akta tersebut, *“pemasaran langsung”* telah ditafsir sebagai *“berkomunikasi dengan apa cara sekali pun mengenai apa-apa bahan pengiklanan atau pemasaran yang ditujukan kepada individu tertentu”*.
60. Di mana anda telah membuat permintaan bertulis kepada Bank menyatakan pilihan anda untuk menerima sesetengah bahan pemasaran langsung dan bukan yang lain (sebagai contoh bahan pemasaran langsung untuk tawaran kad kredit dan bukan pinjaman/pembiayaan harta), Bank mungkin tidak dapat memberikan anda mana-mana bahan-bahan pemasaran langsung sama sekali, sekiranya sistem Bank tidak berupaya untuk membezakan antara jenis-jenis produk kewangan berbeza yang dipasarkan tersebut.

[Baki laman ini sengaja dibiarkan kosong]

JADUAL 2

NOTIS PRIVASI (BAGI PELANGGAN)

[Contoh notis privasi ini adalah untuk tujuan rujukan sahaja. Pengguna Data boleh menyemak/meminda contoh notis ini sewajarnya dan di mana berkenaan.]

At *[insert name of Data User]*, we value your privacy and strive to protect your personal information in compliance with the laws of Malaysia.

[Data User] will only collect and use your personal information in accordance with the relevant data protection laws (including the Personal Data Protection Act 2010), this Privacy Notice and the privacy terms in your agreement(s) with any *[Data User's group]* entity that you may have contracted with.

Your privacy matters to us, so please take the time to get to know our privacy practices:

What Kind Of Personal Information We Collect And How We Use Your Personal Information

For us to complete our transactions with you, to deal with your inquiries, open and operate an account/facility for you, generally provide you with our products and services, and to carry out other purposes required to operate and maintain our business with you, we need to collect and process personal information about you, including information relating to your identity, background, financial standing, creditworthiness and/or suitability for any of our products/services as applied for.

We may obtain this information from yourself and from a variety of sources, including from third parties connected with you (e.g. employers, joint account holders, security providers, etc), and from such other sources to which you have given your consent to disclose your personal information.

Disclosure Of Your Personal Information

As part of providing you with our products and services, we may need to disclose information about you and/or your accounts and/or facilities with us to third parties such as our agents, affiliates, professional advisers, service providers, business partners, other banks and/or financial institutions, within or outside Malaysia, where necessary, and subject at all times to any laws (including regulations, guidelines and/or obligations) applicable to the *[Data User]*.

Your Rights To Access And Correct Your Personal Information

We can assist you to access and correct your personal information held by us. Where you wish to have access to or where you wish to correct any of your personal information (including personal information of such persons related to you or those which are identified from your personal information), you may make a request to us via our Data Access Request Form or Data Correction Request Form respectively. These forms are available at our branches as well as at *[insert website link of Data User]*.

Exercising Choices Over The Disclosure, Retention And Use Of Your Personal Information

Subject always to our contractual rights and obligations under relevant laws and regulations, you may exercise your choice in respect of the use or the extent of use of your personal information. Should you wish to do so, kindly contact us at the address/telephone number/e-mail address given at the end of this Privacy Notice.

What If Personal Information Provided By You Is Incomplete?

Where indicated (for example in application forms or account opening forms), it is obligatory to provide your personal information to us to enable us to process your application for our products or services. Should you

decline to provide such obligatory personal information, we may not be able to process your application/request or provide you with our products or services.

Contacting [Data User] About Your Privacy And How We Handle Your Personal Information

Should you have any query in relation to this Privacy Notice or how we handle your personal information, kindly contact our [Customer Service Department] at the following contact points:

Telephone : [.....]
Fax : [.....]
E-Mail : [.....]
Address : [.....]

Our complete and detailed Privacy Notice is available by request from our branch service counter and/or via our website at [insert website link of Data User]. Please review our detailed Privacy Notice prior to providing us with your personal information.

[Versi Bahasa Malaysia]

NOTIS PRIVASI (BAGI PELANGGAN)

Di[*masukkan nama Pengguna Data*], kami menghargai privasi anda dan berusaha untuk melindungi maklumat peribadi anda selaras dengan undang-undang Malaysia.

[Pengguna Data] hanya akan mengumpul dan menggunakan maklumat peribadi anda berdasarkan undang-undang perlindungan data yang relevan (termasuk Akta Perlindungan Data Peribadi 2010), Notis Privasi ini dan juga terma-terma privasi dalam perjanjian(-perjanjian) anda dengan mana-mana entiti [Data User's group] yang anda mungkin berkontrak dengan.

Hal privasi anda penting bagi kami, oleh demikian sila mengambil masa untuk memahami amalan privasi kami:

Apakah Jenis Maklumat Peribadi Yang Kami Kumpulkan Dan Bagaimana Kami Menggunakan Maklumat Peribadi Anda

Bagi membolehkan kami melengkapkan transaksi kami dengan anda, menangani sebarang pertanyaan anda, membuka dan mengendalikan akaun/kemudahan untuk anda, dan secara amnya bagi membekalkan anda dengan produk dan perkhidmatan kami, dan untuk menjalankan tujuan-tujuan lain yang perlu bagi mengendalikan dan mengekalkan hubungan perniagaan kami dengan anda, kami perlu mengumpul dan memproses maklumat peribadi mengenai anda, termasuk maklumat yang berkaitan dengan identiti, latar belakang, status kewangan, kedudukan kredit dan/atau kesesuaian anda untuk mana-mana produk/perkhidmatan kami yang dipohon oleh anda.

Kami mungkin memperoleh maklumat ini daripada anda sendiri atau daripada pelbagai sumber, termasuk daripada pihak ketiga yang berhubungkait dengan anda (contohnya majikan, pemegang akaun bersama, pemberi jaminan, dan lain-lain), dan daripada sumber-sumber lain kepada mana anda telah memberikan kebenaran untuk mendedahkan maklumat peribadi anda.

Pendedahan Maklumat Peribadi Anda

Sebagai sebahagian dari pembekalan produk dan perkhidmatan kami kepada anda, kami mungkin perlu mendedahkan maklumat mengenai anda dan/atau akaun anda dan/atau kemudahan anda dengan kami kepada pihak-pihak ketiga seperti ejen, pihak bersekutu, penasihat profesional, pembekal perkhidmatan, rakan perniagaan, bank-bank dan/atau institusi kewangan yang lain, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, sekiranya perlu, dan tertakluk pada setiap masa kepada mana-mana undang-undang (termasuk peraturan, garis panduan dan/atau obligasi) yang berkenaan dengan [Pengguna Data].

Hak Anda Untuk Mengakses Dan Membetulkan Maklumat Peribadi Anda

Kami boleh membantu anda untuk mengakses dan membetulkan maklumat peribadi anda yang dipegang oleh kami. Sekiranya anda ingin mempunyai akses kepada atau di mana anda ingin membetulkan mana-mana maklumat peribadi anda (termasuk maklumat peribadi individu-individu yang berhubungkait dengan anda atau individu-individu yang boleh dikenalpasti melalui maklumat peribadi anda), anda boleh membuat permintaan kepada kami melalui Borang Permintaan Akses Data atau Borang Permintaan Pembetulan Data masing-masing. Borang-borang ini boleh didapati di cawangan kami dan juga di [masukkan pautan laman web Pengguna Data].

Membuat Pilihan Berkenaan Pendedahan, Penyimpanan dan Penggunaan Maklumat Peribadi Anda

Tertakluk sentiasa kepada hak kontrak dan obligasi kami di bawah undang-undang dan peraturan yang berkenaan, anda boleh membuat pilihan berkenaan penggunaan atau tahap penggunaan maklumat peribadi anda. Sekiranya anda ingin berbuat demikian, sila hubungi kami di alamat/nombor telefon/alamat e-mel yang diberikan pada akhir Notis Privasi ini.

Bagaimana Jika Maklumat Peribadi Yang Anda Bekalkan Tidak Lengkap?

Di mana ia dinyatakan (contohnya dalam borang-borang permohonan atau borang-borang pembukaan akaun), ia adalah wajib untuk memberikan maklumat peribadi anda kepada kami bagi membolehkan kami memproses permohonan anda untuk produk atau perkhidmatan kami. Jika anda enggan memberikan maklumat peribadi yang diwajibkan tersebut, kami mungkin tidak dapat memproses permohonan/permintaan anda atau membekalkan anda dengan produk atau perkhidmatan kami.

Menghubungi [Peguna Data] Mengenai Privasi Anda Dan Bagaimana Kami Mengendalikan Maklumat Peribadi Anda

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan dengan Notis Privasi ini atau bagaimana kami mengendalikan maklumat peribadi anda, sila hubungi [Jabatan Khidmat Pelanggan] kami di butiran perhubungan berikut:

Telefon : [.....]
Faks : [.....]
E-Mel : [.....]
Alamat : [.....]

Notis Privasi lengkap dan terperinci kami boleh didapati melalui permintaan dari kaunter perkhidmatan cawangan kami dan/atau melalui laman web kami di [masukkan pautan laman web Peguna Data]. Sila semak Notis Privasi kami yang terperinci sebelum membekalkan kami dengan maklumat peribadi anda.

JADUAL 3

BORANG PERMINTAAN AKSES DATA

[Contoh borang permintaan untuk mengakses data ini adalah untuk tujuan rujukan sahaja. Pengguna Data boleh menyemak/meminda contoh ini mengikut keperluan perniagaan sendiri dan dimana berkenaan.]

PANDUAN MEMBUAT PERMINTAAN AKSES DATA PERIBADI (DATA ACCESS REQUEST ATAU “DAR”)

BAGI TUJUAN BORANG INI:

- Subjek Data merupakan seorang individu yang meminta akses kepada data peribadinya; dan
- Peminta Pihak Ketiga merupakan seorang individu/entiti lain yang meminta akses kepada data peribadi Subjek Data.

SEKSYEN-SEKSYEN UNTUK DIISI:

- Seksyen-seksyen terpakai kepada permintaan yang dibuat oleh Subjek Data sendiri: 1, 3, 4 & 5
- Seksyen-seksyen terpakai kepada permintaan yang dibuat oleh Peminta Pihak Ketiga: 2, 3, 4 & 5

DOKUMEN SOKONGAN YANG PERLU:

- Bagi Subjek Data – Salinan Kad Pengenalan Pendaftaran Negara (NRIC) atau passport, yang mengandungi tandatangan Subjek Data.
- Bagi Peminta Pihak Ketiga – Salinan diakui sah identiti Peminta Pihak Ketiga dan juga dokumen-dokumen yang membuktikan hak/kebenaran Peminta Pihak Ketiga kepada maklumat Subjek Data.

YURAN PEMROSESAN:

Yuran pemprosesan, bergantung kepada jenis permintaan yang dibuat seperti di Jadual 1 di bawah, perlu dibuat dan dikemukakan bersama borang ini. Permintaan anda akan diproses dalam tempoh [21 hari] dari penerimaan pembayaran.

Jadual 1:

Perkara	Jenis Permintaan	Yuran (RM)
1	DAR untuk data peribadi Subjek Data dengan salinan	10
2	DAR untuk data peribadi Subjek Data tanpa salinan	2
3	DAR untuk data peribadi sensitif* Subjek Data dengan salinan	30
4	DAR untuk data peribadi sensitif Subjek Data tanpa salinan	5

CARA PEMBAYARAN

Yuran pemprosesan boleh dibayar kepada [Pengguna Data] secara [tuliskan cara pembayaran]

MAKLUMAT TERHAD:

Sila ambil perhatian bahawa *[Pegguna Data]* tidak akan dapat memenuhi permintaan anda dalam keadaan tertentu, sebagai contoh dimana kami diberi maklumat yang tidak mencukupi untuk mengesan data peribadi yang diminta atau dimana permintaan tersebut berkaitan dengan data peribadi berbentuk komersial yang sulit bagi *[Pegguna Data]*, namun kami akan memaklumkan anda akan apa-apa keputusan tersebut.

BORANG LENGKAP:

Sila hantarkan borang yang lengkap kepada alamat berikut:

[SILA ISIKAN ALAMAT]

HUBUNGI KAMI:

Sekiranya anda memerlukan sebarang nasihat atau panduan semasa melengkapkan borang ini, sila hubungi *[sila isikan maklumat untuk dihubungi]*.

* "Data peribadi sensitif merangkumi maklumat sensitif peribadi yang berkaitan dengan kesihatan, pendapat politik, kepercayaan agama atau kepercayaan lain yang serupa dengannya serta pelakuan atau pengatahan pelakuan kesalahan.

PERMINTAAN AKSES DATA PERIBADI

Sila menandakan *tick* [✓] di salah satu daripada yang berikut:

- ☐ Saya adalah/ pernah menjadi pelanggan *[Pegguna Data]* dan saya ingin mengakses data peribadi saya
(Sila terus ke **Seksyen 1** borang ini)
- ☐ Saya adalah/ pernah menjadi rakan perniagaan *[Pegguna Data]* dan saya ingin mengakses data peribadi saya
(Sila terus ke **Seksyen 1** borang ini)
- ☐ Saya membuat permintaan akses ini untuk data peribadi orang lain
(Sila terus ke **Seksyen 2** borang ini)

Bagi semua permintaan lain, sila menghubungi kami secara terus.

SEKSYEN 1: BUTIR-BUTIRAN SUBJEK DATA

**hanya untuk diisi oleh subjek data sendiri*

Nama penuh (seperti :
dalam Kad Pengenalan)

Nombor Kad Pengenalan :
/Pasport

Rujukan Subjek Data :
(sebagai contoh nombor
pendaftaran pelawat,
nombor rujukan
pelanggan, dan lain-lain)

Nombor telefon :

Alamat e-mel (jika ada) :

SEKSYEN 2: PEMINTA PIHAK KETIGA**hanya untuk diisi oleh peminta pihak ketiga***(A) BUTIR-BUTIRAN PERMINTAAN**

Permintaan saya berdasar :

Sila menandakan *tick* [✓] di salah satu daripada yang berikut:

[] Saya bertindak bawah kebenaran / mandat / Surat Kuasa Wakil Subjek Data

[] Saya adalah wakil Subjek Data di sisi undang-undang / peribadi

[] Saya mempunyai Waran / Perintah Mahkamah yang memberi akses kepada data peribadi Subjek DataI

[] Saya adalah waris/pentadbir estet Subjek Data

[] Lain –lain (Sila nyatakan)

Tujuan Permintaan :

(B) BUTIR-BUTIRAN SUBJEK DATA

Nama penuh (seperti dalam Kad Pengenalan) :

Nombor Kad Pengenalan / Pasport :

Rujukan Subjek Data (sebagai contoh nombor pendaftaran, nombor rujukan pelanggan, dan lain-lain) :

(C) BUTIR-BUTIRAN PEMINTA PIHAK KETIGA

Nama Penuh / Nama Syarikat :

Nombor Kad Pengenalan / Pasport / Nombor Pendaftaran Syarikat :

Alamat :

Nombor telefon :

Alamat e-mel (jika ada) :

SEKSYEN 3: DATA PERIBADI YANG DIPINTA

Sila berikan penerangan dan butir-butiran data peribadi yang dipinta: _____

**Sila ambil perhatian bahawa penerangan yang terlalu umum (sebagai contoh 'semua data peribadi') mungkin akan menyebabkan kami tidak dapat memproses permintaan anda disebabkan ketidakupayaan kami untuk mengesan data peribadi tertentu tersebut yang berkaitan dengan permintaan ini.*

Saya dengan ini juga meminta yang berikut:

- ☐ untuk diberitahu sama ada [Peguna Data] memegang apa-apa data peribadi
- ☐ untuk dibekalkan dengan salinan data peribadi yang diminta tersebut
(Sila terus ke **Seksyen 4** di bawah)
- ☐ untuk dibekalkan dengan data peribadi tanpa salinan
(Sila terus ke **Permintaan Khas di Seksyen 4** di bawah)

SEKSYEN 4: BENTUK DATA PERIBADI YANG DIMINTA

Saya ingin mendapatkan data peribadi saya dalam bentuk berikut:

- ☐ Salinan kertas (sila beri alamat kiriman): _____

- ☐ E-mel (sila beri alamat e-mel): _____

- ☐ Permintaan Khas: _____

SEKSYEN 5: PENGISYTIHARAN

Saya, _____ dengan ini mengaku bahawa maklumat yang diberi dalam borang ini dan apa-apa dokumen dikemukakan bersamanya adalah benar dan tepat. Saya memahami bahawa (i) ianya perlu bagi [Peguna Data] mengesahkan identiti saya / Peminta Pihak Ketiga, dan (ii) [Peguna Data] mungkin akan menghubungi saya untuk mendapatkan maklumat lanjut yang lebih terperinci untuk membolehkan pengesanan data peribadi yang diminta.

Saya juga memahami bahawa apa-apa dan/atau semua data peribadi yang diberi oleh saya dalam Borang Permintaan Mengakses Data ini akan dikumpulkan dan diproseskan oleh [Peguna Data] selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

JADUAL 4

BORANG PERMINTAAN PEMBETULAN DATA

[Contoh borang permintaan untuk membetulkan data ini adalah untuk tujuan rujukan. Pengguna Data boleh menyemak/meminda contoh ini mengikut keperluan perniagaan sendiri dan dimana berkenaan.]

PANDUAN MEMBUAT PERMINTAAN UNTUK PEMBETULAN DATA (DATA CORRECTION REQUEST ATAU "DCR")

BAGI TUJUAN BORANG INI:

- Subjek Data merupakan seorang individu yang meminta untuk membetulkan data peribadinya; dan
- Peminta Pihak Ketiga merupakan seorang individu/entiti lain yang meminta untuk membetulkan data peribadi Subjek Data.

SEKSYEN-SEKSYEN UNTUK DI ISI:

- Seksyen-seksyen terpakai kepada permintaan yang dibuat oleh Subjek Data sendiri: 1, 3, 4 & 5
- Seksyen-seksyen terpakai kepada permintaan yang dibuat oleh Peminta Pihak Ketiga: 2, 3, 4 & 5

DOKUMEN SOKONGAN YANG PERLU:

- Bagi Subjek Data – Salinan Kad Pengenalan Pendaftaran Negara (NRIC) atau passport, yang mengandungi tandatangan Subjek Data.
- Bagi Peminta Pihak Ketiga – Salinan diakui sah identiti Peminta Pihak Ketiga dan juga dokumen-dokumen yang membuktikan hak/kuasa Peminta Pihak Ketiga kepada maklumat Subjek Data.

PEMATUHAN DENGAN PERMINTAAN:

Sila ambil perhatian bahawa *[Pengguna Data]* mungkin tidak dapat memenuhi permintaan anda dalam keadaan tertentu, sebagai contoh dimana *[Pengguna Data]* tidak berpuas hati yang data peribadi yang berhubung dengan permintaan anda adalah tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau bukan terkini pada asalnya, atau dimana *[Pengguna Data]* berpendapat bahawa pengemaskinian yang dipinta tidak tepat, tidak lengkap atau mengelirukan. Walau bagaimanapun, kami akan memberitahu anda tentang apa-apa keputusan tersebut.

BORANG LENGKAP:

Sila hantar semua borang yang lengkap kepada alamat berikut:

[SILA ISIKAN ALAMAT]

MENGHUBUNGI KAMI:

Sekiranya apa-apa nasihat atau panduan diperlukan semasa mengisi borang ini, sila menghubungi *[sila isikan maklumat untuk dihubungi]*.

PERMINTAAN UNTUK MEMBETULKAN DATA PERIBADI SENDIRI

Sila menandakan *tick* [v] di salah satu daripada yang berikut:

- [] Saya adalah/pernah menjadi pelanggan [*Pengguna Data*] dan saya ingin mengakses data peribadi saya
(Sila terus ke **Seksyen 1** borang ini)
- [] Saya adalah/pernah menjadi rakan perniagaan [*Pengguna Data*] dan saya ingin mengakses data peribadi saya
(Sila terus ke **Seksyen 1** borang ini)
- [] Saya membuat permintaan pembetulan ini berkenaan dengan data peribadi orang lain
(Sila terus ke **Seksyen 2** borang ini)

Bagi semua permintaan lain, sila hubungi kami secara terus.

SEKSYEN 1: BUTIR-BUTIRAN SUBJEK DATA

**hanya untuk diisi oleh subjek data sendiri*

Nama penuh (seperti :
dalam Kad Pengenalan)

Nombor Kad :
Pengenalan/Pasport
(salinan mesti
dikepilkan)

Rujukan Subjek Data :
(sebagai contoh nombor
pendaftaran pelawat,
nombor rujukan
pelanggan, dan lain-lain)

Nombor telefon :

Alamat e-mel (jika ada) :

SEKSYEN 2: PEMINTA PIHAK KETIGA

**hanya untuk diisi oleh peminta pihak ketiga*

(A) BUTIR-BUTIRAN PERMINTAAN

Permintaan saya adalah berdasarkan	: Sila menandakan <i>tick</i> [v] di salah satu daripada yang berikut:
	[] Saya bertindak bawah kebenaran / mandat / Surat Kuasa Wakil Subjek Data
	[] Saya adalah wakil Subjek Data di sisi undang-undang / peribadi
	[] Saya mempunyai Waran / Perintah Mahkamah yang memberi saya akses kepada data peribadi Subjek Data
	[] Saya adalah waris/pentadbir estet Subjek Data
	[] Lain –lain (Sila nyatakan)

Tujuan Permintaan	:
(B) BUTIR-BUTIRAN SUBJEK DATA	
Nama penuh (seperti dalam Kad Pengenalan)	:
Nombor Kad Pengenalan/ Pasport	:
Rujukan Subjek Data (sebagai contoh nombor pendaftaran, nombor rujukan pelanggan, dan lain-lain)	:
(C) BUTIR-BUTIRAN PEMINTA PIHAK KETIGA	
Nama Penuh / Nama Syarikat	:
Nombor Kad Pengenalan/ Pasport / Nombor Pendaftaran Syarikat	:
Alamat	:
Nombor telefon	:
Alamat e-mel (jika ada)	:

SEKSYEN 3: PEMBETULAN DATA PERIBADI

**Sila nyatakan data peribadi yang perlu dibetulkan dan kepillkan kertas tambahan dimana perlu.*

Butiran Data Peribadi (sebagai contoh nama, alamat pos, nombor telefon, dan lain-lain)	Sebelum Pembetulan	Selepas Pembetulan

--	--	--

SEKSYEN 4: PENAMBAHAN DATA PERIBADI

** Sila nyatakan data peribadi yang hendak ditambah dan kepilkan kertas tambahan dimana perlu.*

Butiran Data Peribadi (sebagai contoh nama, alamat pos, nombor telefon, dan lain-lain)	Data Peribadi untuk ditambah

SEKSYEN 5: PEMADAMAN DATA PERIBADI

** Sila nyatakan data peribadi yang hendak dipadamkan dan kepilkan kertas tambahan dimana perlu.*

Butiran Data Peribadi (sebagai contoh nama, alamat pos, nombor telefon, dan lain-lain)	Sebab(-sebab) Pemadaman

SEKSYEN 6: BENTUK DATA PERIBADI YANG DIPINTA

Saya ingin mendapati data peribadi saya dalam bentuk berikut:

- [] Salinan kertas (sila berikan alamat kiriman): _____

- [] E-mel (sila berikan alamat e-mel): _____

- [] Permintaan Khas: _____

SEKSYEN 7: PENGISYTIHARAN

Saya, _____ dengan ini mengaku bahawa maklumat yang diberi dalam borang ini dan apa-apa dokumen dikemukakan bersamanya adalah benar dan tepat. Saya memahami bahawa (i) ianya perlu bagi [Pengguna Data] mengesahkan identiti saya / Peminta Pihak Ketiga, dan (ii) [Pengguna Data] mungkin akan menghubungi saya bagi mengesahkan data peribadi yang ingin dibetulkan.

Saya juga memahami bahawa apa-apa dan/atau semua data peribadi yang diberi oleh saya dalam Borang Permintaan Untuk Membetulkan Data ini akan dikumpulkan dan akan diproseskan oleh [Pengguna Data] selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Lampiran 1

Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (Akta 758)

Jadual 11

PENDEDAHAN YANG DIBENARKAN

<i>Ruang pertama</i> <i>Maksud bagi dokumen atau hal keadaan</i> <i>yang dokumen atau maklumat boleh</i> <i>didedahkan</i>	<i>Ruang kedua</i> <i>Orang kepada siapa dokumen atau</i> <i>maklumat boleh didedahkan</i>
1. Dokumen atau maklumat yang dibenarkan secara bertulis oleh pelanggan, wasi atau pentadbir pelanggan atau dalam hal pelanggan, yang tidak berupaya, mana-mana wakil diri yang lain di sisi undang-undang.	Mana-mana orang yang dibenarkan oleh pelanggan atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, wasi, pentadbir atau wakil diri yang sah di sisi undang-undang.
2. Berkaitan dengan suatu permohonan untuk suatu sijil Faraid, pemberian probet, surat kuasa tadbir atau suatu perintah pembahagian di bawah Akta Harta Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98] berkenaan dengan harta pusaka pelanggan yang telah mati.	Mana-mana orang yang institusi kewangan dengan suci hati percaya berhak untuk mendapatkan sijil Faraid, pemberian probet, surat kuasa tadbir atau suatu perintah pembahagian.
3. Dalam hal jika pelanggan diisytihar bankrap, atau sedang atau telah digulungkan atau dibubarkan di Malaysia atau di mana-mana negara, wilayah atau tempat di luar Malaysia.	Semua orang kepada siapa pendedahan itu perlu dengan kebangkrapan atau penggulungan atau pembubaran.
4. Mana-mana prosiding jenayah atau sivil antara suatu institusi kewangan dan- (a) pelanggannya, penjaminnya atau penggerentinya yang berhubungan dengan transaksi pelanggan itu; (b) dua pihak atau lebih yang	Semua orang kepada siapa pendedahan itu perlu bagi maksud prosiding jenayah atau prosiding sivil.

<i>Ruang pertama</i> <i>Maksud bagi dokumen atau hal keadaan yang dokumen atau maklumat boleh didedahkan</i>	<i>Ruang kedua</i> <i>Orang kepada siapa dokumen atau maklumat boleh didedahkan</i>
membuat tuntutan bertentangan mengenai wang dalam akaun pelanggan jika institusi kewangan bertujuan mendapatkan relief dengan cara interpleader; atau (c) satu pihak atau lebih berkenaan dengan harta dalam atau atasnya suatu hak atau kepentingan telah diberikan kepada institusi kewangan.	
5. Pematuhan oleh bank berlesen atau bank pelaburan berlesen yang telah disampaikan dengan suatu perintah garnisan yang menahan wang dalam akaun seseorang pelanggan.	Semua orang kepada siapa pendedahan dikehendaki untuk dilakukan di bawah perintah garnisan itu.
6. Pematuhan dengan suatu perintah mahkamah yang dibuat oleh suatu mahkamah yang tidak rendah dari Mahkamah Sesyen.	Semua orang kepada siapa pendedahan dikehendaki dibuat di bawah perintah mahkamah.
7. Pematuhan dengan suatu perintah atau permintaan yang dibuat oleh suatu agensi penguatkuasa di Malaysia di bawah mana-mana undangundang bertulis bagi maksud suatu penyiasatan atau pendakwaan suatu kesalahan di bawah mana-mana undangundang bertulis.	Pegawai penyiasat yang diberi kuasa di bawah undang-undang bertulis untuk menyiasat atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa untuk menjalankan pendakwaan atau mana-mana mahkamah.
8. Pelaksanaan fungsi Perbadanan Insurans Deposit Malaysia.	Mana-mana pengarah atau pegawai Perbadanan Insurans Deposit Malaysia atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia untuk menerima dokumen atau maklumat.
9. Pendedahan oleh bank pelaburan	Mana-mana pegawai Suruhanjaya

<i>Ruang pertama</i> <i>Maksud bagi dokumen atau hal keadaan yang dokumen atau maklumat boleh didedahkan</i>	<i>Ruang kedua</i> <i>Orang kepada siapa dokumen atau maklumat boleh didedahkan</i>
berlesen bagi maksud pelaksanaan fungsi yang berkaitan bagi- (a) Suruhanjaya Sekuriti di bawah undang-undang sekuriti sebagaimana ditakrifkan dalam Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993; (b) bursa saham atau bursa terbitan yang diluluskan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007; (c) pusat penjelasan yang diluluskan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007; atau (d) depository pusat yang diluluskan di bawah Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 [Akta 453].	Sekuriti, bursa saham atau bursa terbitan yang diluluskan, pusat penjelasan yang diluluskan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 atau depository pusat yang diluluskan di bawah Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 yang diberi kuasa untuk menerima dokumen atau maklumat.
10. Pendedahan oleh bank berlesen atau bank pelaburan berlesen bagi maksud pelaksanaan fungsi repositori dagangan yang diluluskan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.	Mana-mana pegawai repositori dagangan yang diluluskan yang diberi kuasa untuk menerima dokumen atau maklumat.
11. Dokumen atau maklumat dikehendaki oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia di bawah seksyen 81 Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi maksud memudahkan pertukaran maklumat menurut perkiraan atau perjanjian percukaian yang berkuat kuasa di bawah seksyen 132 atau 132A Akta Cukai Pendapatan 1967.	Mana-mana pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia yang diberi kuasa untuk menerima dokumen atau maklumat.
12. Pendedahan maklumat kredit seseorang pelanggan kepada agensi pelaporan kredit yang didaftarkan di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010 [Akta 710] bagi maksud menjalankan perniagaan pelaporan kredit sebagaimana	Mana-mana pegawai agensi pelaporan kredit yang diberi kuasa untuk menerima dokumen atau maklumat.

<i>Ruang pertama</i> <i>Maksud bagi dokumen atau hal keadaan yang dokumen atau maklumat boleh didedahkan</i>	<i>Ruang kedua</i> <i>Orang kepada siapa dokumen atau maklumat boleh didedahkan</i>
yang ditakrifkan dalam Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010.	
13. Pelaksanaan mana-mana fungsi penyeliaan, penjalanan mana-mana kuasa penyeliaan atau pelepasan mana-mana kewajipan penyeliaan oleh suatu pihak berkuasa yang berkaitan di luar Malaysia yang menjalankan fungsi berpadanan kepada Bank di bawah Akta tersebut.	Mana-mana pegawai pihak berkuasa berkaitan yang diberi kuasa untuk menerima dokumen atau maklumat.
14. Pelakuan fungsi berpusat, yang termasuklah audit, pengurusan risiko, kewangan atau teknologi maklumat atau manamana fungsi berpusat lain dalam kumpulan kewangan.	Ibu pejabat atau syarikat pemegangan suatu institusi kewangan sama ada di dalam atau luar Malaysia atau manamana orang yang ditetapkan oleh ibu pejabat atau syarikat pemegangan untuk melaksanakan fungsi sedemikian.
15. Penjalanan usaha wajar yang diluluskan oleh lembaga pengarah institusi kewangan berkaitan dengan- (a) percantuman dan pengambilan; (b) pelaksanaan untuk meningkatkan modal; atau (c) penjualan aset atau semua atau sebahagian perniagaan.	Mana-mana orang yang mengambil bahagian atau sebaliknya terlibat dalam penjalanan usaha wajar yang diluluskan oleh lembaga pengarah institusi kewangan itu.
16. Pelaksanaan fungsi suatu institusi kewangan yang telah disumberluarkan.	Mana-mana orang yang telah diambil khidmat oleh institusi kewangan itu untuk melaksanakan fungsi yang telah disumberluarkan itu.
17. Pendedahan kepada perunding atau ajuster yang dilantik oleh suatu institusi kewangan.	Perunding atau ajuster yang dilantik oleh institusi kewangan itu.

<i>Ruang pertama</i> <i>Maksud bagi dokumen atau hal keadaan</i> <i>yang dokumen atau maklumat boleh</i> <i>didedahkan</i>	<i>Ruang kedua</i> <i>Orang kepada siapa dokumen atau</i> <i>maklumat boleh didedahkan</i>
18. Suatu institusi kewangan yang mempunyai sebab untuk mengesyaki bahawa suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis telah, sedang atau mungkin dilakukan.	Mana-mana pegawai institusi kewangan lain atau persatuan institusi kewangan yang berkaitan yang diberi kuasa untuk menerima dokumen atau maklumat.